

HARI PERTAMA 04HB JUN 2024

**PERSIDANGAN KALI YANG KEDUA
BAGI TEMPOH PENGGAL YANG KEDUA
DEWAN NEGERI KELANTAN KELIMABELAS**

=====

[26 ZULKAEDAH 1445H / 04HB JUN 2024]

AHLI-AHLI YANG HADIR

BIL	NAMA	KAWASAN
1.	YB DATO' SRI AMAR D'RAJA DATO' HJ MOHD AMAR B ABDULLAH <i>S.J.M.K.,D.J.M.K.,J.M.K. (Kelantan)</i>	PANCHOR / SPEAKER
2.	YAB DATO' PANGLIMA PERANG USTAZ DATO' HJ MOHD NASSURUDDIN B HJ DAUD <i>S.J.M.K.,D.J.M.K.,J.M.K. (Kelantan)</i> (Pengerusi Jawatankuasa Perancangan, Pentadbiran Awam, Kewangan, Ekonomi & Tanah)	MERANTI / MENTERI BESAR
3.	YB DATO' DR. HJ MOHAMED FADZLI B DATO' HJ HASSAN <i>D.J.M.K.,J.M.K. (Kelantan)</i> (Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wilayah, Sumber Asli, Integriti, Pembangunan Insan & Undang-undang)	TEMANGAN / TIMBALAN MENTERI BESAR
4.	YB MEJ. (B) DATO' HJ MD ANIZAM B AB RAHMAN <i>D.J.M.K.,J.M.K. (Kelantan)</i> (Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Perindustrian, Sumber Manusia, Perdagangan & Keusahawanan)	KEMAHANG
5.	YB DATO' DR. IZANI B HAJI HUSIN <i>D.J.M.K. (Kelantan)</i> (Pengerusi Jawatankuasa Kerjaraya, Infrastruktur, Air & Pembangunan Luar Bandar)	KIJANG
6.	YB TUAN HJ SARIPUDIN B TUAN ISMAIL <i>J.M.K. (Kelantan)</i> (Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Agromakanan & Komoditi)	SELISING

7.	YB TUAN HJ WAN ROSLAN B WAN HAMAT <i>J.M.K., A.S.K.</i> (Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Pengajian Tinggi, Teknologi Hijau, Digital & Inovasi)	PENGKALAN KUBOR
8.	YB TUAN MOHD ASRI B MAT DAUD (Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan & Hubungan Seranta)	DEMIT
9.	YB TUAN HILMI B ABDULLAH (Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan & Alam Sekitar)	GUCHIL
10.	YB PUAN HJH ROHANI BT IBRAHIM <i>J.M.K., S.M.K.</i> (Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan, Pembangunan Keluarga & Wanita)	TANJONG MAS
11.	YB ZAMAKHSHARI B MUHAMAD (Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, NGO & Perpaduan Masyarakat)	APAM PUTRA
12.	YB DATUK KAMARUDIN B MD NOR <i>D.M.S.M.,A.M.N.</i> (Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Kebudayaan, Kesenian & Warisan)	AYER LANAS
13.	YB DATO' MOHAMED FARID B MOHAMED ZAWAWI <i>D.I.M.P.</i>	KOK LANAS / TIMBALAN SPEAKER
14.	YB DATO' BENTARA KANAN USTAZ DATO' HJ AHMAD B YAKOB <i>S.J.M.K.,D.J.M.K.,S.M.K.,J.P.</i>	PASIR PEKAN
15.	YB DATO' SR HJ AZAMI B MOHD NOR <i>D.J.M.K.,J.M.K.</i>	KADOK
16.	YB DATO' HJ ABDUL FATTAH B MAHMOOD <i>D.J.M.K.,J.M.K.</i>	BUKIT PANAU
17.	YB TUAN HJ ABD. RAHMAN B YUNUS <i>J.M.K.</i>	PASIR TUMBOH
18.	YB TUAN HJ MOHD FAUZI B ABDULLAH <i>J.M.K</i>	MANEK URAI

19.	YB TUAN HJ MOHD HUZAIMY B CHE HUSSIN <i>J.M.K.,A.K.</i>	PANTAI IRAMA
20.	YB TUAN ROZI B MUHAMAD <i>J.M.K</i>	TENDONG
21.	YB TUAN AZHAR B SALLEH <i>A.S.K.</i>	PULAI CHONDONG
22.	YB TUAN HJ ZURAIDIN B ABDULLAH	CHETOK
23.	YB TUAN MOHD RUSLI B ABDULLAH	WAKAF BHARU
24.	YB KU MOHD ZAKI B KU HUSIN	DABONG
25.	YB TUAN MOHD RODZI B JAAFAR	GAAL
26.	YB TUAN HJ MOHD ADANAN B HASSAN <i>J.M.K.</i>	KELABORAN
27.	YB TUAN WAN ROHIMI B WAN DAUD <i>A.K.,J.S.M.</i>	MELOR
28.	YB TUAN KAMARUZAMAN B MOHAMAD <i>J.S.M.</i>	GUAL PERIOK
29.	YB TUAN NIK BAHRUM B NIK ABDULLAH <i>A.S.K.</i>	CHEMPAKA
30.	YB TUAN BAHARI B MOHAMAD NOR	GUAL IPOH
31.	YB PUAN NOR ASILAH BT MOHAMED ZIN	LIMBONGAN
32.	YB TUAN ZAMERI B MAT NAWANG	JELAWAT
33.	YB TUAN MOHAMAD NASRIFF B DAUD @ DAUD YATIMEE	PENGKALAN PASIR
34.	YB DATO' SHAARI B MAT HUSSAIN <i>D.P.T.J.</i>	PALOH
35.	YB DATO' ABDUL HADI B AWANG KECHIL <i>D.P.S.K., P.S.K. (Kelantan), J.M.N., K.M.N.</i>	KUALA BALAH
36.	YB TUAN ZUBIR B ABU BAKAR	MENGKEBANG

- 37. YB TUAN HARUN B ISMAIL
- 38. YB TUAN AHMAD ZAKHRAN B MAT NOOR
- 39. YB TUAN MOHD ALMIDI B JAAFAR
- 40. YB TUAN NOR SHAM B SULAIMAN
- 41. YB TUAN MOHD AZIZI B ABU NAIM
- 42. YB DR. HAFIDZAH BT HJ. MUSTAKIM
- 43. YB TUAN HJ MOHD SYAHBUDDIN B HASHIM
J.M.K.

TIDAK HADIR DENGAN MAAF :

- 1. YB TUAN SHAARI BIN MAT YAMAN
A.K.
- 2. YB TUAN SAIZOL B ISMAIL

TAWANG
KEMUNING
BUKIT BUNGA
SEMERAK
NENGGIRI
KOTA LAMA
GALAS

BUNUT PAYONG
SALOR

HARI PERTAMA 04HB JUN 2024

**AHLI MENURUT
PERKARA X111 (3)
UNDANG-UNDANG PERLEMBAGAAN TUBUH KERAJAAN
KELANTAN,
BAHAGIAN PERTAMA**

YB DATO' IDHAM BIN HAJI ABD GHANI
[PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI KELANTAN]
D.P.S.K. (Kelantan)

YBM TENGKU KAYA PERKASA
DATO' DR TENGKU MOHAMED FAZIHARUDEAN BIN TENGKU
FEISSAL
[PEGAWAI KEWANGAN NEGERI KELANTAN]
D.J.M.K. (Kelantan)

TIDAK HADIR :

YB DATO' HAJI NAZRAN BIN MUHAMMAD
[DATO' KAYA SETIA SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI KELANTAN]
S.P.S.K.,D.P.S.K.(KELANTAN),P.S.K.,B.S.K.,A.S.K.

**SETIAUSAHA DEWAN NEGERI
KELANTAN**

[MOHD ZAIKA YAMANI BIN IBRAHIM]
A.S.K.,B.S.K.

**PERSIDANGAN KALI KEDUA
BAGI TEMPOH PENGGAL KEDUA
DEWAN NEGERI KELANTAN
YANG KELIMABELAS
PADA 26, 27 DAN 28 ZULKAEDAH 1445 H
[04HB, 05HB DAN 06 JUN 2024/ SELASA, RABU DAN KHAMIS]
=====**

SETIAUSAHA :

بسم الله الرحمن الرحيم
السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Persidangan Kali Kedua, Bagi Tempoh Penggal Kedua, Dewan Negeri Kelantan Yang Kelimabelas,

الفاتحه...

I. .. DOA.

SETIAUSAHA : Susunan Urusan Persidangan Yang Pertama, Berdoa....

[Sambil Berdiri]

II - PENGESAHAN PERINGATAN PERSIDANGAN KALI YANG PERTAMA BAGI TEMPOH PENGGAL YANG KEDUA, DEWAN UNDANGAN NEGERI KELANTAN KELIMABELAS.

SETIAUSAHA : Susunan Urusan Persidangan Yang Kedua, Pengesahan Peringatan Persidangan Kali Pertama Bagi Tempoh Penggal Yang Kedua, Dewan Undangan Negeri Kelantan Yang Kelimabelas.

YB DATO' SPEAKER : Minta cadangan...

YB DATO' ABDUL HADI BIN AWANG KECHIL : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon mencadangkan Peringatan Persidangan Kali Pertama Bagi Tempoh Penggal Kedua, Dewan Negeri Kelantan Kelimabelas yang telah diadakan pada hari-hari Isnin, Selasa, Rabu dan

Khamis 23, 24, 25 dan 26 Syaaban 1445 Hijriah bersamaan 04hb. 05hb, 06hb dan 07hb Mac 2024 Dewan Negeri Kelantan supaya diterima dan disahkan. Terima kasih.

YB DATO' SPEAKER : Sokongan ...

YB TUAN NORSHAM BIN SULAIMAN : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon menyokong cadangan tersebut.

YB DATO' SPEAKER : Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, persoalan yang ada di hadapan kita sekarang ialah satu cadangan supaya Peringatan Persidangan Kali Pertama Bagi Tempoh Penggal Kedua, Dewan Negeri Kelantan Kelimabelas yang telah diadakan pada hari-hari Isnin, Selasa, Rabu dan Khamis 23, 24, 25 dan 26 Syaaban bersamaan 1445 Hijriah bersamaan 04hb, 05hb, 06hb dan 07hb Mac 2024 Dewan Negeri Kelantan supaya diterima dan disahkan.

Dengan demikian, sekarang saya kemukakan cadangan tersebut bagi diundi.

**AHLI-AHLI YANG BERHORMAT YANG BERSETUJU, KATA "SETUJU",
AHLI-AHLI YANG TIDAK BERSETUJU, KATA "TIDAK."**

Dipersetujukan.

Peringatan Persidangan Kali Pertama Bagi Tempoh Penggal Kedua, Dewan Negeri Kelantan Kelimabelas yang telah diadakan pada hari-hari Isnin, Selasa, Rabu dan Khamis 23, 24, 25 dan 26 Syaaban bersamaan 1445 Hijriah bersamaan 04hb. 05hb, 06hb dan 07hb Mac 2024 Dewan Negeri Kelantan supaya diterima dan disahkan.

**[PERINGATAN PERSIDANGAN KALI PERTAMA BAGI TEMPOR
PENGAL YANG KEDUA DEWAN NEGERI KELANTAN KELIMABELAS
DISAHKAN]**

**[SETIAUSAHA MENGANGKAT TEKS-TEKS PERINGATAN TERSEBUT
KEPADA YB DATO' SPEAKER]**

III ... UCAPAN OLEH YB DATO' SPEAKER

SETIAUSAHA : Susunan Urusan Persidangan Yang Ketiga, Ucapan Yang Berhormat Dato' Speaker..

YB DATO' SPEAKER :

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana Persidangan Kali Kedua bagi tempoh Penggal Kedua Dewan Negeri Kelantan Kelimabelas dapat diadakan pada hari ini. Saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-Ahli Dewan yang telah memberi kerjasama dalam menyediakan soalan-soalan yang dikemukakan sama ada Soalan Bertulis mahupun Soalan Lisan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, saya ada menerima sepucuk surat pemakluman dan juga permohonan untuk tidak menghadiri persidangan pada kali ini daripada Yang Berhormat Salor. Beliau menunaikan ibadat Haji di Mekah bermula pada 30hb Mei 2024 sehinggalah 12 Julai 2024. Semoga beliau mendapat Haji yang mabrur dan saya dengan ini meluluskan permohonan beliau untuk tidak hadir persidangan pada kali ini. Terima kasih.

IV - KERTAS-KERTAS YANG DIBENTANG DI ATAS MEJA.

SETIAUSAHA : Susunan Urusan Persidangan Yang Keempat, Kertas-Kertas Yang Dibentang Di atas Meja.

Kertas-kertas tersebut ialah Kertas Dewan Bil.12 Tahun 2024 hingga Kertas Dewan Bil.17 Tahun 2024 sebagaimana yang dibentang di atas meja di hadapan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

1. Kertas Dewan Bil.12/2024 .. Penyata Kewangan Majlis Daerah Pasir Mas Bagi Tahun 2022.

- | | | |
|-----------------------------|----|--|
| 2. Kertas Dewan Bil.13/2024 | .. | Penyata Kewangan Majlis Daerah Bachok- Bandar Pelancongan Islam Bagi Tahun 2022. |
| 3. Kertas Dewan Bil.14/2024 | .. | Penyata Kewangan Majlis Daerah Kuala Krai Bagi Tahun 2022. |
| 4. Kertas Dewan Bil.15/2024 | .. | Penyata Kewangan Daerah Majlis Gua Musang Bagi Tahun 2022. |
| 5. Kertas Dewan Bil.16/2024 | .. | Penyata Kewangan Majlis Daerah Jeli Bagi Tahun 2022. |
| 6. Kertas Dewan Bil.17/2024 | .. | Penyata Tahunan Perbadanan Pembangunan Ladang Rakyat Negeri Kelantan Bagi Tahun 2022 dan Sijil Ketua Audit Negera Mengenai Penyata Kewangan Perbadanan Pembangunan Ladang Rakyat Negeri Kelantan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2022. |

V - SOALAN-SOALAN YANG DIBERITAHU

SETIAUSAHA : Susunan Urusan Persidangan Yang Kelima, Soalan-Soalan Yang Diberitahu.

Soalan-soalan yang dikemukakan untuk mendapat **Jawapan Bertulis**.

Soalan-soalan oleh:

YB TUAN HJ MOHD ADANAN BIN HASSAN
YB TUAN HJ NIK BAHRUM BIN NIK ABDULLAH
YB PUAN DR HAFIDZAH BINTI HJ MUSTAKIM
YB TUAN MOHAMAD NASRIFF BIN DAUD@DAUD YATIMEE
YB TUAN HJ ZURAIDIN BIN ABDULLAH
YB TUAN KAMARUZAMAN BIN MOHAMAD

YB TUAN HJ HARUN BIN ISMAIL
YB TUAN HJ MOHD HUZAIMY BIN CHE HUSIN
YB TUAN BAHARI BIN MOHAMAD NOR
YB TUAN HJ AZHAR BIN SALLEH
YB DATO' ABDUL HADI BIN AWANG KECHIL
YB TUAN ZUBIR BIN ABU BAKAR
YB TUAN HJ MOHD FAUZI BIN ABDULLAH

Jawapan-jawapan bagi soalan-soalan tersebut adalah sebagaimana yang dibentang di atas meja di hadapan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian.

Soalan-soalan yang dikemukakan untuk mendapat **Jawapan Mulut**.

YB TUAN HJ MOHD ADANAN BIN HASSAN
YB TUAN MOHD RUSLI BIN ABDULLAH
YB TUAN HJ NIK BHRUM BIN NIK ABDULLAH
YB TUAN HJ ABD RAHMAN BIN YUNUS
YB TUAN MOHAMAD NASRIFF BIN DAUD@DAUD YATIMEE
YB TUAN HJ ZURAIDIN BIN ABDULLAH
YB TUAN KAMARUZAMAN BIN MOHAMAD
YB TUAN HJ HARUN BIN ISMAIL
YB TUAN HJ MOHD HUZAIMY BIN CHE HUSIN
YB TUAN ZAMERI BIN MAT NAWANG
YB WAN ROHIMI BIN WAN DAUD
YB PUAN NOR ASILAH BINTI MOHAMED ZIN
YB TUAN NORSHAM BIN SULAIMAN
YB TUAN MOHD RODZI BIN JAA'FAR
YB TUAN HJ AZHAR BIN SALLEH
YB TUAN AHMAD ZAKHRAN BIN MAT NOOR
YB TUAN MOHD ALMIDI BIN JAAFAR
YB DATO' ABDUL HADI BIN AWANG KECHIL
YB TUAN HJ MOHD FAUZI BIN ABDULLAH
YB TUAN KU MOHD ZAKI BIN KU HUSSIN
YB TUAN MOHD AZIZI BIN ABU NAIM
YB DATO' SHAARI BIN MAT HUSSAIN
YB TUAN HJ MOHD SYAHBUDDIN BIN HASHIM

YB DATO' SPEAKER : Sekarang saya menjemput Yang Berhormat ADUN Chempaka.

YB TUAN HJ NIK BAHRUM BIN NIK ABDULLAH :

Yang Berhormat Mulia Dato' Speaker, saya dengan ini pohon untuk mendapatkan jawapan terhadap soalan saya nombor 1 dalam senarai.

Soalan 1 :

[Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, berapa jumlah geran tahunan yang diterima dari Kerajaan Persekutuan bagi tahun-tahun 2019, 2020, 2021, 2022 dan 2023 serta berapa pula jumlah yang sepatutnya diterima oleh Kerajaan Negeri bagi tahun 2024?]

YAB DATO' PANGLIMA PERANG USTAZ DATO' MENTERI BESAR :

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Speaker dan juga ADUN Chempaka yang mengemukakan soalan. Firman Allah ...

وَتَعَاوُنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ وَلَا تَعَاوُنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ

Maksudnya : Dan hendaklah kamu tolong menolong dalam perkara kebajikan dan ketaqwaan dan jangan sekali-kali kamu menolong dalam perkara yang melibatkan dosa dan juga permusuhan. Dan bertaqwalah kamu semua pada Allah SWT kerana sesungguhnya Allah SWT amat berat azab seksaannya.

Geran tahunan yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan adalah dalam bentuk geran per kapita, geran jalan, geran MARRIS dan lain-lain geran. Jumlah bagi tahun 2019 adalah sebanyak RM272.55 juta. Tahun 2020 sebanyak RM296.98 juta. Tahun 2021 sebanyak RM317.65 juta. Tahun 2022 sebanyak RM346.91 juta dan bagi tahun 2023 sebanyak RM354.02 juta.

Anggaran geran tahunan bagi tahun 2024 belum dapat diberikan kerana tertakluk kepada polisi dan dasar yang ditetapkan oleh kerajaan dari semasa ke semasa. Dan saya mengambil kesempatan untuk ucap ribuan terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan khususnya kepada Yang Berhormat Dato' Sri Perdana Menteri. Sekian.

YB DATO' SPEAKER : Sila Chempaka.

YB TUAN HJ NIK BAHRUM BIN NIK ABDULLAH :

Terima kasih di atas jawapan yang diberikan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Panglima Perang yang menunjukkan bahawa apa ini hubungan baik di antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan di atas prinsip *federalism*.

Cuma soalan tambahan saya bagaimanakah Kerajaan Negeri menggunakan geran yang diterima daripada Persekutuan tersebut dan adakah kerajaan Negeri berhasrat dan bercadang untuk memohon daripada Kerajaan Persekutuan agar geran per kapita kepada negeri-negeri dinaikkan daripada kadar yang ada pada masa sekarang.

YAB DATO' PANGLIMA PERANG USTAZ DATO' MENTERI BESAR :

Terima kasih Yang Berhormat Chempaka. Geran yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Yang Disatukan dan perbelanjaan daripada Kumpulan Wang Yang Disatukan ini adalah berdasarkan keutamaan perbelanjaan dalam Belanjawan Negeri yang setiap tahun di audit oleh Ketua Audit Negara.

Geran Per Kapital adalah pemberian berasaskan pada Perkara 109 Perlembagaan Persekutuan yang diberi mengikut kepala. Yang dihitung mengikut peruntukan Bahagian 1 Jadual Kesepuluh Perlembagaan Persekutuan. Kadar Geran Per Kapita pernah dipinda pada tahun 1976, 1981, tahun 2022 dan pindaan terakhir dibuat ialah pada tahun 2006 iaitu 18 tahun yang lalu.

Saya pernah mencadangkan dalam mesyuarat Menteri-Menteri Besar bersama Perdana Menteri supaya kadar ini disemak semula bersesuaian dengan keadaan semasa dan Alhamdulillah Menteri-Menteri Besar pada waktu itu Menteri Besar Pahang, Menteri Besar Perak menyokong cadangan tersebut. Jadi Pihak Kerajaan Persekutuan memberi respon bahawa pihak kerajaan akan tengok kepada keadaan kewangan Kerajaan Persekutuan, sekian terima kasih.

YB DATO' SPEAKER :

Sila Galas.

YB TUAN HJ MOHD SYAHBUDDIN BIN HASHIM :

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih. Geran tahunan ini adalah merupakan pemberian wajib ditunaikan oleh Kerajaan Persekutuan dan ia merupakan tanggungjawab Persekutuan. Soalan saya Yang Amat Berhormat, pernahkah dalam mana-mana tahun sejak tahun 1990 geran-geran tahunan ini disekat, diabaikan atau tidak diberi oleh Kerajaan Persekutuan kepada Negeri kita. Terima kasih.

YAB DATO' PANGLIMA PERANG USTAZ DATO' MENTERI BESAR :

Sejak saya diamanahkan menjadi Menteri Besar tidak pernah disekat.

YB DATO' SPEAKER :

Tak ada? Dipersilakan ADUN Jelawat.

YB TUAN ZAMERI BIN MAT NAWANG :

Yang Berhormat Dato' Speaker, mohon jawapan kepada soalan nombor 2.

Soalan 2 :

[Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, apakah status terkini cadangan pindaan Enakmen Pentadbiran Mahkamah Syariah Negeri Kelantan 1982.]

YB TUAN MOHD ASRI BIN MAT DAUD :

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Dato' Sri Amar D'Raja Dato' Speaker, terima kasih di atas soalan daripada Jelawat. Kerajaan Negeri sedang menggubal Rang Undang-Undang Pentadbiran Mahkamah Syariah yang terbaru dan ianya akan menggantikan Enakmen Pentadbiran Mahkamah Syariah Negeri Kelantan 1982. Draf pindaan tersebut juga pada asasnya telah dibentangkan dalam Mesyuarat Ahli Majlis bagi Majlis Adat Istiadat Melayu Islam, Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Islam Kelantan (MAIK). Serta telah memutuskan dalam mesyuarat tersebut supaya satu Jawatankuasa Khas bagi mengkaji semula penggubalan draf

cadangan Rang Undang-Undang tersebut. Dan Rang Undang-Undang yang terbaru ini sedang digubal ini dia adalah lebih komprehensif dan kini berada diperingkat kajian terperinci oleh Bahagian Undang-Undang di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan.

Dalam kajian tersebut dinyatakan berkaitan keperluan adanya kepada empat ataupun lima peringkat mahkamah dengan mengambil kira pelaksanaan di negeri-negeri lain dari sudut polisi dan juga perancangan ke hadapan oleh Kerajaan Persekutuan dari sudut bagaimana untuk menyelaraskan penyeragaman dan pemerkasaan mahkamah Syariah yang ada di Malaysia. Terima kasih.

YB DATO' SPEAKER :

Sila Jelawat.

YB TUAN ZAMERI BIN MAT NAWANG :

Dengan izin ya Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan saya, sejauh mana Kerajaan Negeri melihat kepentingan pindaan Enakmen Pentadbiran Mahkamah Syariah ini pasca 16 seksyen Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri Kelantan 2019, terima kasih.

YB TUAN MOHD ASRI BIN MAT DAUD :

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih di atas soalan tambahan Jelawat tadi. Penggubalan Rang Undang-Undang yang terbaru ini yang menggantikan Enakmen Pentadbiran Mahkamah Syariah 1982 pasca pembatalan 16 seksyen Enakmen Kanun Jenayah Syariah 1, 2019 yang lalu, ia sebenarnya lebih membuka ruang dan juga memberi jaminan di dalam pelaksanaan terhadap keadilan dalam kes-kes syariah yang berlaku melalui Institusi Kehakiman Syariah.

Dan ianya In Shaa Allah lebih baik setanding bahkan lebih baik daripada Institusi Kehakiman Mahkamah Sivil dan walaupun pindaan tersebut ia hanya melibatkan soal teknikal pengurusan tetapi dengan pindaan tersebut dia akan memberi pemerkasaan kepada kuasa Mahkamah Syariah secara tidak langsung dia akan memberikan kesan yang lebih baik kepada perjalanan Enakmen Kanun Jenayah Syariah untuk proses kehakiman yang lebih teratur.

Antara aspek pemeraksanaan Mahkamah Syariah adalah melalui peningkatan peringkat mahkamah daripada tiga peringkat yang ada sekarang ini kepada empat ataupun lima peringkat yang kini dalam kajian terperinci. Peningkatan ini untuk kita pastikan rayuan kes-kes syariah yang berlaku boleh berlaku sebanyak dua kali iaitu rayuan ke mahkamah. Rayuan syariah dan seterusnya ke mahkamah utama Syariah yang kita cadangkan ini. Jadi maksudnya ia akan terlepas daripada mahkamah syariah kepada mahkamah utama syariah. Jadi isu-isu rayuan tersebut tidak hanya sepilah. Dan apa masih dibukakan apa nama kepada pihak yang masih berkhilaf itu untuk mereka membukakan rayuan tersebut. Ini sebagai satu mahkamah utama syariah ini sebagai satu mahkamah tertinggi selepas mahkamah rayuan syariah yang sedia ada lah. Jadi kita doakan supaya In Shaa Allah dalam masa terdekat kita boleh capai usaha ini, terima kasih.

YB DATO' SPEAKER :

Err apa, Pantai Irama.

YB TUAN HJ MOHD HUZAIMY BIN CHE HUSSIN :

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker.

*Pakai baju, baju Melayu baju kebangsaan,
Dipakai oleh kerajaan dan pembangkang,
Semoga perjalanan penuh keberkatan.*

Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan, tak kena ke? Tak kena ko? Biar keno deh. Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan pasal napok Yang Berhormat Galas pakai baju kebangsaan juga, memahami hati.

Yang Berhormat Dato' Speaker, bagaimanakah kerajaan melihat isu pindaan enakmen Pentadbiran Mahkamah Syariah pasca pembatalan 16 seksyen Enakmen Jenayah Syariah. Terima kasih.

YB TUAN MOHD ASRI BIN MAT DAUD :

Pantai Irama sudah dijawab. Jawapannya sama dengan apa yang telah saya nyatakan tadi bahawa pasca pembatalan 16 seksyen, jadi kita nak

memperkasakan urusan hal ehwal yang berkaitan dengan proses kehakiman di Mahkamah Syariah ini sebab itu antara usaha utama kitanya ialah kita nak wujudkan mahkamah dengan adanya mahkamah utama syariah ini juga selain daripada mahkamah Rendah Syariah ada rayuan-rayuan kes dibawa pada Mahkamah Tinggi Syariah, Mahkamah Rayuan Syariah seterusnya dia akan pergi kepada mahkamah lebih tinggi, Mahkamah Utama Syariah yang mana kita rasa dengan peluang-peluang tersebut ia boleh menyelesaikan banyak-banyak kes yang berlaku di antara plaintif dan defendan yang ada lah dalam kes-kes kekeluargaan ataupun jenayah syariah yang berlaku.

Dan masih ada seksyen-seksyen yang tidak dibatalkan yang beroperasi sehingga ke hari ini dan diperingkat tersebut dan ada pun berkenaan dengan kes penggubalan semula itu telah dinyatakan sebelum daripada ini akan dibawa semula ke sini, terima kasih.

YB DATO' SPEAKER :

Oleh kerana Pantai Irama silap soalan, saya bagi pada Kota Lama.

YB PUAN DR. HAFIDZAH BT HJ. MUSTAKIM :

بسم الله الرحمن الرحيم
السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Terima kasih kepada Dato' Speaker yang begitu baik hati pada pagi ini. Terima kasih EXCO atas jawapan tersebut. Soalan tambahan saya, saya juga ingin merakamkan, saya mengikuti CONSIS 2024 dan saya melihat itu satu usaha yang baik mengumpulkan pakar-pakar kita untuk ke arah melakukan enakmen ini dijalankan di Kelantan.

Soalan saya adalah sejauh mana lepas CONSIS tersebut dan juga jawatankuasa ini bagaimana dia menyelaraskan dengan Jawatankuasa Kehakiman Syariah yang ditubuhkan di peringkat kebangsaan. Mungkin tadi EXCO dah sebut tapi saya mahu penjelasan lanjut, apakah langkah-langkah yang dibuat supaya apa yang dibuat diperingkat Persekutuan juga selaras dengan apa yang kita sedang usahakan di peringkat negeri Kelantan, terima kasih.

YB MOHD ASRI BIN MAT DAUD :

Terima kasih Kota Lama. Sudah tentunya kita akan mempunyai hubungan dan kerjasama berkolaborasi dengan apa pihak Kerajaan Negeri dan pihak Persekutuan dalam hal ini dan sebagaimana yang telah dimaklumkan di dalam sidang DUN yang lepas bahawa satu jawatankuasa khas untuk pertahan Enakmen Kanun Jenayah Syariah itu telahpun diwujudkan. Telah pun ada dan dipengerusikan oleh Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri Besar sendiri. Dan langkah awal yang telah dilaksanakan ialah dengan mengadakan CONSENSUS ataupun konvensyen Perundangan di Institusi Syariah baru-baru ini dan telah dicapai beberapa resolusi untuk bergerak ke arah penggubalan semula 16 seksyen tersebut dan akan sampai ke sini semua sekali 45 termasuklah Galas dan Kota Lama In Shaa Allah akan bersama-sama menjayakan serta menyokong penuh usaha ini.

Jadi penyeragaman dengan jawatankuasa Jabatan Kehakiman Mahkamah Syariah di Malaysia sudah tentulah akan berlaku dan kita sentiasa berhubung untuk memastikan bahawa hal ehwal yang berkaitan dengan perundangan dan juga penyelarasan di dalam pemerkasaan perundangan syariah termasuklah institusi Mahkamah Syariah ini berjalan serentak. Jadi itu apa nama yang telah dilaksanakan diperingkat kali ini. Terima kasih.

YB DATO' SPEAKER :

Dipersilakan Yang Berhormat Pengkalan Pasir.

YB TUAN MOHAMAD NASRIFF BIN DAUD@DAUD YATIMEE :

Yang Berhormat Dato' Sri Amar D'Raja Dato' Speaker, mohon jawapan kepada soalan saya nombor 3.

Soalan 3 :

[Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, apakah usaha langkah kerajaan dalam menangani isu menyediakan kemudahan Jalur Lebar (Intenet) yang mana liputan Negeri Kelantan adalah antara yang terendah di Malaysia?]

YB DATO' DR IZANI BIN HUSIN :

بسم الله الرحمن الرحيم
السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih kepada Pengkalan Pasir atas soalan yang diberikan.

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) dengan kerjasama Kerajaan Negeri Kelantan komited dalam melaksanakan inisiatif-inisiatif Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA) yang meliputi pelaksanaan pembinaan menara baharu, menaik taraf pemancar sedia ada dan penyediaan sambungan gentian optik kepada premis. Antara inisiatif-inisiatif yang telah dan sedang dijalankan di bawah Pelan JENDELA di negeri Kelantan setakat 29 Februari 2024 adalah seperti berikut:-

Inisiatif	Menara Baharu		Naik Taraf Stesen Pemancar		Jalur Lebar Satelit	Premis Gantian (Premis)	Tersedia Optik
Negeri	Perancangan	Siap	Perancangan	Siap	Siap	Perancangan	siap
Kelantan	144	92	2,051	2,050	18	97,787	65,956

Sejumlah 18 lokasi Jalur Lebar menggunakan teknologi satelit (Broadband Wireless Access(BWA)) telah siap dibina dan beroperasi sepenuhnya, yang telah memberikan manfaat kepada 18 buah Kampung Orang Asli (KOA) di Gua Musang, Kelantan.

Bagi memastikan penduduk dapat menikmati liputan internet yang baik dari semasa ke semasa, pihak MCMC dan Kerajaan Negeri Kelantan bersama penyedia perkhidmatan telekomunikasi akan sentiasa berbincang, merancang dan melaksanakan langkah-langkah penambahbaikan seperti menambah lokasi baharu menara

telekomunikasi, menaiktaraf dan/atau menambah kapasiti rangkaian, menjalankan ujian dan pemeriksaan secara berkala. Terima kasih.

YB DATO' SPEAKER :

Pengkalan Pasir.

YB TUAN MOHAMAD NASRIFF BIN DAUD@DAUD YATIMEE :

Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan saya seperti mana yang kita maklum satu bahagian khas telah ditubuhkan iaitu bahagian Koridor Infrastruktur dan maklumat sistem special yang mana bahagian ini adalah tujuan telah penyelarasan untuk penggunaan-penggunaan infrastruktur internet dan sebagainya yang meliputi penggunaan oleh TNB, oleh AKSB dan juga telco-telco.

Dan sebagaimana yang kita ketahui satu dasar telah dibuat oleh bahagian ini untuk memastikan setiap telco-telco itu hendaklah melalui proses yang, yang sepatutnya. Dan apakah tanggungjawab Memastikan setiap telco itu merencanakan pembinaan Menara sepertimana yang kita ketahui proses pembinaan menara ini telah bergantung kepada permintaan pengguna. Maknanya di sini adalah bukan berdasarkan kepada keperluan ya, berdasarkan ataupun pengguna semasa. Maknanya telco tidak akan menyediakan menara selagi mana penggunaan itu tidak mencapai tahap yang diperlukan oleh mereka.

Jadi persoalan saya bagaimana kita nak memastikan penyediaan jalur lebar sebagainya disediakan dengan kadar yang untuk perancangan pada masa akan datang. Dan sebagaimana yang kita ketahui dalam bidang pelaburan antara benda yang disoal oleh bahagian pelabur bagaimanakah kita menyediakan kemudahan internet yang boleh memastikan perusahaan atau perniagaan mereka berjalan dengan baik.

YB DATO' DR IZANI BIN HUSIN :

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih Pengkalan Pasir di atas soalan tambahan. Pihak kerajaan sentiasa mengambil berat dan juga peranan yang dimainkan oleh Bahagian Koridor Infrastruktur (BKI)

untuk merancakkan lagi liputan agar liputan internet di Negeri Kelantan mencapai tahap yang di kehendaki. Jadi pihak kerajaan sentiasa mengadakan perbincangan bagi melancarkan pembinaan dan seumpamanya, contoh syarikat-syarikat Telco datang berbincang dengan kita bagaimanakah kaedah-kaedah dan kita juga memohon supaya syarikat-syarikat Telco ini mengemukakan sebarang cadangan dan perancangan untuk kita mempermudah lagi bagaimana untuk merancakkan pembinaan, merancakkan liputan agar tanda harga yang ditetapkan oleh kerajaan berpatutan sebagaimana disebut.

Jadi minggu lepas ada syarikat telco datang kepada kita mengemukakan cadangan dan pihak kerajaan mengambil respon dan kita angkat kepada pihak kerajaan untuk dipertimbangkan. Dan sebelum daripada ini ada syarikat-syarikat telco mengemukakan rayuan untuk mengurangkan bayaran-bayaran yang dikenakan oleh pihak kerajaan dan kita bersetuju di pihak kerajaan setelah berbincang untuk mengurangkan rayuan-rayuan yang telah dikemukakan oleh syarikat-syarikat telco. Jadi kadar liputan internet di kawasan penduduk di negeri Kelantan setakat 31 Mac 2024 telah mencapai sebanyak 96.72% yang bagi meningkatkan kadar liputan internet dan kualiti perkhidmatan telekomunikasi di Negeri Kelantan. Terima kasih.

YB DATO' SPEAKER :

Galas. Galas bangun dulu. Sila.

YB TUAN HJ MOHD SYAHBUDDIN BIN HASHIM :

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih. Bagi rakyat yang tinggal di kawasan luar bandar Syarikat Telekomunikasi Bina Net akan membantu menyalurkan ataupun memberi kemudahan internet kepada rakyat dalam pelbagai perkara khususnya bidang pendidikan dan aktiviti ekonomi secara atas talian.

Soalan tambahan saya Yang Berhormat, adakah pihak kerajaan sedar ataupun akui bahawasanya terdapat isu yang ketara berkenaan dengan liputan di Kawasan Luar Bandar terutamanya di Kawasan Gua Musang seperti yang berlaku di gangguan kritikal di Kampung Sungai Asap, di

Kampung Mentaram, dan juga Kampung Kuala Betis yang pada saya nampaknya isu ini berlarutan dan kurang diberi perhatian. Terima kasih.

YB DATO' DR IZANI BIN HUSIN :

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih Galas. Apa jua permasalahan yang berlaku kita sedar dan kita ambil respon dan kita mengadakan sentiasa mengadakan perbincangan-perbincangan dengan syarikat-syarikat Telco. Jadi In Shaa Allah minggu depan juga saya dijemput HQ syarikat Telco ini untuk bincang masalah-masalah yang boleh kita atasi bersama In Shaa Allah, terima kasih.

YB DATO' SPEAKER :

Dipersilakan Yang Berhormat Kelaboran.

YB TUAN HAJI MOHD ADANAN BIN HASSAN :

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Dato' Speaker, pohon jawapan kepada soalan saya nombor 4.

Soalan 4 :

[Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, apakah langkah-langkah yang dibuat oleh Kerajaan Negeri bagi memastikan kawasan yang terlibat dengan pusat pembuangan sampah dijaga dari segi alam sekitarnya dan tidak berbau busuk serta tidak berlaku kebakaran yang boleh mengganggu penduduk sekitar?]

YB TUAN HILMI BIN ABDULLAH :

بسم الله الرحمن الرحيم

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Amar D'Raja Dato' Speaker, untuk makluman Yang Berhormat ADUN Kelaboran, setiap PBT mempunyai

tapak pelupusan masing-masing dan ada tiga tapak pelupusan yang memang telah diberikan konsesi oleh sebuah syarikat yang dipelihara oleh Kerajaan Negeri sehingga persetujuan daripada PBT iaitu tapak pelupusan di Beris Lalang, tapak pelupusan di Kok Bedolah Tumpat dan tapak pelupusan di Bukit Che Ros Tanah Merah. Hari ini saya akan tumpukan jawapan pada persoalan Kelaboran berkaitan tapak pelupusan di Kok Bedolah Tumpat.

Tapak Pelupusan Kok Bedolah Tumpat telah wujud sejak tahun 80-an lagi dan pada mulanya, ia di operasikan oleh Majlis Daerah Tumpat sehingga penghujung tahun 2022. Pada Januari tahun 2023, pihak Kelantan Utilities Mubaarakan Holdings Sdn Bhd (KUM) telah mengambil alih pengoperasian tersebut melalui anak syarikatnya iaitu Pengurusan Sisa Pepejal Mubaarakan Sdn Bhd (PSPM).

Bermula tahun pada 2023, beberapa penambahbaikan telah dilakukan oleh pihak PSPM dengan menggunakan dana Syarikat dan dana bantuan dari Kerajaan Negeri. Antara penambahbaikan tersebut ialah membersihkan segala longgokan sisa-sisa pepejal yang memenuhi jalan masuk yang hampir dengan jalan utama. Kedua, menyediakan jentera yang mencukupi bagi menolak dan memampatkan lebih kurang 80 tan sisa pepejal sehari yang dihantar secara harian oleh Majlis Daerah Tumpat.

Ketiga, memastikan tiada air leachate (air sampah) yang mengalir keluar dari tapak pelupusan dengan menyenggara longkang perimeter sedia ada. Keempat, membina longkang perimeter secara berperingkat bagi mengurangkan kesan kepada alam sekitar. Kelima, syarikat telah membina dan mengoperasikan jambatan Timbang untuk tujuan pengumpulan data, pungutan sampah yang lebih tepat.

Dan keenam, sentiasa mencari cara atau teknologi yang akan meningkatkan kadar kitar semula bagi mengurangkan kemasukan sisa pepejal ke tapak yang baru.

Manakala di pihak kerajaan Negeri telah memberikan peruntukan untuk syarikat membuat penutupan selamat (*capping*) dengan menggunakan tanah merah bagi mengurangkan risiko kebakaran dan mengurangkan bau busuk di tapak pelupusan. Untuk tujuan ini, sebanyak RM45,940 telah dibelanjakan pada tahun 2023 dan sebanyak RM59,400

dibelanjakan pada tahun 2024. Oleh kerana proses penutupan selama ini menelan belanja yang besar, maka ianya terpaksa dilakukan secara berkala. Pihak MDT juga telah membekalkan sebanyak 975 tan pasir untuk tujuan memadamkan api kebakaran di tapak pelupusan yang berlaku pada 6 April 2024 – 20 April 2024 yang lepas.

Dikesempatan ini saya ingin mengucapkan terima kasih pada Ahli Parlimen Tumpat dan semua ADUN dalam kawasan Parlimen Tumpat dan juga agensi yang berkaitan iaitu Bomba, JPS, apa ni APM, petugas daripada MDT yang bertungkus lumus memadamkan kebakaran menjelang Hari Raya pada bulan lepas, sekian saja jawapan.

YB DATO' SPEAKER :

Kelaboran.

YB TUAN HAJI MOHD ADANAN BIN HASSAN :

Terima kasih di atas jawapan yang diberikan. Memandangkan kebakaran yang berlaku agak lama yang melibatkan perbelanjaan yang agak besar serta berulang setiap tahun. Jadi apakah langkah-langkah yang jangka panjang yang akan dibuat oleh pihak kerajaan untuk mengelak supaya kebakaran di tempat pelupusan sampah tidak berulang lagi.

YB TUAN HILMI BIN ABDULLAH :

Terima kasih Kelaboran untuk soalan tambahan. Untuk langkah panjang sebagaimana di amalkan SOP di tapak pelupusan pertama sekali kita akan membuat kempen penutupan selamat ke atas sampah-sampah iaitu dengan menutup sampah menggunakan tanah merah ataupun pasir. Dan kita juga akan membina longkang untuk jadikan sebagai *fire breaker* kepada tapak pelupusan sekiranya berlaku kebakaran untuk mengelakkan api daripada merebak. Dan juga kita sedang mengadakan pembinaan sel iaitu tapak-tapak pelupusan bagi memastikan kebakaran tidak merebak kepada tapak pelupusan yang berikutnya. Di samping itu kita telah membeli pam air mengikut spesifikasi yang telah dicadangkan oleh Jabatan Bomba untuk digunakan sebagai langkah kawalan awal sekiranya berlaku kebakaran di tapak pelupusan.

Selain itu juga, kita juga memperketatkan SOP untuk mencegah kebakaran dan mengawal kebakaran di tapak pelupusan dengan mengadakan kursus kepada petugas-petugas yang dibuat oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat.

Dan akhir sekali kita telah mengarahkan kepada semua tapak pelupusan supaya membina kolam-kolam tangkungan memandangkan pada tahun ini kita mengalami pengalaman iaitu kekurangan bekalan air untuk kita menyedut air daripada tali air berdekatan untuk kita memadamkan api di tapak pelupusan. Dan ini pastinya menelan belanja yang besar setiap tapak pelupusan melibatkan jumlah keluasan yang besar. Dan inilah antara kaedah-kaedah yang kita lakukan untuk mencegah kebakaran jangka masa panjang. Terima kasih.

YB DATO' SPEAKER :

Sila Tendong.

YB TUAN ROZI BIN MUHAMAD :

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Soalan tambahan berkaitan dengan sistem pelupusan sampah yang kita lakukan di negeri Kelantan dan kebanyakan juga di seluruh negara memandangkan sebagai sebuah negara yang membangun dan tidak terlepas kita negeri Kelantan ini. Kalau mengikut kajian daripada sisa pepejal negara pertambahan kepada sisa buangan ini semakin hari semakin bertambah sehingga kepada 38 ribu tan sehari.

Soalannya ialah daripada penggunaan ataupun kaedah yang kita lakukan daripada zaman berzaman melalui meletakkan satu tempat untuk satu pelupusan sampah kemudian kita lakukan dengan penimbunan dengan tanah-tanah. Dan ini juga ada kesan sampingan sebenarnya apabila berlaku ada beberapa kajian mengatakan bahawa berlakunya pelarutan bawah tanah yang menyebabkan juga untuk jangka masa panjang ianya boleh memudaratkan penduduk dan juga kawasan sekitar melalui pelarutan pepejal yang mungkin membahayakan kesihatan.

Adakah kerajaan membuat satu kajian ataupun cadangan untuk memperbaharui cara pelupusan sampah ini dengan kaedah-kaedah moden dan mungkin kita dapat ambil daripada beberapa negara yang dilaksanakan sekarang ini, contohnya satu tempat pelupusan sampah

tetapi hampir 80% sisa-sisa buangan ini dapat digunakan kembali melalui kaedah-kaedah moden. Jadi adakah kerajaan walaupun kita tahu perkara ini mungkin melibatkan satu perbelanjaan yang besar tetapi adakah kita menjurus ke arah perancangan dan juga melihat untuk menggunakan kaedah moden bagi memunafaatkan sisa buangan dan juga untuk mengelak daripada kesan-kesan buruk, kesan-kesan sampingan yang buruk kepada kawasan sekitar pembuangan sampah yang kita amalkan sekarang. Terima kasih.

YB TUAN HILMI BIN ABDULLAH :

Terima kasih Tendong atas soalan tambahan. Sebagaimana kita ketahui bahawasanya jumlah sisa pepejal buangan domestik yang dibuang sebagaimana yang telah disebutkan Tendong sebanyak 39 000 tan sehari seluruh Malaysia. Tak ketinggalan juga negeri kitalah. Dan untuk pengurusan tapak pelupusan sebagaimana yang saya sebutkan tadi kita negeri sedang menuju ke arah tersebut dan kita telah melantik Kumpulan Kelantan Utilities Mubaarakan Holdings Sdn Bhd (KUM) untuk menguruskan tapak-tapak pelupusan seluruh Kelantan. Setakat ini hanya beberapa PBT yang telah menandatangani perjanjian konsensi untuk menyerahkan tapak pelupusan mereka kepada KUM yang mana mempunyai kepakaran untuk menguruskan sisa pepejal dan kita sedang merangka beberapa program untuk apa ni menguruskan tapak pelupusan menggunakan teknologi terkini.

Dan kebanyakan tapak pelupusan yang ada milik PBT masih lagi menggunakan kaedah *dumping sites* atau tempat pembuangan sahaja. Tiga tapak lagi yang telah disebutkan tadi iaitu di Beris Lalang, Kok Bedolah dan juga di Che Ros di Tanah Merah kita telah mula menggunakan kaedah *land fill mining* iaitu dengan kita menguruskan sisa-sisa pepejal dan sebahagian daripada sisa pembuangan telah menjadi perolehan kepada Syarikat KUM untuk ditukarkan menjadi pendapatan kepada syarikat dan hal ini telah mencatatkan keuntungan. Beberapa kaedah yang sedang digunakan diperingkat nasional. Manakala negeri sedang menggunakan kaedah *incinerator* iaitu melupuskan bahan-bahan buangan tanpa menjana pendapatan.

Dan di Jeli kita telah sedang menggunakan kaedah asher iaitu membakar bahan buangan di kawasan Jeli menggunakan asher dan kita sedang mengkaji beberapa kaedah baru seperti RFD dan juga beberapa RDF yang sedang digunakan oleh beberapa negara maju. Cuma jumlah buangan di

Kelantan masih lagi belum mencukupi tahap untuk *breakeven* sesuatu proses contohnya *incinerator* memerlukan jumlah sesebuah jumlah minimum 800 tan sehari. Tu masalah dia kalau kita membawa masuk beberapa teknologi memerlukan jumlah sisa buangan yang minimum kita belum lagi mencapai menyebabkan untuk menjana pendapatan memerlukan jumlah buangan yang lebih tinggi untuk apa digunakan teknologi yang telah diperkenalkan oleh negara-negara maju. In Shaa Allah kita dari semasa ke semasa sedang mengkaji teknologi yang telah digunakan oleh negara-negara maju untuk menjadikan tapak pelupusan sebagai sebuah tapak yang boleh mengeluarkan pendapatan kepada setiap PBT, terima kasih.

YB DATO' SPEAKER :

Dipersilakan Yang Berhormat Galas.

YB TUAN HAJI MOHD SYAHBUDDIN BIN HASHIM :

Yang Berhormat Dato' Speaker, Galas sayang Dato' Panglima, pohon jawapan soalan nombor 5.

Soalan 5 :

[Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, apakah tindakan yang diambil dalam membantu pesawah yang terjejas akibat kemarau yang melanda Negeri Kelantan.]

YB TUAN HAJI MOHD SARIPUDIN BIN TUAN ISMAIL :

بسم الله الرحمن الرحيم
السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya akan menjawab soalan dari Galas ini bersama dengan soalan nombor 9 dari Gaal, soalan nombor 15 dari Tawang dan soalan nombor 19 dari Pulai Chondong hari ini. Kerana mempunyai persoalan yang hampir sama berkaitan dengan tindakan dan langkah kerajaan dalam menghadapi situasi bencana kemarau yang telah memberi kesan terhadap sektor tanaman padi dan pengeluaran hasil-hasil lain-lain tanaman.

Kerajaan Negeri memandang serius isu kemarau yang melanda di Negeri Kelantan. Melalui jabatan dan agensi berkaitan telah mengambil langkah-langkah yang perlu dalam mengatasi isu-isu tersebut.

Terlebih dahulu saya suka menjelaskan pada semua Ahli Berhormat Dewan di Kelantan, dalam pembangunan sektor tanaman padi 4 agensi utama yang menguruskan sektor ini ialah KADA, Semerak, Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS), dan Jabatan Pertanian Negeri Kelantan. Walaupun yang melibatkan agensi Persekutuan dan agensi guna sama penyelarasan gerak kerja telah di atur bersama pejabat Pengerusi Pertanian Industri Agro Makanan Unit Komuniti dan Unit Perancang Ekonomi Negeri.

Antara usaha yang telah di ambil kerajaan ialah Pihak Jabatan Pertanian yang berperanan menguruskan kawasan padi di luar skim pengairan telah menempatkan pam-pam bergerak bagi menyalurkan air ke petak sawah serta mengenalpasti kawasan-kawasan berhampiran untuk membina kolam-kolam takungan bagi membekalkan air ke petak sawah.

Selain itu, melalui peruntukan pembangunan negeri di bawah Program Pembangunan Industri Padi yang diterima bawah RMKe12 (2021-2025) sebanyak RM1,800,000.00 yang telah dikhaskan untuk kawasan padi luar jelapang, pihak jabatan telah membina parit-parit ladang dan menyalurkan pam-pam air untuk keperluan pesawah.

Melalui kerja-kerja pengembangan, pihak jabatan akan memastikan agar petani di luar jelapang akan memulakan kerja-kerja penyediaan tanah dan menanam lebih awal sebagaimana yang telah ditetapkan di dalam jadual penanaman mengikut musim iaitu musim utama 2023/2024 (Ogos 2023 – Februari 2024) dan luar musim 2024 (Mac 2024 – Julai 2024). Penanaman padi pada awal musim akan dapat mengelakkan daripada musim kemarau yang kebiasaannya akan berlaku pada bulan Mac dan April setiap tahun. Selain itu, tindakan yang telah diambil dalam membantu pesawah yang terjejas akibat kemarau antaranya ialah :

- Maklumat tanaman padi yang musnah akibat kemarau telah dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Tabung Bencana Tanaman Padi (TBTP) Peringkat Negeri dan seterusnya akan dibentangkan di peringkat Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan.
- Kadar bantuan adalah sebanyak RM876/Hektar dan dihadkan kepada 3 hektar bagi setiap pesawah.

- Seterusnya, menyusun jadual penanaman padi mengikut skim pengairan yang berbeza sebagai contoh skim pengairan kemubu, skim pengairan lemal dan kasa. Dimana jadual pengairan ini akan dilaksanakan dengan libat urus bersama para petani di kawasan masing-masing terutama di kawasan KADA.
- Kerja2 mencuci dan menggali tali air bagi memastikan kelancaran pergerakan air dan akses kepada para petani.
- Pembinaan telaga tiub atau tube well bagi memastikan kemusnahan akibat kemarau dapat dikurangkan.
- Juga Pemasangan pam mudah alih dan pam backward di kawasan yang mempunyai sumber-sumber air.
- Juga pembaikan Drainage End Control (DEC) bagi menakung air di saliran-saliran kecil.

Menurut Ramalan Kaji Cuaca dari Jabatan Meteorologi Fenomena kemarau yang melanda negeri Kelantan akan berlarutan sehingga Julai 2024 yang akan memberikan kesan yang serius kepada sektor tanaman khususnya pesawah padi. Mengikut rekod laporan awal kemarau terhadap sektor tanaman bagi tahun 2024 Jabatan Pertanian bermula Mac hingga 15 Mei 2024 merekodkan seramai 2972 petani yang terjejas melibatkan kemusnahan seluas 7,467.42ha dengan cadangan nilai bantuan sebanyak RM 5,562,777.76.

Jabatan Pertanian akan mengangkat permohonan bantuan ini melalui Peruntukan Tabung Bencana Tanaman Padi (TBTP) bagi tanaman Padi dan Tabung Bencana Pertanian (TBP) bagi tanaman selain padi bagi meringankan beban para petani yang terkesan dengan kerosakan tanaman mereka.

Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Menteri Besar yang juga telah meluluskan peruntukan sebanyak RM300 000 bagi bantuan segera untuk membina telaga tiub, bantuan pam air dan lain-lain keperluan bagi membantu pengairan kepada para pesawah dan petani yang terjejas akibat kemarau baru-baru ini. Iaitu melalui kerjasama pihak Kumpulan Pertanian Kelantan Berhad (KPKB) dan juga terima kasih kepada Yang Berhormat-

Yang Berhormat ADUN-ADUN yang terlibat menyalurkan juga bantuan segera kepada para pesawah dan petani terjejas.

Pihak kerajaan juga dengan kerjasama MAIK, Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan mengarahkan dan menyarankan semua masjid di negeri Kelantan untuk melaksanakan solat sunat Istisqa' bagi memohon hujan diturunkan oleh Allah SWT bagi menyelamatkan tanaman-tanaman di musim kemarau baru-baru ini. Sekian, terima kasih.

YB DATO' SPEAKER :

Sila Galas.

YB TUAN HAJI MOHD SYAHBUDDIN BIN HASHIM :

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih kepada Yang Berhormat Exco atas jawapan yang diberikan tadi. Fenomena El Nino ini telah menjadi masalah dan juga cabaran untuk kita hadapi bersama. Saya merujuk kepada artikel pada 28 Mac 2024, Yang Berhormat Exco ada menyatakan Kerajaan Negeri akan menggali 100 telaga tiub dan difahamkan tadi Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah pun meluluskan peruntukan tersebut.

Soalan tambahan saya, sejauh manakah keberkesanan projek penggalian ini kerana difahamkan ada berlaku isu tenaga kerja dan juga sejauh manakah Kerajaan Negeri berpuas hati ataupun tidak dengan kerjasama terpadu yang diberikan oleh agensi-agensi Persekutuan sebagaimana disebutkan tadi KADA, JPS dan juga pihak Jabatan Pertanian. Serta adakah lagi peruntukan-peruntukan ataupun sumbangan-sumbangan daripada Kerajaan Negeri diberikan kepada pesawah-pesawah kita selain daripada yang disediakan oleh Jabatan Pertanian. Terima kasih.

YB TUAN HAJI MOHD SARIPUDIN BIN TUAN ISMAIL :

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih kepada soalan tambahan Galas. Ya memang kerajaan Negeri sebenarnya membantu pihak KADA lah yang dan juga jabatan yang berkaitan dengan menguruskan padi pesawah ni kita telah berjaya menggali tiub well. Hampir 100 tiub well yang kita gali baru-baru ini sebahagian besarnya berjaya. Tapi kadar yang berjaya menampung keperluan air ini kepada tiub well ini tidak, tidak luas. Mungkin satu tiub well boleh menampung 10 ekar sehingga 20 ekar sahaja.

Jadi kawasan padi yang terjejas agak luas. Kita menggunakan sepenuhnya semua pam-pam daripada jabatan JPS, Pengairan Dan Saliran untuk menyedut air daripada sumber-sumber air yang ada yang sebenarnya sudah berjaya mengurangkan kerosakan padi.

Pun demikian kita dengar tadi lebih 2 000 para pesawah yang terjejas oleh kerana kemarau yang teruk berlaku baru-baru ini. Dan juga kita Alhamdulillah berpuas hatilah asalkan ini dengan kerjasama agensi-agensi tadi kita boleh berbincang bersama dan kita juga telah berusaha dengan bajet yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri membantu sekitar RM20 juta tadi, baru-baru ini jadi kita telah menghantar permohonan secara lengkap supaya bantuan tadi sampai segera dan dapat diuruskan oleh jabatan-jabatan yang berkaitan tadi. In Shaa Allah sekiranya bantuan ini turun dengan kadar yang segera di musim hadapan kita dapat mengurangkan lagi kehilangan hasil padi In Shaa Allah. Terima kasih.

YB DATO' SPEAKER :

Mengkebang, Mengkebang.

YB TUAN ZUBIR BIN ABU BAKAR :

Terima Yang Berhormat Dato' Speaker, kerana memberi peluang kepada saya untuk soalan tambahan. Sepertimana yang kita maklumi di Malaysia ini ada dua jenis tanaman padi. Yang pertama, padi bendang dan yang keduanya, padi huma.

Adakah dalam perancangan kerajaan untuk mengkomersialkan isu berkaitan dengan air El Nino. Padi huma ini, padi bukit, adakah tindakan apa ni cadangan Kerajaan untuk mengkomersialkan tanaman padi huma berbanding tanaman untuk ubi kayu. Sila nyatakan terima kasih.

YB TUAN HAJI MOHD SARIPUDIN BIN TUAN ISMAIL :

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih kepada soalan tambahan daripada Mengkebang. Jadi Alhamdulillah kita telah memanggil jabatan-jabatan yang berkaitan termasuk MARDI yang membuat kajian tentang *variety-variety* padilah yang tahan kemarau pun ada, *variety* yang jangka masa lebih pendek kepada biasa pun ada, dan padi huma pun ada. Cuma di Kelantan ini di tempat kita pihak jabatan belum mengesyorkan secara serius penggunaan tanaman padi huma oleh kerana kita dalam kawasan

padi yang sedia ada ini masih luas untuk kita bangunkan dengan sebaik-baiknya. Yang pentingnya kalaulah semua saluran yang ada dapat kita selenggarakan dengan baik dan kita siapkan saluran-saliran yang masih ada separuh jalan In Shaa Allah kawasan padi sedia ada ini dapat menampung keperluan *food security* negeri dan negara. In Shaa Allah.

YB DATO' SPEAKER :

Jelawat.

YB TUAN ZAMERI BIN MAT NAWANG :

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, pertama sekali saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan juga Yang Berhormat Exco Pertanian kerana meluluskan peruntukan untuk membantu para petani di Jelawat khususnya dalam pembelian pam air dan juga '*jjewok*' yang mana dengan adanya '*jjewok*'. Ini dan juga pam air maka sebahagian daripada petani dapat diselamatkan dan petani dapat menikmati hasilnya.

Cuma kemarau yang panjang juga menyebabkan kebakaran berlaku pada hutan-hutan khususnya di Beris Lalang, ... Sri Kemunting dan kawasan sekitarnya. Dan kebakaran ini juga menyebabkan berlakunya kebakaran daripada kebun-kebun sawit dan getah serta sayur-sayuran. Jadi soalan tambahan saya adakah kerajaan yang prihatin dan berkebakikan ini cakna ini menyediakan sedikit saguhati ataupun bantuan kepada para petani yang terlibat ataupun terkesan dengan kebakaran kebun sawit, getah dan juga sayur-sayuran ini. Terima kasih.

YB TUAN HAJI MOHD SARIPUDIN BIN TUAN ISMAIL :

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih kepada soalan tambahan daripada Jelawat berkaitan dengan bantuan bencana. Sebenarnya di bawah Jabatan Pertanian kita ada lagi bantuan bencana kepada selain padi lah iaitu sebagaimana sayur dan sebagainya sekiranya pihak petani yang terjejas dan merosak hasil tanaman mereka membuat laporan sebagaimana prosedur yang kita telah sebarkan, In Shaa Allah Jabatan Pertanian akan menguruskan bantuan bencana kepada mereka, In Shaa Allah.

YB DATO' SPEAKER :

Gaal, sila.

YB TUAN MOHD RODZI BIN JAAFAR :

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Terima kasih Dato' Speaker, Gaal juga mengambil kesempatan untuk mengucapkan ribuan terima kasih pada pihak kerajaan melalui Exco Pertanian kerana telah membina beberapa telaga tiub di dalam DUN Gaal. Dan menyediakan beberapa pam untuk kemudahan para petani.

Soalan tambahan saya ialah apakah persiapan yang telah dan akan dibuat oleh pihak kerajaan untuk menghadapi musim tengkujuh. Sekarang ini menghadapi musim kemarau, musim tengkujuh akan tiba yang dijangkakan Kelantan ini akan menerima taburan hujan yang sangat tinggi yang boleh menyebabkan berlakunya banjir besar sekali lagi di Kelantan yang sedikit sebanyak boleh menjejaskan bidang pertanian di Kelantan. Terima kasih.

YB TUAN HAJI MOHD SARIPUDIN BIN TUAN ISMAIL :

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih kepada YB Gaal atas soalan tambahan. Tadi kita bercakap tentang El Nino dan kemarau. Mungkin ini hanya jangkaan yang kita harap dan kita berdoa agar tidak berlakulah musibah bencana banjir pulak. In Shaa Allah pihak jabatan terutamanya JPS dan juga pihak yang berkaitan telah membuat persiapan sebagaimana setiap tahun.

Pertama, penyelarasan jadual penanamanlah yang paling penting kerana sekiranya penanaman berjalan mengikut jadual dan air dapat disalurkan mengikut jadual In Shaa Allah kita dapat menyelamatkan. Maknanya bulan Oktober telah berlaku penuaian padi dan sebagainya.

Seterusnya para petani ataupun penanam sayur kita menggalakkan supaya mereka menggunakan sistem yang dapat menyelamatkan hasil mereka melalui petigasi gantung, In Shaa Allah lebih selamat. Dan menggunakan Struktur Pelindung Hujan (SPH), In Shaa Allah juga dapat mengurangkan kerosakkan di musim tengkujuh. Kerana itulah kita juga memastikan *public* info banjir berfungsi dengan baik di mana data-data paras air dan data-data hujan semasa di semua stesen hidrologi akan memberi maklumat kepada kita dan kita akan salurkan kepada para petani secepat mungkin.

Dan kerja-kerja mencuci sungai Alor sedang dijalankan oleh pihak-pihak JPH dan sebagainya. Sosial pembinaan sistem saliran, membina alor limbah lejang lancang, membaikpulih Gong Kulim arr ni berkait dengan Pasir Puteh dan Kampung Lembah sedang dibaik pulih, menambah pam-pam di rumah, pam saliran Pasir Puteh, pemantauan dan pelaporan banjir semasa dan kita juga mengenal pasti kawasan-kawasan yang risiko banjir yang melampau ini untuk kita memberi pandangan pada para pesawah supaya mengelakkan daripada kita terlewat daripada jadual kerana risikonya memang berlaku kepada para petani setiap tahun. Sekian, terima kasih.

YB DATO' SPEAKER :

Dipersilakan Yang Berhormat Dabong.

YB TUAN KU MOHD ZAKI BIN KU HUSSIN :

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Mulia Dato' Speaker, pohon jawapan soalan saya nombor 6.

Soalan 6:

[Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, apakah perancangan kerajaan bagi memastikan Dasar Keluarga Mawaddah difahami, dihayati serta dilaksanakan oleh seluruh rakyat Kelantan?]

YB PUAN ROHANI BINTI IBRAHIM :

بسم الله الرحمن الرحيم

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker dan juga terima kasih kepada Dabong di atas soalan yang dikemukakan. Kerajaan Negeri telah menggubal Dasar Mawaddah Negeri Kelantan (DMNK) pada 2008. Matlamat dasar ini untuk memperkasakan institusi keluarga secara bersepadu dengan meningkatkan potensi setiap ahlinya untuk berperanan sebaik yang mungkin. Seterusnya ia dapat menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat dan kemakmuran negeri serta negara.

Ketiga, bagi memastikan dasar ini dapat di fahami, di hayati dan di laksanakan, beberapa inisiatif dan juga usaha telah dibuat oleh Kerajaan Negeri iaitu menerbitkan Buku Panduan Keluarga Mawaddah. Buku panduan ini telah dikeluarkan pada tahun 2011. Ianya sebagai satu panduan dan senarai semak keluarga dalam membangunkan institusi keluarga secara menyeluruh mengikut panduan agama.

Kedua, Program advokasi, pendidikan dan pembangunan keluarga. Kita mengadakan 16 jenis program yang berbentuk seminar, bengkel, keraian dan sebagainya untuk advokasi pendidikan dan pembangunan keluarga. Ianya disusun dan dilaksanakan dengan kerjasama pelbagai pihak diperingkat DUN, Parlimen, jajahan dan juga negeri.

Pada tahun ini juga kita akan mengadakan Program Hari Keluarga Mawaddah yang akan memberikan anugerah kepada keluarga-keluarga Mawaddah yang terpilih bagi peringkat negeri Kelantan mengikut kategori-kategori yang kita sediakan. Di samping itu, kita juga meneruskan kempen keluarga Mawaddah iaitu melalui pelbagai medium dan juga platform antaranya papan iklan (billboard) di lokasi-lokasi utama di negeri Kelantan, pamflet dan hebahan maya di media sosial.

Keempat, penubuhan pusat sehati MAWADDAH CENTRE. MAWADDAH CENTRE yang beroperasi mulai tahun 2021. Ianya adalah pusat sehati meliputi aktiviti keluarga. Pusat ini menyediakan pelbagai program dan perkhidmatan seperti khidmat nasihat, bengkel kepada ibu hamil, remaja dan juga kanak-kanak. Rundingan dan juga motivasi untuk masyarakat setempat khususnya yang memerlukan teman yang mendengar dan rakan pembimbing bagi permasalahan sosial dan juga keluarga. Program ini adalah merupakan kerjasama dengan pihak JAHEIK dan juga para sukarelawan sosial.

Dalam kesempatan ini saya ingin mengucapkan tahniah kepada tiga jajahan yang telah mencapai bandar paling bahagia iaitu Gua Musang, Kuala Krai dan juga Jeli. Tahniah diucapkan kepada seluruh warga yang terlibat. Jajahan-jajahan yang terlibat dan kita doakan ianya akan diikut jejak oleh jajahan-jajahan lain di masa akan datang.

Akhirnya sebahagian ini adalah sebahagian daripada usaha pihak kerajaan yang kita lakukan untuk menyebar luaskan maklumat dasar

keluarga dan ianya untuk difahami seluruh rakyat Kelantan. Sekian, terima kasih.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Silakan Yang Berhormat Dabong, soalan tambahan.

YB TUAN KU MOHD ZAKI BIN KU HUSSIN :

Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan apakah pihak kerajaan Negeri bercadang untuk meluaskan pusat Mawaddah kepada peringkat jajahan. Terima kasih.

YB PUAN ROHANI BINTI IBRAHIM:

Terima kasih soalan tambahan. Ya kerajaan Negeri memang berhasrat untuk mewujudkan MAWADDAH CENTRE secara berperingkat ke seluruh negeri. Fasa pertama kita adakan di pusat Bandar Kota Bharu dan cadangan untuk fasa kedua ke jajahan Kuala Krai. Dan fasa ketiga kita cadangkan untuk dilaksanakan ke jajahan Pasir Puteh dan seterusnya fasa keempat ke jajahan Pasir Mas. Terima kasih.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Silakan soalan tambahan.

YB TUAN MOHD RUSLI B ABDULLAH :

بسم الله الرحمن الرحيم
السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan apakah kriteria yang dipilih di ambil kira oleh Kerajaan Negeri dalam memilih tokoh Mawaddah di peringkat negeri. Sekian terima kasih.

YB PUAN ROHANI BINTI IBRAHIM :

Terima kasih soalan tambahan Wakaf Bharu. Kita telah mengadakan lima kategori dalam usaha mencari tokoh-tokoh Mawaddah ini. Pertama, kategori dan juga keluarga adalah tokoh keluarga cemerlang, keluarga iaitu yang mempunyai peribadi dan juga akhlak yang baik dan menjadi keluarga contoh di kawasan setempat.

Kedua, tokoh keluarga istimewa iaitu OKU. OKU yang memberi orang panggil kefahaman dan membantu kepada rakan-rakan senasib untuk usaha membentuk keluarga Mawaddah. Ketiga, tokoh keluarga Bangkit iaitu keluarga yang tabah dan sabar menghadapi ujian anak-anak yang di uji dengan dadah dan masalah sosial yang lain dan boleh dijadikan contoh kepada masyarakat.

Keempat, tokoh keluarga ceka iaitu untuk bapa tunggal. Bapa tunggal yang berjaya membesarkan anak-anak yang ramai sehingga berjaya dan berdikari. Kelima, tokoh keluarga tabah. Khusus untuk Armalah iaitu ibu tunggal yang berjaya membesarkan anak-anak sehingga berjaya dari sudut dunia dan akhirat, In Shaa Allah. Dan seterusnya dapat berdikari dalam kehidupan mereka. Sekian.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Silakan Yang Berhormat Bukit Bunga.

YB TUAN MOHD ALMIDI BIN JAAFAR :

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, pohon jawapan kepada soalan saya nombor 7. Terima kasih.

Soalan 7 :

[Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, usaha memperkukuhkan hubungan dua hala antara Kementerian Belia dan Sukan dalam usaha menggerakkan aktiviti anak muda sebagai contoh Rakan Muda dan kemudahan sukan di kampung-kampung.]

YB TUAN ZAMAKHSHARI BIN MOHAMAD :

Terima kasih Dato' Timbalan Speaker, terima kasih YB Bukit Bunga atas soalan yang dikemukakan. Alhamdulillah kerajaan Negeri sedar tentang hubungan yang erat yang penuh di antara Negeri dan Persekutuan. Dan diperingkat Kerajaan Negeri melalui Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, NGO dan perpaduan masyarakat telah melakukan beberapa kunjungan hormat ke Kementerian untuk mengadakan perbincangan.

Antaranya kunjungan hormat kepada KSU, Kementerian Belia Dan Sukan pada 18.10.2023 di mana perbincangan telah diadakan fokus kepada program-program yang diadakan dibawah kementerian serta dana-dana untuk program-program Belia dan Sukan yang disediakan oleh kementerian.

Sementara kunjungan atau kunjungan hormat kepada YB Menteri telah diadakan kepada 20.02.2024 yang mana perbincangan telah fokus tentang bentuk kerjasama yang perlu diadakan antara Negeri dan juga Persekutuan. Dan Alhamdulillah hasil dari perbincangan kerajaan Persekutuan telah meluluskan peruntukan sebanyak RM500 ribu untuk pembaikan sistem perparitan di stadium.

Selain daripada itu, Kerajaan Negeri melalui Urusetia Belia, Sukan Dan NGO (U-Bes) Negeri Kelantan sentiasa bekerjasama dengan Jabatan Belia Dan Sukan Negeri Kelantan khususnya di dalam pelaksanaan program-program berkaitan belia, sukan dan rakan muda.

Pelbagai aktiviti dan program yang dilaksanakan anjuran secara bersama antara Kementerian Belia dan Sukan Malaysia melalui Jabatan Belia Dan Sukan Negeri Kelantan iaitu melalui Sambutan Hari Belia Negara Peringkat Negeri Kelantan, Hari Sukan Negara Peringkat Negeri Kelantan, Tayangan Skrin Besar, Himpunan Anak Muda, Anugerah Perdana Belia Negara, Majlis Perundingan Belia Negara, dan Program *Skill For Life* Dan Lain-Lain Program.

Melalui Majlis Perundingan Belia Negara juga, pengerusi persatuan, badan gabungan dan kelab-kelab belia, isu dan permasalahan belia di peringkat akar umbi di bawa dan dibincangkan bersama Agensi Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan dan Pihak Berkuasa Tempatan yang dilantik untuk sama-sama berbincang dan mencari titik persefahaman dalam menyelesaikan isu belia pada hari ini termasuk kos sara hidup, dana bagi pelaksanaan program-program persatuan di peringkat negeri serta daerah dan lain-lain isu yang berkaitan.

Seterusnya bagi merancakkan lagi pelaksanaan Program Rakan Muda di peringkat seterusnya dibawah nafas baharu, sebanyak 10 buah Kelab Rakan Muda telah ditubuhkan di setiap jajahan di Negeri Kelantan bermula tahun 2023. Untuk makluman, kelab-kelab ini telah mengadakan mesyuarat jawatankuasa penaja dan sedang menunggu kelulusan dari Pendaftar Pertubuhan Belia (Roy) untuk kelulusan dan seterusnya

melayakkan mereka membuat permohonan dana untuk pelaksanaan aktiviti di bawah Kementerian Belia dan Sukan Malaysia.

Selain daripada itu, Program Rakan Muda turut dilaksanakan di peringkat Institusi Pengajian Tinggi (IPT) melalui penubuhan Sekretariat Rakan Muda (SRM) IPT. Dimana sebanyak 4 SRM IPT di Negeri Kelantan iaitu Sekretariat Rakan Muda Universiti Malaysia Kelantan, Sekretariat Rakan Muda Politeknik Kota Bharu, Sekretariat Rakan Muda Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara (IKTBN) Bachok dan Sekretariat Rakan Muda Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) Tanah Merah.

Pihak Kementerian Belia dan Sukan juga turut bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan Malaysia melalui pelaksanaan Anugerah Remaja Perdana Rakan Muda (ARPRM) di sekolah-sekolah di mana penglibatan terbuka kepada belia yang berumur 13 hingga 25 tahun. Sekian, terima kasih.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Silakan Kemuning.

YB TUAN AHMAD ZAKHRAN BIN MAT NOOR :

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, dan juga terima kasih kepada Yang Berhormat Exco atas ucapan yang diberikan sebentar tadi. Soalan tambahan saya apakah usaha kerajaan Negeri dalam memastikan program rakan muda yang disebutkan sebentar tadi dibuat selari dan menepati dengan dasar Kerajaan Negeri iaitu penghayatan "Membangun Bersama Islam". Terima kasih.

YB TUAN ZAMAKHSHARI BIN MOHAMAD :

Terima kasih atas soalan tambahan. Untuk makluman kerajaan Negeri melalui U-BES dan juga JPS sentiasa mengadakan perbincangan dan hubungan yang erat dalam melaksanakan program-program yang telah disusun sama ada di peringkat JPS ataupun dalam peringkat U-BES. Alhamdulillah sekarang ini kita diperingkat perbincangan untuk membuat penambahbaikan kepada Program Rakan Muda dan In Shaa Allah diperingkat negeri kita akan cadang ataupun dalam proses menghasilkan ataupun menyiapkan satu kertas untuk kita angkat, untuk kita perhalusi iaitu Rakan Muda Al-Quran.

Makna selain daripada 10 yang telah diberi nafas baru diperingkat kementerian In Shaa Allah, diperingkat negeri kita akan mewujudkan satu lagi iaitu Rakan Muda Al-Quran bagi nilai tambah pada program-program yang telah diadakan tadi.

Cuma sebagai maklumat tambahan berdasarkan dasar Anak Muda Kelantan yang telah diluluskan pada tahun 2020 In Shaa Allah di mana dalam bahagian pertama Perkara 14 dalam Kumpulan Pemantauan Dasar Anak Muda Kelantan di mana dalam dasar itu disebut tentang penubuhan Majlis Pembangunan Anak Muda Kelantan.

Dan In Shaa Allah pihak kerajaan dalam proses untuk memperkasakan Majlis Pembangunan Anak Muda Kelantan ini di mana antara program yang akan kita adakan bagi memperkasakan anak muda ialah kita akan mewujudkan satu yang dipanggil institut Kepimpinan Masa Depan. Maknanya bagi menyokong hasrat kerajaan dalam *Kelantan Future State 2023* jadi diperingkat Jawatankuasa Belia kita akan menubuhkan institut kepimpinan masa depan yang akan mengfokuskan penghasilan ataupun melahirkan kepimpinan masa depan negeri Kelantan.

Di mana berdasarkan perancangan yang kita ada, kita ada tiga program dibawah Institut Kepimpinan Masa Depan tadi, pertamanya Kelantan Futures Leaders yang akan kita fokus kepada kepimpinan diperingkat remaja dan yang keduanya kita akan meneruskan program Gentera yang memfokuskan belia-belia yang diperingkat peralihan antara remaja dan juga umur 20-an.

Dan yang ketiganya kita akan mengadakan program *Fellow* Darulnaim bagi graduan-graduan Anak Kelantan untuk kita latih sebagai kepimpinan diperingkat pentadbiran. Sekian, terima kasih.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Ok arr silakan Bukit Panau dulu.

YB DATO' HJ ABDUL FATTAH BIN MAHMOOD :

Terima kasih Yang Berhormat Speaker. Pertama sekali saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Besar di atas insentif sukan kepada pemain-pemain takraw daripada Kelantan. Dan

juga kepada Yang Berhormat Exco yang meraikan anak-anak Kelantan yang menjadi wakil dan membawa kemenangan kepada negara kita.

Soalan tambahan saya adalah dengan hubungan yang baik dengan pihak kementerian adakah di sana pihak Exco ingin mengambil kesempatan dengan kenaikan minat anak-anak muda kepada sukan takraw di Kelantan ini untuk membina sebanyak mungkin gelanggang-gelanggang takraw di setiap DUN di negeri Kelantan ini. Terima kasih.

YB TUAN ZAMAKHSHARI BIN MOHAMAD :

In Shaa Allah. Terima kasih atas cadangan. Kita akan mengadakan perbincangan kepada Kementerian, In Shaa Allah. Terima kasih.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Silakan Galas.

YB TUAN HAJI MOHD SYAHBUDDIN BIN HASHIM :

Terima kasih Yang Berhormat Speaker. Saudara Baihaki, saudara Aidil antara orang yang telah mengharumkan nama negeri kita menjadi juara sepak takraw sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat sebentar tadi. Begitu juga dengan persatuan belia Pak Hussin yang telah menjadi juara Anugerah Perdana Belia Negara di peringkat kebangsaan dan saya kira ini kali pertama persatuan diperingkat negeri menjuarai di peringkat negara.

Soalan tambahan saya Yang Berhormat daripada kelab-kelab Rakan Muda Yang Berhormat sebutkan tadi, adakah kelab-kelab ini juga dapat membantu untuk kita, negeri kita menangani isu-isu yang berkaitan dengan anak muda. Jadi kalau ianya berkaitan saya harap ianya disegerakan penubuhan tersebut. Terima kasih.

YB TUAN ZAMAKHSHARI BIN MOHAMAD :

Terima kasih atas soalan tambahan. YB Galas ini orang lama dalam belia dan maklumat dia sebenarnya lebih banyak dari ambo beraso. Cuma In Shaa Allah sebagaimana kita tahu maknanya di bawah Kementerian Belia dia ada ROY, maknanya persatuan-persatuan belia yang berdaftar di bawah kementerian dan Alhamdulillah di peringkat negerinya di peringkat Exco kita telah mengadakan hubungan yang baik dengan Majlis

Gabungan Belia Kelantan yang di mana persatuan di bawah Belia. Dan saya yakin bahawa Kelab-Kelab Rakan Muda yang sedang dalam proses perubahan juga akan bergabung di bawah Majlis Gabungan Belia Kelantan. Dan In Shaa Allah di peringkat Kerajaan Negeri kita sentiasa mengadakan perbincangan dan juga mengadakan kerjasama untuk mengadakan program sama ada di peringkat negeri dan juga akar umbi.

Sebagai contoh pada tahun lepas kita telah mengadakan *townhall* belia dengan kerjasama MGBK dan In Shaa Allah pada tahun ini kita akan meneruskan lagi *townhall* belia tadi dan juga program-program yang lain dengan kerjasama MGBK termasuk beberapa program yang telah dicadangkan oleh MGBK dan juga program-program yang juga diangkat oleh persatuan-persatuan belia yang tidak bernaung di bawah MGBK. Maksudnya di peringkat kerajaan Negeri kita mengiktiraf semua persatuan belia-belia yang ada sama ada dibawah ROY ataupun dibawah ROS. Terima kasih.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Kita teruskan dengan Yang Berhormat Kemuning. Silakan.

YB TUAN AHMAD ZAKHRAN BIN MAT NOOR :

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, kita semua belum sarapan, mohon jawapan soalan nombor 8. Terima kasih.

Soalan 8 :

[Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, sejauhmana peranan usaha dan tindakan Kerajaan Negeri Kelantan ke atas tanah terbiar milik individu sama ada yang masih hidup atau telah mati terutama yang berada di kawasan bandar yang boleh menjejaskan pemandangan dan merugikan ruang tanah yang ada tersebut.]

YB TUAN HILMI BIN ABDULLAH :

Terima kasih. Kerajaan Negeri Kelantan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pertanian Daerah yang dipengerusikan oleh Ketua Jajahan masing-masing dengan kehadiran sama bahagian Kerajaan Tempatan dan Kerajaan Negeri ada membincangkan isu dan penyelesaian tanah terbiar milik individu yang berada dalam kawasan bandar.

Cadangan dari Jabatan bagi menangani isu ini agar kawasan terbiar ini dibangunkan dengan aktiviti pertanian komuniti atau pertanian bandar dengan tanaman sayur-sayuran dan buah-buahan berkonsepkan landskap. Selain daripada mencantikkan pemandangan kawasan persekitaran, landskap sayuran ini juga dapat dituai dan dijual dan dapat menambahkan pendapatan isi rumah.

Selain daripada pertanian bandar, jabatan juga mencadangkan penanaman berkonsepkan kilang tanaman (*Plant Factory*) dimana aktiviti penanaman dilakukan di dalam bangunan bagi membantu petani bandar untuk mencapai penghasilan sayuran secara berterusan sepanjang tahun tanpa gangguan disebabkan oleh bencana alam seperti banjir.

Sekiranya Yang Berhormat Kemuning ada masa boleh google lah. Ada satu kawasan perumahan di Gombak iaitu dinamakan The Garden 8, Garden 8 yang mana telah berjaya menghasilkan pertanian komuniti kerana berjaya menghimpunkan kejiranan untuk bersama-sama membangunkan *backyard* lorong belakang dengan di tanam sayur-sayuran dan setiap had mereka dapat menjual hasil tanaman mereka kepada kejiranan setempat. Itulah yang kita harapkan supaya penduduk kita yang tinggal dalam bandar dapat menggunakan lebih tanah yang ada untuk ditanam. Keluarga masing-masing di samping dapat menambahkan pendapatan sebagaimana kempen berterusan yang telah dilakukan oleh Exco Pertanian itu Dapur Hijau inilah yang dimasukkan dalam bandar.

In Shaa Allah kita di peringkat PBT akan mengadakan kempen supaya semua penduduk tidak membiarkan tanah-tanah kosong terbiar begitu dan mengelakkan untuk dilaksanakan pertanian komuniti dalam bandar. Terima kasih.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Silakan Kota Lama.

YB PUAN DR. HAFIDZAH BT HJ. MUSTAKIM :

Terima kasih kepada YB Dato' Speaker, soalan tambahan saya adalah saya ingin merujuk secara spesifik salah satu bangunan terbiar dari bandar Kota Bharu iaitu bangunan yang berada di tapak pasar malam Parit

Dalam, bangunan Parkson dan bekas tanah MPKB di jalan Kuala Krai yang disebutkan dibangunkan atau bakal dibangunkan Baitul Takwir.

Apakah masalah yang terdapat dua pembangunan ini, adakah ia disebabkan kesilapan merancang atau kesilapan dalam perjanjian pembangunan dan apakah usaha yang telah di ambil dalam memastikan semua pembangunan ini memberikan munafaat kepada rakyat.

Sebelum saya duduk Yang Berhormat Dato' Speaker, saya merujuk Peraturan Dewan 27(5) pohon pencerahan Speaker terhadap, saya mohon pencerahan Dato' Speaker kenapa soalan-soalan lisan saya tidak di senaraikan untuk dijawab dan notis kepada alasan hanya diberikan pada hari sidang Dewan Negeri ya berbincang soal keadilan kepada semua tapi dalam keadaan hanya dua wakil pembangkang soalan berkaitan kepentingan rakyat ya seperti saya bangkitkan tentang soal indeks kesejahteraan wanita contohnya keganasan rumah tangga, tentang data ibu tunggal, tentang kesihatan termasuk kesihatan mental dan keadaan dua minggu lepas seorang lagi ya anak muda kita yang terjun sungai apa di jambatan Sultan Yahya Petra, jadi mohon pencerahan Tuan Speaker dalam hal ini. Terima kasih.

YB TUAN HILMI BIN ABDULLAH :

Soalan daripada Kota Lama iaitu dua kawasan. Yang pertama bangunan Parkson yang mana bangunan ini merupakan bangunan yang telah dimiliki oleh pihak pemaju dan kita serahkan pada pemajulah untuk merancang untuk membangunkan semula tanah tersebut.

Yang kedua, tanah kerajaan di jalan Kuala Krai yang dikatakan sebagai Baitul Takwir, saya perlukan notis untuk menjawab soalan kerana ia melibatkan perjanjian dan juga fakta-fakta penting yang tak dapat saya jawabkan pada hari ini, In Shaa Allah saya jawab secara bertulis selepas pada inilah. Terima kasih.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Baik persilakan Yang Berhormat Kemuning sekali lagi.

YB TUAN AHMAD ZAKHRAN BIN MAT NOOR :

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, dan terima kasih kepada Exco di atas cadangan-cadangan ataupun perkara-perkara yang boleh diisi, aktiviti-aktiviti yang boleh dibuat di atas tanah yang terbiar terutamanya di dalam bandar melibatkan pertanian bandar Kampung Hijau dan juga contoh Garden 8 yang ada di Gombak.

Soalan tambahan saya bolehkah Yang Berhormat jelaskan apa tindakan yang boleh di ambil oleh Pihak Berkuasa Tempatan terhadap pemilik tanah yang seolah-olah sengaja membiarkan tanah tersebut ditumbuhi semak-samun. Malah kadang-kadang menjadi tempat pembiakan haiwan-haiwan liar yang memburukkan lagi keadaan di dalam bandar, terima kasih.

YB TUAN HILMI BIN ABDULLAH :

Terima kasih soalan tambahan daripada Kemuning berkaitan dengan bangunan terbiar dan juga tanah-tanah terbiar dalam kawasan bandar. Antara tindakan yang boleh di ambil oleh Pihak Berkuasa Tempatan di bawah Akta 171 terutama sekali setelah menerima aduan daripada masyarakat awam ataupun PBT iaitu kita akan mengadakan siasatan mengenai pemilikan tanah terlebih dahulu dan telah mengenal pasti tuan punya kita akan menghantar notis supaya tanah tersebut dibangunkan ataupun bangunan tersebut diselenggara secara teratur sekiranya notis masih lagi diabaikan kita pihak PBT akan menghantar notis bertulis, notis amaran Akta 171 dan kita di Pihak Berkuasa Tempatan mempunyai bidang kuasa untuk membersihkan kawasan tanah yang terbiar ataupun meruntuhkan bangunan yang memberi gangguan pada masyarakat awam dan kita di bawah Akta 171 juga mempunyai bidang kuasa untuk mengenakan tindakan mahkamah dengan menutup semula kos-kos yang terlibat semasa proses pembersihan ataupun merobohkan bangunan terbiar tersebut dan pihak pemilik juga boleh dikenakan bayaran kompaun ataupun denda sehingga RM1 000 di atas kesalahan mengabaikan notis untuk membersihkan ataupun mencantikkan bangunan terbiar tersebut, terima kasih.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Baik kita teruskan dengan Yang Berhormat Wakaf Bharu.

YB TUAN HAJI MOHD RUSLI BIN ABDULLAH :

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Dato' Speaker, pohon jawapan soalan saya nombor 10.

Soalan 10 :

[Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, langkah yang dimainkan oleh pihak Kerajaan Negeri Kelantan untuk memastikan kejayaan dan capaian Budaya Komuniti Rabbani (K-Rabb) dalam kalangan masyarakat serta komuniti rakyat Kelantan.]

YB DATO' DR. HJ MOHAMED FADZLI BIN DATO' HJ HASSAN :

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih kepada Wakaf Bharu kerana bertanya berkenaan dengan Budaya Komuniti Rabbani. Yang Berhormat Dato' Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat perkataan Rabbani adalah sebenarnya perkataan yang di ambil daripada Al-Quran daripada Surah Al-Imran Ayat 39 yang berbunyi

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
مَا كَانَ لِيَشْرَ أَنْ يُؤْتِيَهُ اللَّهُ الْكِتَابَ وَالْحُكْمَ وَالنُّبُوَّةَ ثُمَّ يَقُولَ لِلنَّاسِ كُونُوا عِبَادًا لِي مِنْ دُونِ اللَّهِ وَلَكِنْ كُونُوا رَبَّيِّنَا بِمَا كُنْتُمْ تُعَلِّمُونَ الْكِتَابَ وَبِمَا كُنْتُمْ تَدْرُسُونَ

Yang kira-kira maksudnya tidak patut, bukanlah menjadi tugas kepada para Nabi yang telah menerima Al-Kitab dan juga hikmah dan juga kenabian. Kemudian mereka berkata kepada manusia hendaklah kamu menyembahku selain daripada Allah SWT tapi sebenarnya tugas para Nabi yang kita warisi hari ini adalah mengajak manusia untuk menjadi Rabbani, insan-insan Rabbani iaitulah yang mempunyai hubungan yang rapat dengan Allah SWT dan dalam masa yang sama mempunyai

hubungan yang rapat dengan manusia dalam menjalankan perintah-perintah Allah SWT melakukan amar makruf nahi mungkar dalam masa yang sama mendirikan peraturan dan menegakkan hukum-hukum Allah SWT dalam makna kata itulah khalifah Allah SWT.

Jadi dalam hal ini Yang Berhormat Dato' Speaker, maka kerajaan rasa bertanggungjawab untuk menyuburkan konsep Rabbani ini dalam masyarakat kerana ianya menjadi tugas kerajaan bertetapatanlah negara kita tidak terkecuali juga negeri kita berhadapan dengan masalah sosial yang parah terutama dikalangan anak-anak muda. Sebab itulah Kelantan dalam hal ini mengambil langkah ke hadapan dengan menggunakan premis agama sesuai dengan penghayatan "Membangun Bersama Islam". Itu kita kerjasama dengan semua pihak secara bersepadu agensi-agensi Kerajaan Negeri dan juga kerajaan Persekutuan yang juga melibatkan beberapa orang Exco portfolio-portfolio yang terlibat, wanita, portfolio belia, portfolio agama dan sebagainya.

Alhamdulillah sebelum ini kerajaan telah melancarkan dan melaksanakan dasar pendidikan Rabbani di sekolah-sekolah milik Yayasan Islam Kelantan. Dan nampak ada hasilnya. Dan benda itu dilakukan secara berterusan. Mantan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kelantan YB. Dato' Bentara Kanan telah menyebut bahawa tidak cukup kalau Rabbani ini hanya disebarkan dilatih, kepada anak-anak sekolah sahaja. Apabila mereka pulang berada di tengah-tengah masyarakat bersama dengan ibu bapa, bersama dengan kaum keluarga, kawan-kawan dan sebagainya tidak lagi ada penghayatan Rabbani. Maka kita telah melancarkan pula apa yang kita namakan sebagai komuniti Rabbani. Budaya Komuniti Rabbani (K-RABB) supaya konsep komuniti Rabbani itu dapat disebarkan kepada seluruh rakyat. Tapi kita ada hampir 2 juta rakyat dalam negara kita dalam keadaan yang terhad maka kita terpaksa melakukan sekadar kemampuan yang kita ada secara berperingkat.

Maka budaya Komuniti Rabbani ataupun ringkaskan kepada (K-RABB) ini dan saya mohon kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat yang ada supaya menyedarkan masyarakat dan mempopularkan K-Rabb ini agar ianya menjadi sebutan dan juga penghayatan masyarakat. Ianya telah dilancarkan oleh mantan Menteri Besar Kelantan sebelum ini iaitu YB. Dato' Bentara Kanan Ustaz Dato' Hj Ahmad bin Yakob pada 22 September

2022 dan sesuai dengan penghayatan Dasar "Membangunan Bersama Islam" dan kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Panglima Perang amatlah wajar ianya diteruskan dan diperkuatkan lagi. Modul (K-RABB) ini telah dibangunkan oleh kumpulan tenaga pakar dalam kalangan akademik, politik, pegawai-pegawai daripada pelbagai agensi dan juga pimpinan-pimpinan masyarakat bukan sahaja daripada Negeri Kelantan malah daripada luar Kelantan.

Secara ringkasnya terdapat lima matlamat utama budaya (K-RABB) ini dibina iaitulah yang pertama, menjadikan budaya komuniti Rabbani sebagai satu amalan terbaik dalam masyarakat kita. Yang kedua, menjadikan sumber wahyu sebagai penyelesaian terhadap segala permasalahan masyarakat. Yang ketiga, mengatasi masalah dan cabaran yang dihadapi secara bersepadu. Yang keempat, memupuk nilai terbaik dan penghayatan secara berterusan. Yang kelima, mewujudkan individu, keluarga masyarakat dan negara yang sejahtera.

Sebanyak 9 budaya yang telah digubal dan dibina dengan harapan ianya dapat mencapai matlamat yang ditetapkan. Ianya adalah yang pertama matlamat hidup kerana Allah SWT dan akhirat. Yang kedua, mengutamakan ilmu Fardu Ain. Yang ketiga melazimi suruhan agama. Yang keempat beramal dan menyebarkan ilmu. Yang kelima pembudayaan amalan berguru. Yang keenam tanggungjawab keluarga, masyarakat dan institusi. Yang ketujuh Amar, Makruf Nahi Mungkar. Yang kelapan cakna kepada persekitaran kehidupan dan yang kesembilan kesahihan sumber ilmu dan juga maklumat. Alhamdulillah.

Berdasarkan siri-siri khusus yang telah diadakan Budaya Komuniti Rabbani dilihat mampu menjadi manhaj dan panduan untuk memandu rakyat Negeri Kelantan dalam menghayati ajaran Al-Quran dan Sunnah seterusnya mampu memberi impak yang besar dan amat bermakna sempena 34 tahun pentadbiran Kerajaan Negeri Kelantan yang kini dengan Dasar Penghayatan "Membangun Bersama Islam".

Dalam memastikan (K-RABB) ini mencapai dalam matlamatnya kerajaan Negeri Kelantan melalui Institut Latihan Darulnaim Negeri Kelantan ataupun ILDN telah merangka beberapa program yang telah dan In Shaa Allah akan dijalankan. Antaranya :

- Mengadakan Latihan atau ToT kepada seramai 52 orang Jurulatih terpilih dalam pelbagai agensi di negeri Kelantan seperti daripada YIK, KIAS, JAHEAIK, Urusetia Negeri dan juga lain-lain urusetia dan agensi Kerajaan Negeri. Sebanyak 3 siri ToT yang telah diadakan bagi memberi pendedahan dan kepakaran kepada kumpulan ini sejak tahun 2022 lagi.
- Selain daripada itu, kita juga mengadakan kursus kepimpinan dalam masyarakat sebagai penghayatan kepada 9 Budaya K-RABB dan seterusnya dapat memandu masyarakat dan komuniti setempat dalam menyelesaikan isu-isu dan juga cabaran yang berlaku. Sebanyak 16 siri Kursus telah berjaya dilaksanakan kepada peserta yang dipilih dari kalangan pegawai dakwah halaqat dan juga penghulu sebagai perintis. 1 Siri diadakan khusus untuk peserta dari kalangan kakitangan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan (JAHEAIK). Jumlah keseluruhan peserta Kursus Kepimpinan adalah 650 orang sebagai permulaan untuk memimpin komuniti yang lain.

Apa yang menariknya hasil daripada kursus ini kita mendapat respon dan maklumat-maklumat yang penting daripada peserta terutama tentang isu dan cabaran dari kawasan mereka masing-masing. Setiap kawasan mempunyai isu dan cabaran yang berbeza. Mereka juga mengemukakan langkah-langkah yang sama yang sepatutnya di ambil oleh komuniti setempat atau di pihak pimpinan Kerajaan Negeri. In Shaa Allah kesemua isu dan cadangan yang diberikan akan di nilai dan diberi perhatian yang sewajarnya oleh pihak Kerajaan Negeri.

- Kita juga menyediakan dokumen dalam bentuk buku, phamplet dan sebagainya yang berkaitan dengan K-RABB ini sebagai rujukan pemimpin setempat. Pelaksanaan K-Rabb juga akan memasuki Fasa Kedua iaitu pembinaan kesedaran ke peringkat yang paling bawah iaitulah:
 - i. Dengan Mengadakan siri-siri Ceramah sempena program Bina Ummah sebanyak 135 siri di seluruh Negeri Kelantan yang disampaikan oleh orang-orang yang kita telah pun lantik secara professional.

- ii. Mempromosi K-RABB melalui lagu dikir barat In Shaa Allah akan dikeluarkan sedikit masa lagi sebagai lagu bertemakan rakyat.
- iii. Merangka silibus K-RABB bagi kursus pendek 4 jam bagi memantapkan lagi pelaksanaan dan penghayatan MBI di setiap DUN.

Kerajaan Negeri sedang merangka program pembangunan insan K-RABB ini dalam bentuk yang akan kita bangunkan "*Kitab Ilmiah Tafaqquh Fiddin*" sebagai bahan pengajaran kuliah di masjid dan surau seluruh negeri Kelantan oleh pendakwah dan asatizah.

Justeru itu, satu kumpulan tenaga pakar dalam bidang separa turath dibentuk bagi menjayakan penulisan Kitab Tafaqquh yang berasaskan kepada 9 Budaya ini. Kerajaan Negeri juga turut merangka langkah-langkah untuk menyebarkan K-RABB kepada agensi-agensi lain seperti MAIK, NGO taman-taman, persatuan-persatuan penduduk dan juga badan-badan sukarela pada masa yang akan datang. Terima kasih.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Silakan Wakaf Bharu.

YB TUAN MOHD RUSLI BIN ABDULLAH:

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih kepada Kerajaan Negeri di atas jawapan yang cukup mantap dan tahniah kepada Kerajaan Negeri yang telah memperkenalkan budaya iaitu kalau di sekolah pendidikan Rabbani dan kemudian turun ke masyarakat komuniti Rabbani supaya untuk membentuk ummah yang cemerlang dan juga gemilang.

Soalan tambahan sejauh manakah penglibatan jabatan-jabatan di bawah Persekutuan sama ada antaranya ialah Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan, Jabatan Belia dan lain-lain. Termasuk juga universiti-universiti tempatan supaya usaha ini dapat di murnikan bersama, sekian terima kasih.

YB DATO' DR. HJ MOHAMED FADZLI BIN DATO' HJ HASSAN :

Terima kasih kepada Wakaf Bharu di atas cadangan tersebut yang sebenarnya telah pun di ambil perkiraan oleh kerajaan Negeri Kelantan.

Sebagaimana yang saya sebutkan tadi usaha untuk memerangi gejala sosial dan sebagai ini telah kita lakukan secara berperingkat dan juga bersepadu. Kita telah ada satu jawatankuasa yang kita panggil sebagai *taskforce* memerangi gejala sosial yang melibatkan kalau tak silap saya 19 agensi Kerajaan Negeri dan juga Persekutuan. Terlibat juga apa yang telah disebutkan tadi. Tapi oleh kerana Budaya Komuniti Rabbani ini kita dalam peringkat untuk melatih *trainers* kita mulakan dengan agensi-agensi di bawah Kerajaan Negeri yang kita rasakan lebih mudah dahulu dan kemudian secara berperingkat In Shaa Allah kita akan turun ke bawah dan dalam masa yang sama amat baik sekiranya ia juga mendapat kerjasama daripada agensi-agensi Persekutuan dan juga daripada pihak NGO rakyat itu sendiri, terima kasih.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Silakan Dabong.

YB KU MOHD ZAKI B KU HUSIN :

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan. Mohon nyatakan sejauh manakah sambutan rakyat terhadap siri-siri ceramah K-RABB yang disampaikan?

YB DATO' DR. HJ MOHAMED FADZLI BIN DATO' HJ HASSAN :

Terima kasih Yang Berhormat Dabong. Sebelum ini kita telah mengadakan satu index mengadakan, ya kita telah mengadakan dengan kerjasama Universiti Teknologi Petronas Index Taqwa Rakyat Kelantan. Antara penemuannya adalah memang terbukti rakyat Kelantan adalah rakyat beragama. Itu memang terbukti, ada kelebihan dan juga ada kekurangan yang kita boleh In Shaa Allah kita perbaiki daripada masa ke semasa. Apabila kita melaksanakan K-RABB ini memang kita mendapat sambutan yang sangat baik daripada rakyat ini kita ambil berdasarkan pada siri-siri ceramah yang kita lakukan terutamanya apabila kita melaksanakan ceramah melalui program-program bina ummah dan sebagainya ya.

Begitu juga kita mendapat sokongan dan respon yang positif daripada kalangan yang bukan Islam yang berminat. Ada di antara mereka yang terus bertemu dengan penceramah-penceramah kita dan bertanya apakah yang boleh mereka sumbang untuk menjayakan program merakyatkan K-RABB ini.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Kita teruskan dengan Yang Berhormat Pasir Tumboh.

YB TUAN HAJI ABDUL RAHMAN BIN YUNUS :

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Dato' Speaker, mohon jawapan soalan saya nombor 11.

Soalan 11 :

[Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, apakah usaha-usaha Kerajaan Negeri dalam meneroka hasil baharu negeri?]

YAB DATO' PANGLIMA PERANG USTAZ DATO' MENTERI BESAR :

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, dan terima kasih kepada Yang Berhormat ADUN Pasir Tumboh yang mengemukakan soalan. Firman Allah Swt :

وَلَوْ أَنَّ أَهْلَ الْقُرَىٰ ءَامَنُوا وَاتَّقَوْا لَفَتَحْنَا عَلَيْهِم بَرَكَاتٍ مِّنَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ

Maksudnya : Dan kalaulah Ahli penduduk sesuatu negeri itu benar-benar beriman dan bertaqwa kepada Allah SWT nescaya kami akan bukakan kepada mereka pintu keberkatan daripada langit dan bumi.

Bagi menerokai hasil baru negeri Kelantan, Kerajaan Negeri telah meluluskan dasar perlombongan Mineral Nadir Bumi (REE) bagi mengoptimumkan penggunaan hasil bumi di Negeri Kelantan. SOP yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Alam Sekitar & Sumber Asli bersesuaian dengan Enakmen Mineral Kelantan sedia diterima pakai bagi

membolehkan hasil bumi ini dapat diterokai dan memberi pulangan kepada Kerajaan Negeri Kelantan.

Selain itu kerajaan Negeri juga telah menyediakan perundangan berkaitan industri berasaskan hydrogen di bawah pindaan Enakmen Sumber Air Negeri Kelantan 2019 bagi membolehkan penerokaan hasil baru di negeri Kelantan dilaksanakan.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Silakan Pasir Tumboh soalan tambahan.

YB TUAN HAJI ABDUL RAHMAN BIN YUNUS :

Pertamanya ialah saya ucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri yang senantiasanya mencari sumber baru untuk pendapatan negeri tujuan memberi manfaat kepada rakyat. Soalannya ialah berapakah nilai defisit mineral nadir bumi (REE) dalam bumi negeri Kelantan?

YAB DATO' PANGLIMA PERANG USTAZ DATO' MENTERI BESAR :

Terima kasih pada ADUN Pasir Tumboh. Berkenaan dengan berapakah nilai REE berdasarkan pada penemuan *significant* bidang sumber mineral Strategik Rancangan Malaysia Ke 11, deposit mineral nadir bumi (REE) dalam jajahan Jeli, Tanah Merah dan Gua Musang dalam negeri Kelantan adalah di anggarkan sebanyak 2 562 500 tan dengan nilai anggaran sebanyak RM129.15 billion, Alhamdulillah.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Silakan Kuala Balah.

YB DATO' ABDUL HADI BIN AWANG KECHIL :

Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Speaker. Saya yakin akan ada industri hiliran dan sebagainya nanti. Adakah kita bercadang untuk membina kilang untuk proses REE ini. Terima kasih.

YAB DATO' PANGLIMA PERANG USTAZ DATO' MENTERI BESAR :

Memang menjadi hasrat Kerajaan Negeri agar REE dapat diproses. Dan produk hilirannya dapat di kilangkan dalam negeri Kelantan. Untuk

membina kilang memproses REE dan seterusnya mengeluarkan produk hiliran daripada REE ia memerlukan modal yang agak besar. Dan *volume* bekalan bahan mentah yang agak tinggi agar dapat menarik pelaburan dengan pembinaan kilang ini. In Shaa Allah kerajaan Negeri Kelantan akan bekerjasama dengan Kerajaan negeri-negeri yang berjiran agar hasrat ini dapat direalisasikan.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Silakan Galas.

YB TUAN HAJI MOHD SYAHBUDDIN BIN HASHIM :

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri Kelantan RM129.1 billion hasil yang In Shaa Allah akan diperoleh Kerajaan Negeri Kelantan melalui hasil baru REE ini. Soalan saya Yang Berhormat apakah bisnes moden yang akan diterapkan oleh Kerajaan Negeri Kelantan dalam meneroka hasil baru negeri ini nanti.

Adakah pemberian konsesi akan diberikan kepada NGO, diberikan kepada koperasi, diberikan kepada Yayasan yang kerap disalurkan kepada syarikat tertentu sebelum mereka berunding dengan pelabur asing ataupun syarikat-syarikat asing akan diteruskan sebagaimana yang diamalkan sekarang atau ia akan diusahakan oleh kerajaan Negeri sendiri melalui anak-anak syarikat usaha sama bersama anak tempatan. Terima kasih.

YAB DATO' PANGLIMA PERANG USTAZ DATO' MENTERI BESAR :

Terima kasih kepada YB Galas. Perkara ini masih dalam perbincangan dan sudah tentu kita akan bagi keutamaan kepada usaha sama bersama dengan anak-anak syarikat Kerajaan Negeri.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Kita teruskan dengan Yang Berhormat Pengkalan Pasir. Silakan.

YB TUAN MOHAMAD NASRIFF BIN DAUD @ DAUD YATIMEE :

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, mohon jawapan kepada soalan saya nombor 12.

[Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, apakah penambahbaikan dalam isu pendidikan sekolah YIK dalam melahirkan pelajar dan pemuda yang mempunyai wawasan untuk kepentingan Agama dalam kehidupan seharian mereka?]

YB TUAN WAN ROSLAN BIN WAN HAMAT :

بسم الله الرحمن الرحيم

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Dato' Speaker, firman Allah SWT :

هَلْ يَسْتَوِي الَّذِينَ يَعْلَمُونَ وَالَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ

Tak sama orang yang mengetahui dengan orang yang tidak mengetahui.

Terima kasih Pangkalan Pasir di atas soalan yang dikemukakan. Penambahbaikan dalam isu pendidikan sekolah YIK dalam melahirkan pelajar dan juga pemuda yang mempunyai wawasan untuk kepentingan Agama dalam kehidupan seharian maka seabgaimana Yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri Besar tadi terima kasih kerana kerajaan telah memperkenalkan dasar Pendidikan Rabbani pada September 2022 di mana dasar ini kita memperkenalkan di peringkat Yayasan Islam Kelantan, guru-guru, pelajar diberikan kursus serta seminar Dasar Pendidikan Rabbani Kelantan (DPRK) supaya dapat dilaksanakan di sekolah masing-masing dalam semua bidang termasuk aspek kurikulum, hal ehwal murid dan juga ko-kurikulum.

Yang kedua memperkasakan program Pembangunan Insan Melalui Tarbiah (PINTAR) dengan izin. Antara objektif PINTAR ialah :

- 3.1 Melahirkan insan/pelajar yang baik akhlaknya.

- 3.2 Melahirkan pelajar berkonsepkan MUSLIM AKIFI (Alim, Haraki, Sufi) yang menghayati Islam dalam seluruh aspek kehidupan.
- 3.3 Mempastikan Tarbiah Islamiah meresapi dan merentasi semua aktiviti di sekolah.

Dan yang ketiganya, kerajaan memperkenalkan kurikulum Maahad Tahfiz Sains di mana kurikulum ini digabungkan di antara Arab Agama, Kurikulum Kebangsaan dan juga tahfiz. Dan yang keempatnya kerajaan juga memperkenalkan kurikulum tahfiz sains dan kemahiran yang terkini di mana di gabungkan di antara kurikulum Arab Agama, kurikulum kebangsaan, sains tahfiz dan kemahiran dalam bidang jahitan dan juga masakan, terima kasih.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Silakan Pengkalan Pasir.

YB TUAN MOHAMAD NASRIFF BIN DAUD @ DAUD YATIMEE :

Terima kasih kepada Yang Berhormat Exco. Sepertimana yang kita ketahui bahawa bagaimana kepentingan golongan-golongan muda perlu diterjemahkan dalam kehidupan masyarakat dan kalau kita lihat bahawa hadis Nabi SAW menyatakan bagaimana 7 golongan yang mendapat perlindungan daripada Arash yang pertamanya اَئِمَّةُ الْعَادِلِ

Yang keduanya adalah pemuda-pemuda ataupun yang dibesarkan

شَابُّ نَشَأَ فِي عِبَادَةِ رَبِّهِ

pemuda-pemuda yang dibesarkan ataupun beribadat kepada Allah SWT.

Seterusnya,

وَرَجُلٌ قَلْبُهُ مُعَلَّقٌ فِي الْمَسَاجِدِ

adalah pemuda-pemuda yang hatinya sentiasa terikat kepada masjid.

Persoalannya di sini setelah kita mendengar daripada program-program K-RABB, pendidikan dari Yayasan YIK dan sebagainya bagaimanakah kita, adakah cadangan pihak kerajaan Negeri untuk meletakkan satu KPI apa yang kita rancangkan itu apakah KPI yang kita nak letakkan.

Sebagai contohnya apakah kalau kita tengok pengimarahkan di masjid-masjid sekarang ini hanyalah dikuasai oleh golongan-golongan yang pencen yang mana mereka-mereka sebenarnya datang ke masjid bukanlah hanyalah untuk, bukanlah kato hanya sebab ini tapi penglibatan golongan-golongan pelajar, golongan-golongan pemuda itu amat sedikit. Apakah kita tidak mempunyai satu cadangan bagaimana kita memastikan golongan muda kita ini hok duduk di sekolah-sekolah memastikan mengimarahkan masjid.

Yang keduanya, bagaimana kita nak melihat bagaimana mereka memahami dan menterjemahkan Al-Quran itu dalam kehidupan seharian mereka. Mungkin saya tengok hari ini kebanyakan kita mungkin membaca Al-Quran tapi proses tadabbur dan bagaimana kita mempraktikkan Al-Quran itu diperingkat kehidupan kita seharian perlu diterjemahkan.

Maka persoalan saya di sini adalah bagaimana kita nak memastikan segala perancangan itu dibuat dengan sepatutnya, dan kita ada kayu pengukur dan yang dapat kita lihat perubahan kepada masyarakat.

YB TUAN WAN ROSLAN BIN WAN HAMAT :

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih di atas soalan tambahan daripada Pengkalan Pasir. Jadi cadangan YIK untuk keberhasilan sebagaimana yang di sebut tadi penggubalan kurikulum. Hebatnya YIK ni dia boleh gabung kurikulum pada agama, kebangsaan, sains, tahfiz dan juga TVET. Dalam ilmu orang yang berniaga *bisness* dia nak untung 10 ko 20. Jadi pelajar-pelajar kita yang digabungkan kurikulum ini dia belajar sampai 20 -25 mata pelajaran.

Itulah keupayaan ilmu dia ditambah dengan tahfiz 30 jam satu minggu. Ditambah lagi dengan kemahiran TVET tadi tetapi keputusan SPM yang baru keluar baru-baru ini sekolah yang berasaskan kepada kurikulum tersebut kemahiran jahitan dan masakan ini terbaik peringkat YIK. Tahniah kepada sekolah Maahad Tahfiz Beta Hulu yang mencapai keputusan terbaik dan straight A, 2 orang 11A penuh.

Dan kita tengok apa yang berlaku di peringkat negara kita pun yang terbaik di peringkat negara adalah Tahfiz. Ini hebat. Makna inilah hebat pelajar-pelajar daripada Yayasan Islam Kelantan.

Dan juga sebagaimana yang disebut tadi dasar Pendidikan Rabbani Kelantan kita ada senarai semak. Ini yang dikeluarkan oleh pihak Yayasan Islam Kelantan kepada senarai semak yang dihantar ke sekolah untuk di semak oleh pihak sekolah-sekolah di mana program yang kita jalankan dibawah dasar Pendidikan Rabbani Kelantan contohnya yang pertama, Program Amalan Insan Rabbani (AMIR).

Yang pertamanya, penutupan aurat pada waktu persekolah dengan sempurna 100% pelajar lelaki dan perempuan menutup aurat dengan sempurna untuk indicator kita.

Yang keduanya, solat Zohor berjemaah 100% pelajar melaksanakan ibadah solat Jemaah. Dan pihak kerajaan telah menghantarkan surat kepada pihak YIK supaya YIK melaksanakan di peringkat sekolah sembahyang berjemaah dengan pelajar-pelajar.

Dan yang ketiganya, contohnya pembudaya doa, zikir dan bacaan Al-Quran 100% pelajar beramal dan bacaan Al-Quran empat muka surat sehari. Itu yang kita amalkan di peringkat sekolah dibawah Dasar Pendidikan Rabbani.

Yang keduanya, program Latihan Riadah Dan Sahsiah Pelajar (LUS) dan berbagai lagi dalam senarai semak jadi pencapaian yang pastinya apakah pencapaian yang kita capai contohnya pelajar-pelajar kita telah mencapai berbagai-bagai pencapaian sama ada di peringkat kebangsaan ataupun Antarabangsa.

Sebelum daripada ini pun pelajar kita pernah mencapai johan hafazan di peringkat kebangsaan. Dan yang terbaru di peringkat Antarabangsa kalau tuan-tuan perasan Puteri Aminah Mohd Haniff, Johan Hafazan Dan Tafsir 1-30 juzuk. Yang mana pelajar ini daripada Maahad Muhammadi Pasir Mas telah mencapai SPM 11A, STAM 10 Mumtaz pada tahun 2023. Dia ada ilmu berpuluh-puluh mata pelajaran. Hafazan 30 juzuk ini hebat ni. Dan tahun lepas saudara Muhammad Qayyim Nizar Sarimi telah mencapai johan peringkat Antarabangsa dalam pertandingan musabaqoh membaca Al-Quran.

Dan kalau sebelum daripada ini kita meneliti di media-media di mana pelajar terbaik kita menyambung pelajaran ke United Kingdom mengetuai halaqah Al-Quran, pelajar-pelajar Asia. Inilah hebat pelajar-pelajar kita dalam semua bidang. Dan yang kita ketahui yang diluar daripada Yayasan Islam Kelantan menceburi *professionalism* mereka masing-masing ada yang terlibat dengan PTD, PTN, Imam bukan setakat menjadi Qodi, menjadi pegawai agama yang mana yang kita temui baru-baru ini semasa Yang Amat Berhormat PMX datang ke Kelantan, pegawai khas Ketua Setiausaha Negara adalah daripada pelajar-pelajar kita. Inilah hebatnya pelajar-pelajar kita yang menceburi dalam semua bidang yang ada dalam negara kita. Terima kasih Tuan Speaker.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Silakan Yang Berhormat Tawang.

YB TUAN HARUN BIN ISMAIL :

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker. Alhamdulillah dan tahniahlah di atas pelbagai perkara yang telah di lakukan oleh Kerajaan Negeri melalui Yayasan Islam Kelantan khususnya untuk membina generasi yang akan datang. Para remaja sekolah ini biasanya adalah merupakan aset yang amat bernilai untuk masa hadapan. Kita bina di sini, hasilnya kita akan kecapi di kemudian hari.

Persoalannya ialah kita tengok dalam kita rancak membina dan sebagainya di sana ada juga pelajar-pelajar yang menghadapi pelbagai kita sebut masalah disiplin dan sebagainya. Persoalannya apakah langkah-langkah yang telah di ambil oleh kerajaan Negeri Kelantan dalam usaha untuk melaksanakan program kepada mereka-mereka yang bermasalah ini di institusi-institusi Pendidikan Negeri Kelantan. Wallahua'lam.

YB TUAN WAN ROSLAN BIN WAN HAMAT :

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, Tawang yang lebih tahulah sebab dia ni bekas pegawai YIK Hal Ehwal Murid yang sentiasa merancang pelbagai program iaitu pelajar yang geniuse, untuk pelajar yang bermasalah dan seumpamanya. Jadi kita dalam DPRK juga ada senarai semak dan juga program-program yang di atur untuk pelajar-pelajar yang menghadapi masalah. Pelajar-pelajar yang kurang

pencapaian dia, penguasaan dalam bidang akademik. Jadi semuanya dirancang dibawah Hal Ehwal Murid di Yayasan Islam Kelantan. Jadi In Shaa Allah Alhamdulillah setakat ini dari sudut laporan pelanggaran disiplin, gejala sosial amat rendah daripada pelajar-pelajar Yayasan Islam Kelantan. Terima kasih.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, saya berhasrat untuk menangguhkan sidang dewan kita pada pagi ini. Sebelum saya tangguhkan dewan, berkenaan perkara yang disebutkan oleh Kota Lama saya akan semak mengikut kesesuaian. Marilah, satu peringatan lagi sidang dewan kita akan bersambung pada jam 09.00 pagi esok, marilah kita sama-sama tangguhkan sidang kita pada pagi ini dengan tasbih kafarah dan surah Al-Asr.

**PERSIDANGAN DEWAN DITANGGUHKAN PADA JAM 11.10 PAGI DAN
AKAN BERSIDANG SEMULA PADA ESOK HARI 05HB JUN 2024, JAM
09.00 PAGI.**

**PERSIDANGAN KALI YANG KEDUA
BAGI TEMPOH PENGGAL YANG KEDUA
DEWAN NEGERI KELANTAN KELIMABELAS**

=====

[27 ZULKAEDAH 1445H / 05HB JUN 2024]

AHLI-AHLI YANG HADIR

BIL	NAMA	KAWASAN
1.	YB DATO' SRI AMAR D'RAJA DATO' HJ MOHD AMAR B ABDULLAH <i>S.J.M.K.,D.J.M.K.,J.M.K. (Kelantan)</i>	PANCHOR / SPEAKER
2.	YAB DATO' PANGLIMA PERANG USTAZ DATO' HJ MOHD NASSURUDDIN B HJ DAUD <i>S.J.M.K.,D.J.M.K.,J.M.K. (Kelantan)</i> (Pengerusi Jawatankuasa Perancangan, Pentadbiran Awam, Kewangan, Ekonomi & Tanah)	MERANTI / MENTERI BESAR
3.	YB DATO' DR. HJ MOHAMED FADZLI B DATO' HJ HASSAN <i>D.J.M.K.,J.M.K. (Kelantan)</i> (Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wilayah, Sumber Asli, Integriti, Pembangunan Insan & Undang-undang)	TEMANGAN / TIMBALAN MENTERI BESAR
4.	YB MEJ. (B) DATO' HJ MD ANIZAM B AB RAHMAN <i>D.J.M.K.,J.M.K. (Kelantan)</i> (Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Perindustrian, Sumber Manusia, Perdagangan & Keusahawanan)	KEMAHANG
5.	YB DATO' DR. IZANI B HAJI HUSIN <i>D.J.M.K. (Kelantan)</i> (Pengerusi Jawatankuasa Kerjaraya, Infrastruktur, Air & Pembangunan Luar Bandar)	KIJANG
6.	YB TUAN HJ SARIPUDIN B TUAN ISMAIL <i>J.M.K. (Kelantan)</i> (Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Agromakanan & Komoditi)	SELISING

7.	YB HJ WAN ROSLAN B WAN HAMAT <i>J.M.K., A.S.K.</i> (Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Pengajian Tinggi, Teknologi Hijau, Digital & Inovasi)	PENGKALAN KUBOR
8.	YB TUAN MOHD ASRI B MAT DAUD (Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan & Hubungan Seranta)	DEMIT
9.	YB TUAN HILMI B ABDULLAH (Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan & Alam Sekitar)	GUCHIL
10.	YB PUAN HJH ROHANI BT IBRAHIM <i>J.M.K., S.M.K.</i> (Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan, Pembangunan Keluarga & Wanita)	TANJONG MAS
11.	YB TUAN ZAMAKHSHARI B MUHAMAD (Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, NGO & Perpaduan Masyarakat)	APAM PUTRA
12.	YB DATUK KAMARUDIN B MD NOR <i>D.M.S.M.,A.M.N.</i> (Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Kebudayaan, Kesenian & Warisan)	AYER LANAS
13.	YB DATO' MOHAMED FARID B MOHAMED ZAWAWI <i>D.I.M.P.</i>	KOK LANAS / TIMBALAN SPEAKER
14.	YB DATO' BENTARA KANAN USTAZ DATO' HJ AHMAD B YAKOB <i>S.J.M.K.,D.J.M.K.,S.M.K.,J.P.</i>	PASIR PEKAN
15.	YB DATO' SR HJ AZAMI B MOHD NOR <i>D.J.M.K.,J.M.K.</i>	KADOK
16.	YB DATO' HJ ABDUL FATTAH B MAHMOOD <i>D.J.M.K.,J.M.K.</i>	BUKIT PANAU
17.	YB TUAN HJ ABD. RAHMAN B YUNUS <i>J.M.K.</i>	PASIR TUMBOH
18.	YB TUAN HJ MOHD FAUZI B ABDULLAH <i>J.M.K</i>	MANEK URAI

19.	YB TUAN HJ MOHD HUZAIMY B CHE HUSSIN <i>J.M.K.,A.K.</i>	PANTAI IRAMA
20.	YB TUAN ROZI B MUHAMAD <i>J.M.K</i>	TENDONG
21.	YB TUAN AZHAR B SALLEH <i>A.S.K.</i>	PULAI CHONDONG
22.	YB TUAN HJ ZURAIDIN B ABDULLAH	CHETOK
23.	YB TUAN MOHD RUSLI B ABDULLAH	WAKAF BHARU
24.	YB KU MOHD ZAKI B KU HUSIN	DABONG
25.	YB TUAN MOHD RODZI B JAAFAR	GAAL
26.	YB TUAN HJ MOHD ADANAN B HASSAN <i>J.M.K.</i>	KELABORAN
27.	YB TUAN WAN ROHIMI B WAN DAUD <i>A.K.,J.S.M.</i>	MELOR
28.	YB TUAN KAMARUZAMAN B MOHAMAD <i>J.S.M.</i>	GUAL PERIOK
29.	YB TUAN NIK BAHRUM B NIK ABDULLAH <i>A.S.K.</i>	CHEMPAKA
30.	YB TUAN BAHARI B MOHAMAD NOR	GUAL IPOH
31.	YB PUAN NOR ASILAH BT MOHAMED ZIN	LIMBONGAN
32.	YB TUAN ZAMERI B MAT NAWANG	JELAWAT
33.	YB TUAN MOHAMAD NASRIFF B DAUD @ DAUD YATIMEE	PENGKALAN PASIR
34.	YB TUAN SHAARI BIN MAT YAMAN <i>A.K.</i>	BUNUT PAYONG
35.	YB DATO' SHAARI B MAT HUSSAIN <i>D.P.T.J.</i>	PALOH
36.	YB DATO' ABDUL HADI B AWANG KECHIL <i>D.P.S.K., P.S.K. (Kelantan), J.M.N., K.M.N.</i>	KUALA BALAH

37.	YB TUAN ZUBIR B ABU BAKAR	MENGKEBANG
38.	YB TUAN HARUN B ISMAIL	TAWANG
39.	YB TUAN AHMAD ZAKHRAN B MAT NOOR	KEMUNING
40.	YB TUAN MOHD ALMIDI B JAAFAR	BUKIT BUNGA
41.	YB TUAN NOR SHAM B SULAIMAN	SEMERAK
42.	YB TUAN MOHD AZIZI B ABU NAIM	NENGGIRI
43.	YB PUAN DR. HAFIDZAH BT HJ. MUSTAKIM	KOTA LAMA
44.	YB TUAN HJ MOHD SYAHBUDDIN B HASHIM <i>J.M.K.</i>	GALAS
TIDAK HADIR DENGAN MAAF :		
1.	YB TUAN SAIZOL B ISMAIL	SALOR

HARI KEDUA 05 JUN 2024

**AHLI MENURUT
PERKARA X111 (3)
UNDANG-UNDANG PERLEMBAGAAN TUBUH KERAJAAN
KELANTAN,
BAHAGIAN PERTAMA**

YB DATO' IDHAM BIN HAJI ABD GHANI
[PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI KELANTAN]
D.P.S.K. (Kelantan)

YBM TENGKU KAYA PERKASA
DATO' DR TENGKU MOHAMED FAZIHARUDEAN BIN TENGKU
FEISSAL
[PEGAWAI KEWANGAN NEGERI KELANTAN]
D.J.M.K. (Kelantan)

TIDAK HADIR :

YB DATO' HAJI NAZRAN BIN MUHAMMAD
[DATO' KAYA SETIA SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI KELANTAN]
S.P.S.K., D.P.S.K. (KELANTAN), P.S.K., B.S.K., A.S.K.

**SETIAUSAHA DEWAN NEGERI
KELANTAN**

[MOHD ZAIKA YAMANI BIN IBRAHIM]
A.S.K., B.S.K.

**PERSIDANGAN KALI KEDUA
BAGI TEMPOH PENGGAL KEDUA
DEWAN NEGERI KELANTAN
YANG KELIMABELAS TAHUN 2024
PADA 26, 27 DAN 28 ZULKAEDAH 1445H
[04HB,05HB DAN 06HB JUN 2024/
SELASA, RABU DAN KHAMIS]**

=====

SETIAUSAHA :

بسم الله الرحمن الرحيم
السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Persidangan Kali Kedua Bagi Tempoh Penggal Kedua, Dewan Negeri Kelantan Kelimabelas. **HARI KEDUA.**

I. .. DOA.

SETIAUSAHA : Susunan Urusan Persidangan Yang Pertama, Berdoa....

الفاتحه.....

[Sambil Berdiri]

II - SOALAN-SOALAN YANG DIBERITAHU

SETIAUSAHA : Susunan Urusan Persidangan Yang Kedua, Soalan-Soalan Yang Diberitahu.

Soalan-soalan yang dikemukakan untuk mendapat **Jawapan Mulut.**

YB DATO' SPEAKER :

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Dipersilakan Yang Berhormat Nenggiri..

YB TUAN MOHD AZIZI BIN ABU NAIM :

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan saya nombor 1.

Soalan 1:

[Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, apakah Kerajaan Negeri merancang atau bercadang untuk menyemak kadar gaji dan elaun tetap kakitangan Kerajaan Negeri berikutan cadangan kadar gaji baru kakitangan awam persekutuan yang dibentangkan oleh Perdana Menteri pada 01 Mei 2024 yang lepas.]

YAB DATO' PANGLIMA PERANG USTAZ DATO' MENTERI BESAR :

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, dan Yang Berhormat ADUN Nenggiri yang mengemukakan soalan.

Penetapan kadar gaji dan elaun tetap kakitangan Kerajaan Negeri adalah terikat dengan penetapan kadar gaji dan elaun tetap yang diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan. Oleh yang demikian, sebarang penetapan kadar gaji dan elaun yang ditetapkan oleh Kerajaan Persekutuan akan terpakai kepada Kerajaan Negeri. Pada keseluruhannya apa-apa Pekeliling Perkhidmatan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia akan turut dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri termasuklah Negeri Kelantan. Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri akan turut menyemak kadar gaji dan elaun tetap kakitangan Kerajaan Negeri sebagaimana Pekeliling Perkhidmatan yang akan diterima nanti dan diputuskan perlaksanaannya oleh Pihak Berkuasa Negeri.

YB DATO' SPEAKER :

Iya, Nenggiri...

YB TUAN MOHD AZIZI BIN ABU NAIM :

Terima kasih Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Ok, soalan tambahan saya kita menghargailah usaha Kerajaan Negeri terutamanya yang

melibatkan tarikh bayaran gaji kalau kita *compare* dengan Kerajaan Persekutuan di dapati tarikh bayaran gaji kakitangan Kerajaan Negeri kadang-kadang ataupun puratanya lebih awal berbanding dengan Kerajaan Persekutuan. Cuma saya merujuk kepada *statement* Yang Amat Berhormat Menteri pada tarikh 1 Mei 2024 menyatakan Kerajaan Negeri akan menilai gaji baru berkuatkuasa Disember tahun ini. Jadi soalan tambahan saya, berapa peratuskah cadangan kenaikan pelarasan gaji tersebut dan sejak bilakah pelarasan dilaksanakan terima kasih.

YAB DATO' PANGLIMA PERANG USTAZ DATO' MENTERI BESAR :

Kita akan tengok penetapan yang dibuat oleh Kerajaan Persekutuan dan Insha Allah kita akan selaraskan.

YB DATO' SPEAKER :

Ok, Limbongan..

YB PUAN NOR ASILAH BINTI MOHAMED ZIN :

Terima kasih kepada Yang Dipertua, soalan saya berkaitan dengan adakah Kerajaan berpandangan berkaitan dengan gred gaji pegawai dan kakitangan kontrak CFS di Urusetia-Urusetia Kerajaan Negeri setimpal dengan bebanan kerja mereka.

YAB DATO' PANGLIMA PERANG USTAZ DATO' MENTERI BESAR :

Pihak Kerajaan Negeri sedang pertimbangkan penyelarasan gred gaji dengan diskripsi tugas pegawai dan kakitangan tetap Kerajaan Negeri Insha Allah penyelarasan yang sama juga akan dipertimbangkan bagi pegawai dan kakitangan kontrak CFS di Urusetia-Urusetia Kerajaan Negeri berdasarkan merit dan bebanan kerja.

YB DATO' SPEAKER :

Dipersilakan Yang Berhormat Dabong.

YB TUAN KU MOHD ZAKI BIN KU HUSSIN :

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Mulia Dato' Speaker, pohon jawapan soalan nombor 2.

Soalan 2 :

[Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, sejauhmanakah sambutan rakyat terhadap pengurangan bayaran tanah yang telah diumumkan oleh kerajaan baru-baru ini?]

YAB DATO' PANGLIMA PERANG USTAZ DATO' MENTERI BESAR :

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker dan juga YB Adun Dabong yang mengemukakan soalan. Dalam Persidangan Kali Kedua Belanjawan Bagi Tempoh Penggal Pertama Dewan Negeri Kelantan Yang Kelimabelas tahun 2023 saya telah mengumumkan bahawa bayaran denda berkaitan lewat bayar cukai tanah dan lain-lain bayaran denda berkaitan lewat bayar cukai tanah dan lain-lain bayaran denda berkaitan tanah dan pembangunan tanah diberikan diskaun sehingga 90% bagi tempoh satu bulan berkuatkuasa mulai 1-31hb Disember 2023.

Berikut diperincikan bentuk-bentuk denda yang boleh diberikan pengurangan:

- A- Bayaran tunggakan denda lewat cukai tanah yang diperuntukkan di bawah kaedah 17 kaedah- kaedah tanah Kelantan 1966 KKTK 1966 hendaklah diberikan pengurangan sebanyak 90%.
- B- Denda lewat daftar di bawah seksyen 293 (2) kanun Tanah Negara 1965 (KTN 1965) hendaklah diberikan satu kali ganda pengurangan. Sambutan yang diterima daripada rakyat amat mengalakkan. Sejurus selepas pengumuman dibuat pada bulan Disember 2023 sahaja, keseluruhan permohonan yang diterima di Pejabat PTG dan Pejabat-Pejabat Tanah dan Jajahan adalah 1394 permohonan yang melibatkan jumlah cukai sebanyak RM1,150,283.70 atas faktor keperluan semasa musibah banjir yang melanda dan keprihatinan kita, kerajaan telah bersetuju untuk melanjutkan tempoh pengurangan tersebut sehingga berakhir Januari 2024. Oleh yang demikian jumlah permohonan yang diterima sepanjang 2 bulan tempoh pengurangan tunggakan

denda cukai tanah adalah RM2,353 permohonan yang melibatkan jumlah cukai RM2,781,645.95.

Manakala jumlah pungutan hasil yang tertunggak juga berjaya dikurangkan dengan pungutan keseluruhan RM2,438,815.56 secara kesimpulannya inisiatif yang diumumkan oleh Kerajaan ini merupakan pendekatan yang realistik dalam memastikan kelangsungan hidup rakyat tidak terjejas dengan tindak balas iklim ekonomi semasa yang hambar dan dalam masa yang sama faktor kewangan negeri juga harus ditimbang tara dalam memastikan kutipan hasil Negeri berjalan dengan lancar.

YB DATO' SPEAKER :

Dabong...

YB KU MOHD ZAKI BIN KU HUSIN :

ER... untuk tahun 2024 adakah Kerajaan Negeri akan memberikan pengurangan terhadap denda cukai tanah...

YAB DATO' PANGLIMA PERANG USTAZ DATO' MENTERI BESAR :

Hok ni biasanya akhir tahun kita tengoklah.....tengok perkembangan semasa.

YB DATO' SPEAKER :

Sila, Galas..

YB TUAN MOHD SYAHBUDDIN BIN HASHIM :

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih dan saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasihlah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar di atas diskaun 90% denda tanah pembangunan di Negeri Kelantan. Nampaknya ianya mendapat sambutan yang baik daripada rakyat kita. Er..soalan tambahan saya Yang Amat Berhormat, adakah pengurangan bayaran premium dan denda tanah untuk pembangunan di Kelantan ini bakal menjejaskan hasil yang telah diunjurkan sebelum ini dalam bajet 2024 yang telah dibentangkan dan jika ya, berapa peratuskah unjuran hasil yang bakal diperolehi berbanding anggaran asal untuk tahun 2024?

Dan yang kedua Yang Amat Berhormat, saya mengambil kesempatan mewakili kami anak FELDA mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat di atas pemberian geran hakmilik yang telah pun diserahkan kepada 1729 orang peneroka. Cuma Yang Amat Berhormat saya mohon bantuan untuk diselesaikan baki ayahanda dan bonda kami yang menunggu sekian lama untuk mendapatkan geran hak milik ini. Dan apakah sebenarnya halangan yang dihadapi oleh pihak Pejabat Tanah jajahan dan sebagainya sehingga berlaku lambakan permohonan yang ketara sehinggakan hari ini masih banyak yang belum diselesaikan oleh Pejabat Tanah.

Terima kasih Yang Berhormat.

YAB DATO' PANGLIMA PERANG USTAZ DATO' MENTERI BESAR :

Terima kasih kepada Yang Berhormat Galas... bila kita beri potongan memanglah pendapatan kita agak terjejas sikit. Tetapi kita yakin dengan apa yang disebutkan oleh Rasulullah S.A 12:39...*Allah Taala akan menolong hambanya selama mana hambanya menolong saudara-saudaranya.*

Jadi kalau kita nak hasil yang banyak tapi kalau walaupun kita unjurkan dapat, bila kita tak bagi pengurangan mereka tak bayar. Jadi kita rugi jugak...bila kita bagi pengurangan kita boleh tolong mereka pah mereka pun bayar. Jadi bila kita bagi pengurangan ini akan sikit sebanyak memberi ruang kepada rakyat Kelantan untuk mengurangkan bebanan mereka dengan mereka membuat bayaran dalam tempoh yang kita tentukan dan kita yakin bila kita tolong mereka, Allah akan tolong kita. Semalam pun kita dengan REE kita dapat banyak, ini semua pertolongan Allah bila kita tolong orang susah kita kena yakin Allah Taala akan tolong kita.

Manakala soalan yang kedua itu adalah dalam soalan Dewan yang ke12 saya akan jawab kenapa berlaku demikian Ketika menjawab soalan no 12, Insha Allah.

YB DATO' SPEAKER :

Dipersilakan Yang Berhormat Kemuning...

YB TUAN AHMAD ZAKHRAN BIN MAT NOOR :

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Dato' Speaker, mohon jawapan kepada soalan saya nombor 3. Terima kasih.

Soalan 3:

[Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, produk-produk Kelantan yang telah menembusi pasaran luar termasuklah peringkat antarabangsa, serta usaha-usaha Kerajaan Negeri Kelantan dalam membantu mengembangkan produk-produk tersebut.]

YB MEJAR (B) DATO' HAJI MD ANIZAM BIN ABDUL RAHMAN :

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih kepada Kemuning.

Terdapat banyak produk-produk usahawan Kelantan yang telah berjaya menembusi pasaran antarabangsa sama ada melalui pengeluar produk itu sendiri atau pihak ketiga (ejen/stokis).

- 83 syarikat berdaftar sebagai Ahli di MATRADE, di mana dari jumlah tersebut 65 syarikat adalah di dalam kategori sendirian berhad dan 23 syarikat telah mula mengeksport.

Di antaranya izinkan saya bacakan sedikit...

NO	NAMA SYARIKAT	PRODUK	PASARAN ESKPORT
1	Ain Medicare Sdn Bhd	Farmaseutikal	Brunei Singapura Thailand Arab Saudi Filipina
2	Akifcafe Coffee Industries Sdn Bhd	Kopi campuran segera	China Thailand Dubai Timur Tengah

3	I Medikel Healthcare (M) Sdn Bhd	Serbuk Vitamin	Indonesia
4	Durianship Sdn Bhd	Durian	Taiwan
5	Omni Mal Agencies Sdn Bhd	Produk berasaskan Kurma	China Korea Selatan Brunei Singapura Taiwan Arab Saudi Australia Vietnam

Selain daripada itu, syarikat-syarikat Negeri Kelantan juga menerima insentif / geran di bawah MATRADE bagi membangunkan produk serta mengembangkan pasaran produk mereka ke luar negara,

- Geran Pembangunan Pasaran (MDG) – 3 syarikat, Program Pembangunan Pengeksport Bumiputera, Wanita & Belia (BWYEDP) – 4 syarikat, program Globpreneur – 4 syarikat, Program eTRADE – 40 syarikat Program Pembangunan Syarikat Peringkat Pertengahan

Manakala Produk-produk usahawan di bawah PKINK pula telah berjaya menembusi pasaran luar di antaranya ialah :

Bil	Produk	Pasaran	Syarikat
1	ORiKel Milk Tea & Calcafe Premix	Brunei, Indonesia, & Bosnia	Dua Badak Industries (M) Sdn Bhd
2	Cream Latte, Cappucino Latte, White Coffee, Hazelnut Coffee, Choco Latte	Asia Barat (UAE, Kuwait), China, Thailand	Akifcafe Coffee Industries Sdn Bhd
3	Minyak Herba & Jamu	Thailand	Che Mah & Sons Sdn Bhd
4	Semburan Organik Pati Bunga Ros Sabun Sacha Inchi	China, Brunei, Jepun	Al-Muslih Solutions Sdn Bhd
5	Qaseh Skincare, Day Cream, Kopi Arjuna Kaseh dan Manja Kaseh	Indonesia, Thailand, & Brunei	FR qaseh Marketing Sdn Bhd

Manakala usaha-usaha diantaranya ialah mengembangkan produk usahawan adalah melalui:

- Penyertaan dalam expo dan pameran dalam negara. Contohnya di Penang International Halal Expo & Conference (PIHEC) dengan izin, Malaysian International Halal Showcase (MIHAS) dan penyertaan dalam expo dan pameran luar negara. Contohnya di Asian Halal Expo (AHEx) Thailand, IMT-GT Nusantara di Indonesia.

Itulah sedikit sebanyak jawapan, terima kasih.

YB DATO' SPEAKER :

Ok, Kuala Balah..

YB DATO' ABDUL HADI BIN AWANG KECHIL :

Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Speaker dan terima kasih juga kepada Dato' EXCO. Soalan saya bagi tujuan pemasaran produk termasuk ke pasarang antarabangsa tadi, bersetujukah kalau saya cadangkan supaya Kerajaan kita juga, Kelantan juga mengadakan satu konvensyen dan juga ekspo pemasaran yang juga mungkin melibatkan pelabur-pelabur di adakan di Kota Bharu atau di Kelantan ini supaya kita dapat bertemu di sini dan pada masa yang sama kita dapat mewujudkan peluang-peluang pelaburan yang ada di negeri kita, terima kasih.

YB MEJAR (B) DATO' HJ MD ANIZAM BIN AB RAHMAN :

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih kepada soalan tambahan daripada Kuala Balah. *Pepatah orang-orang tua kata, pucuk di cita ulam mendatang, orang mengantuk disorongkan bantal* kerana kita baru sahaja menyebut di dalam Mesyuarat Kerajaan baru-baru ini iaitu untuk mengadakan satu Ekspo Perdagangan Antarabangsa Dan Forum di Negeri Kelantan ini selaras dengan itu perbincangan dan libat urus dengan pihak-pihak berkenaan telah pun dijalankan dan Insha Allah kita akan jemput Kuala Balah sekali dalam forum tersebut, terima kasih.

YB DATO' SPEAKER :

Sila, Jelawat..

YB TUAN ZAMERI BIN MAT NAWANG :

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan saya... sehari dua ni kita lihat bahawa Kelantan kita telah mendunia ore kato sapa ko Amerika pun kecek Kelate lah. Jadi saya nak tanyanya adakah produk-produk Kelantan

yang tradisional asal daripada Kelantan boleh menembusi pasaran antarabangsa contohnya produk asal Kelantan budu, dodol, songket, batik kerepok dan sebagainya. Ada ataupun tidak? Terima kasih.

YB MEJAR (B) DATO' HJ MD ANIZAM BIN AB RAHMAN :

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker soalan tambahan...sebagaimana saya nyatakan tadi perkara-perkara yang ada di Kelantan ini telah mula pelancong-pelancong datang ke Kelantan datang ke airport kita membeli produk-produk kita seperti dodol, Budu dan sebagainya untuk ... dalam bentuk paket untuk ke luar negara. Dan baru-baru ini juga misi pelaburan negeri kita ke Bangkok, Thailand pada 27-31 baru ini juga telah membuat bisnes *matching* di sana dan mengamit pelabur-pelabur ke Kelantan untuk melihat sendiri produk-produk Kelantan dan daripada itu kita boleh tawarkan ke tapak-tapak industri kita untuk ambil produk-produk kita untuk eksport ke luar negara. Dan tidak asing lagilah produk-produk setelah kita hadir di *world travel* maka contohnya di London, Dubai dan sebagainya kita sentiasa membawa sampel-sampel, alat-alat produk daripada Negeri Kelantan. Sagung pun kita bawa mula, sampaikan dia tak tahu lagu mana nak makan dia buka dia tiup habis kat muka dia. Jadi itulah produk sagung dan Minyak Mestika Che Mah & Sons itu sudah tembusi pasaran antarabangsa.

Terima kasih.

YB DATO' SPEAKER :

Dipersilakan Yang Behormat Gual Periuk.

YB TUAN KAMARUZAMAN BIN MOHAMAD :

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Dato' Speaker, mohon jawapan soalan saya nombor 4.

Soalan 4 :

[Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, apakah perancangan jangka panjang JPS bagi menangani masalah banjir di kawasan dalam bandar di Negeri Kelantan?]

YB DATO' DR IZANI BIN HUSIN :

بسم الله الرحمن الرحيم
السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Dato' Speaker terima kasih kepada Gual Periok. Untuk masalah banjir.. penyelesaian masalah banjir di seluruh negeri Kelantan termasuk bandar dan juga luar bandar dan kita di Negeri Kelantan ni kita tahu sokmo doh kita akan terima banjir akhir pada akhir tahun dan seluruh negara menerima fakta bahawa banjir disebabkan oleh jumlah hujan yang melebihi jangkaan. Untuk mengatasi perkara-perkara musim banjir ini ada 2 perkara yang besar yang pertama iaitu menyelesaikan masalah saliran ataupun perparitan di dalam bandar seterusnya outlet kepada sungai-sungai. Yang kedua mencegah limpahan air sungai pada musim-musim tertentu untuk tidak berlakunya banjir.

Untuk banjir dalam bandar sistem perparitan dari sudut perancangan sudah ada perancangan-perancangan untuk menyelesaikan aliran-aliran sungai. Namun obstacles ataupun halangan-halangan kita bukan di perancangan tetapi di kos untuk menyelesaikan sistem perparitan ini. Punca kuasanya ada sedikit di Negeri dan lebih banyaknya di Persekutuan. Untuk mengadakan perparitan ini yang kita tahu kosnya terlalu tinggi iaitulah melibatkan pengambilan-pengambilan tanah dan sebagainya.

Yang kedua ialah mencegah limpahan air daripada sungai ke darat terutama sekali bila musim tengkujuh musim air yang begitu banyak. Justeru itu pihak Persekutuan telah mengagaskan satu halangan ataupun membuat benteng-benteng *bund* atau yang panggil Program Pengurusan Lembangan Sungai Kelantan. Untuk mengatasi ni Kerajaan telah meluluskan 2 projek besar iaitu pertamanya Pengurusan Banjir Lembangan Sungai Kelantan dan yang keduanya Pengurusan Banjir Lembangan Sungai Golok.

Pengurusan Banjir Lembangan Sungai Kelantan PLSB Sungai Kelantan ada 3 fasa. Fasa pertama melibatkan kos RM480 juta, fasa kedua melibatkan kos RM857 juta dan fasa ketiga yang paling banyak iaitu yang paling banyak iaitulah RM7.5 billion yang melibatkan pembinaan Empangan Lebir, pembinaan Empangan Nenggiri dan lain-lain saliran.

Pembinaan empangan ini mempunyai strategi pertamanya ialah membekalkan hidroelektrik namun demikian perbincangan dilakukan menjadikan ia adalah sebahagian daripada flag mitigation dan juga boleh jadi sistem pengairan ataupun punca air kita boleh dibincangkan tetapi ianya lebih kepada hidroelektrik. Yang kedua ialah Lembangan Sungai Golok... Lembangan Sungai Golok ini kos yang terlibat ini ialah RM2.05 billion juga melibatkan 3 fasa yakni pembinaan bund banjir ataupun *flood bund* yang kilometernya ialah jumlah 26.2 kilometer Sungai Golok, 3.1 kilometer sungai Alor Mengkuang dan 8.1 kilometer Sungai Mentua. Juga menaikkan ban kanan iaitu 19.8 kilometer Sungai Lemal Lancang dan menaik taraf pintu air di Kuala Jambu. Kosnya ialah seperti saya sebutkan tadi 2.05 billion dan pelaksanaan ini memakan masa yang panjang dan ianya melangkaui Rancangan Malaysia ke13.

Terima kasih.

YB DATO' SPEAKER :

Sila, Gual Periuk...

YB TUAN KAMARUZAMAN BIN MOHAMAD :

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih di atas jawapan menunjukkan perancangan yang baik telah diadakan. Cuma soalan tambahan saya sejauh manakah pelaksanaan pelan hidrologi dan sistem saliran bandar bagi mengatasi masalah banjir ini. Terima kasih.

YB DATO' DR IZANI BIN HUSIN :

Terima kasih Gual Periok seperti dinyatakan tadi program pembangunan tadi menyeluruh yakni luar bandar dan dalam bandar. Namun seperti saya sebut juga kos pengambilan pembinaan saliran adalah halangan kita yang terbesar. Namun demikian pada fasa ketiga perancangannya termasuklah kerja-kerja pembaikan sistem perparitan di Kota Bharu Pasir Mas dan Tanah Merah. Pembinaan *Dry Pond* kolam dan pembinaan empangan produk silt dums. Itu adalah antara-antara perkara-perkara yang kita buat sementara ini untuk menyelesaikan banjir di dalam bandar. Yang ke seterusnya ialah beberapa projek yang telah dirancang dan telah dilaksanakan ialah projek menaiktaraf saliran bagi mencegah banjir di Klinik Kesihatan Balai Bomba Ketereh antaranya menaiktaraf saliran bagi mengurangkan banjir di hadapan klinik Kok Lanis.

Menaiktaraf saliran bagi mengatasi banjir di Kampung Kota. Menaiktaraf saliran bagi mengatasi banjir belakang Istana Negeri Kubang Kerian, menaiktaraf bagi mengelak banjir di Baruh Kadok di Pasar Batu 8 Jalan Kuala Krai dan juga menaiktaraf saliran bagi mengatasi banjir di Taman Wadi Iman.

Itulah antara yang sempat dengan kos yang ada untuk melaksanakan seperti saya nyatakan tadi bahawa perancangan JPS adalah telah nak kata lengkap tu dok la tapi boleh kata menyeluruh untuk daripada bandar terus kepada saliran besar. Namun perlu kepada masa dan punca-punca

YB DATO' SPEAKER :

Gual Ipoh...

YB TUAN BAHARI BIN MOHAMAD NOR :

بسم الله الرحمن الرحيم
السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat EXCO atas jawapan yang begitu baik untuk langkah-langkah menangani masalah banjir. Benda yang sama berlaku di Tanah Merah iaitu di Kusial di Pekan Kusial yang saban tahun di landa banjir dan terkepung. Ada cadangan untuk Kerajaan Persekutuan menaikkan jalan di Chekok Ipoh tu menelan kos RM41 juta. Tetapi mengambil kira banjir 2014 maka kos jadi naik lagi sehingga RM71 juta. Tetapi sebenarnya ada satu laluan yang memang....

YB DATO' SPEAKER :

Soalan Yang Berhormat...

YB TUAN BAHARI BIN MOHAMAD NOR :

Iya, soalan saya.. ada satu laluan yang bebas banjir iaitu melalui jalan keretapi dan penduduknya memang menggunakan laluan keretapi satu-satunya adalah untuk keluar ke Tanah Merah bila berlaku banjir. Soalan saya adalah oleh kerana saya dah bawa Jurutera JPS dan pihak JPS telah pun membuat cadangan jambatan MPV Konkrit hanya sekitar RM550 ribu sahaja sebaliknya saya nak tanya soalan saya, ianya membabitkan

tanah REC di persisiran jalan keretapi sama ada di sebelah Kusial dan Kenerak yang hanya campur tolak tak sampai 1 kilometer. Tapi ia adalah tanah milik REC.

Apakah Kerajaan boleh membuat pengambilan alih untuk membuat jalan baru bagi untuk bebas banjir kepada penduduk Kusial? Terima kasih.

YB DATO' DR IZANI BIN HUSIN :

Terima kasih Gual Periuk...cerdik Gual Periuk ni...dia olek..eh...sorry Gual Ipoh dia olek juga nak suruh tubik soalan dia. Kot banjir pun tubik soalan dia kot darat tapi tubik kot banjir...takpolah apa pun saya ucap tahniah seorang ADUN yang prihatin kepada rakyat dia, dia cuba nak bawa sesuatu pembaharuan untuk rakyat dia. Namun demikian pihak kita telah pun Pengarah UPEN kita telah turun doh gi siasat dah gapo sudah ambil tindakan-tindakan primary yang awal untuk melihat.

Seperti yang saya sebutkan sebenarnya soalan itu sudah ada jawapannya. Bajetnya sekian juta tetapi yang telah diluluskan sekian juta. Maksudnya itulah kekangan-kekangan pihak walaupun ini projek pihak Persekutuan namun Persekutuan juga menghadapi kekangan kewangan sama supo di mana-mana sahaja. Maka *priority* akan diberikan kepada betul-betul *priority*. Namun saya ucap terima kasih Insha Allah apa yang dipohon oleh pihak itu akan diteliti oleh 2 yakni JPS dan juga JKR untuk dua-dua projek tersebut. Kita tahu jalan yang disebutkan tadi mempunyai perlu kepada kos yang tinggi iaitu melibatkan pengambilan tanah. Justeru itu, Insha Allah JKR dan JPS akan meneliti perkara itu dan bergantung kepada punca kuasa mana yang kita dapat untuk melaksanakannya. Terima kasih.

YB DATO' SPEAKER :

Yang Berhormat EXCO belum sarapan kah? Nampak laih jah (letih)

[KEDENGARAN GELAK KETAWA AHLI-AHLI YANG BERHORMAT]

Dipersilakan Yang Berhormat Pengkalan Pasir.

YB TUAN MOHAMAD NASRIFF BIN DAUD@DAUD YATIMEE :

Yang Berhormat Dato' Speaker, mohon kepada jawapan soalan saya nombor 5.

Soalan 5 :

[Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, apakah peranan Perbadanan Pertanian Kelantan dalam membantu sektor pertanian negeri dan apakah projek utama yang di rancangkan perlaksanaannya?]

YB TUAN HAJI MOHD SARIPUDIN BIN TUAN ISMAIL :

بسم الله الرحمن الرحيم
السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih kepada Yang Berhormat Pengkalan Pasir. Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Kelantan mula diaktifkan pada tahun 2019. Di mana Perbadanan berperanan dalam Merancang, melaksana dan memantau program serta projek pembangunan berasaskan ekonomi pertanian di Kelantan agar lebih terancang. Perbadanan juga berperanan sebagai agensi yang menyelaraskan program- program penyelidikan tanam- tanaman baharu yang berdaya saing untuk peningkatan sosioekonomi rakyat di Kelantan. Ia juga berperanan dalam memodenkan sektor pertanian di peringkat negeri Kelantan supaya dapat bersaing seiring dengan negeri- negeri lain.

Antara projek-projek Perbadanan yang memberi manfaat secara langsung kepada rakyat negeri Kelantan adalah seperti berikut :

a. Projek Tanaman sayuran Hidroponik Dan Fertigasi

- Projek penanaman sayuran menggunakan SPH (sistem pelindung hujan), ini telah beroperasi semenjak Julai 2021, di mana tanaman yang ditanam di sini menggunakan sistem hidroponik adalah seperti sawi, salad dan bayam begitu juga tanaman fertigasi seperti cili juga telah dijalankan di ladang Rong Chenok, pasir Mas yang telah beroperasi semenjak Ogos 2023 dan Projek pertanian

ini dapat membantu meningkatkan sosioekonomi setempat, selain dapat menjamin bekalan dan harga sayuran setempat.

b. Projek Pelestarian Ternakan Lembu Hibrid

- Di mana Perbadanan telah menjalankan projek ini dengan ternakan sebanyak 100 ekor lembu berkualitilah lebu sado..lembu hibrid. Pada fasa pertama, projek ternakan lembu ini dimulai dengan memasukkan induk lembu betina Charolis sebanyak 30 ekor, Sehingga Mei 2024, jumlah lembu yang diternak meningkat kepada 51 ekor iaitu terbahagi kepada 29 ekor induk dan 22 ekor anak, Projek ini memastikan bekalan daging tempatan di negara kita bermutu tinggi dan mempunyai bekalan yang lebih banyak. Juga projek ini dapat memperkasakan program lembu pawah Naimbeef dibawah Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kelantan dengan dapat membantu menambahkan bilangan penternak lembu hibrid di negeri ini.

c. Projek Tanaman Tebu Telur

- Perbadanan telah menjalin Kerjasama dengan pihak PPK Sri Gunong dalam projek penanaman tebu telur seluas 80 ekar, Hasil tuaian tebu ini dijangka akan dapat dieksport ke pasaran dalam dan luar negara, Para petani yang mengusahakan tanaman tebu di Kelantan akan mendapat manfaat apabila hasil tuaian mereka akan dibeli dan dipasarkan bersama- sama hasil tuaian yang diusahakan oleh Perbadanan dan PPK Sri Gunong ini.

d. Projek Pembangunan Cuka Rambutan Dan Dokong

- Di mana Projek ini telah dibangunkan oleh Perbadanan dan sedang dibangunkan di dalam kawasan kilang MARA Pengkalan Chepa, Kilang ini telah beroperasi bermula Julai 2022 dan telah mendapat kelulusan sijil HALAL bagi produk cuka rambutan dan dokong. Projek ini telah membantu menyelesaikan sebahagian lambakan hasil rambutan dan dokong rakyat negeri Kelantan.

Saya juga mengambil peluang Yang Berhormat Dato' Speaker mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan yang baru sahaja meluluskan 3 projek pembangunan pertanian melalui Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri

Kelantan projek-projek ini adalah di Rong Chenok Pasir Mas seperti berikut:-

1. projek pembangunan infrastruktur pengairan dari Sungai Danau Tok Uban ke Agro Valley Rong Chenok Pasir Mas Kelantan iaitu bagi memastikan sumber bekalan air bagi tanaman dan ternakan mencukupi di kawasan Agro Valley di Rong Chenok. Memastikan projek pertanian dan penternakan di kawasan ini berjaya mengeluarkan hasil secara optimum dan berkualiti juga bagi meningkatkan minat para pelabur terutamanya pemain industri untuk melabur serta berkongsi kepakaran bersama dengan Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Kelantan.
2. pembinaan struktur reban ayam pedaging automatik di Agro Valley Rong Chenok Pasir Mas juga bertujuan memastikan keterjaminan bekalan ayam pedaging di Negeri Kelantan mencukupi dan dapat mengurangkan kebergantungan pembelian ayam pedaging dari luar Kelantan. Juga dapat menghasilkan ayam pedaging tempatan yang berkualiti di dalam pasaran tempatan juga memastikan ternakan ayam pedaging dapat dihasilkan dengan jumlah optimum dengan menggunakan teknologi moden terkini. Projek ternakan ayam pedaging secara automatik ini telah mendapat kelulusan daripada Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan sebanyak RM1,480,000.00

sekian terima kasih.

YB DATO' SPEAKER :

Sila Pengkalan Pasir.

YB TUAN MOHAMAD NASRIFF BIN DAUD@DAUD YATIMEE :

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker dan EXCO yang telah memberikan jawapan yang lengkap tadi. Soalannya di sini, satu persoalan sayanya ialah kalau kita lihat isu *food security* ataupun keterjaminan makanan ini berlaku di seluruh negara dan lebih-lebih lagi kesannya dari segi peperangan dan juga cuaca yang tidak menentu. Soalan tambahan saya, sebelum ini kita Kerajaan Negeri telah mengadakan pasar rakyat di bawah penjenamaan Kelantan Agro.... dan apakah Kerajaan Negeri bercadang untuk meneruskan menyasarkan pasar rakyat Kelantan di

seluruh peringkat jajahan di mana setiap petani-petani dapat ataupun memasarkan produk-produk mereka secara langsung kepada pembeli dan saya rasa dengan adanya program-program seperti ini ia bukan sahaja dapat membantu rakyat jelata tetapi juga petani-petani dapat memasarkan produk-produk direct kepada pengguna yang memerlukan.

YB TUAN HAJI MOHD SARIPUDIN BIN TUAN ISMAIL :

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih soalan tambahan Pengkalan Pasir. Saya tertinggal satu projek di Rong Chenok yang dapat kelulusan Kementerian tadi iaitu yang ketiga, Projek Pembangunan Pusat Akuakultur Ikan Air Tawar juga di Agro Valley di Rong Chenok Pasir Mas projek ini bernilai RM900,000.00

Alhamdulillah Insya Allah kita akan teruskan program Pasar Rakyat Kel Agro ni yang memberikan kebaikan kepada rakyat setempat dengan jualan barang-barang tempatan barang-barang dapur dengan harga yang lebih murah yang ada subsidi Kerajaan sebagaimana tahun lepas Insha Allah kita akan mulakan tak lama lagi di beberapa jajahan yang kita telah rancang bersama dengan Perbadanan Kemajuan Pertanian di Negeri Kelantan. Insya Allah akan sampai ke Pasir Mas tak lama lagi Insha Allah.

Terima kasih..

YB DATO' SPEAKER :

Sila, Wakaf Bharu.

YB TUAN HJ MOHD RUSLI BIN ABDULLAH :

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

بسم الله الرحمن الرحيم

Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan. Jadi Kelantan Alhamdulillah bidang Pertanian ni adalah merupakan salah satu yang membekal peluang pekerjaan kepada rakyat Kelantan penyumbang kepada makanan negara. Jadi soalan saya apakah strategi yang dimainkan oleh Kerajaan untuk menarik minat golongan belia dan beliawanis terlibat dalam sektor pertanian.

Sekian, terima kasih.

YB TUAN HAJI MOHD SARIPUDIN BIN TUAN ISMAIL :

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih soalan tambahan daripada Wakaf Bharu. Sebagaimana yang kita telah rancang bersama dengan Jabatan dan Agensi sektor pertanian negeri dan kerjasama dengan Kementerian kita mensasarkan ramai belia-belia termasuk beliawanis menceburi bidang pertanian dengan kita menganjurkan banyak kursus-kursus dan memberi beberapa insentif kepada mereka dengan bantuan-bantuan pertanian dan Insha Allah yang kita telah targetkan mewujudkan atau melahirkan seramai 1,000 orang belia beliawanis yang terlibat di dalam dapat sektor pertanian ini kita telah mencapai lebih separuh. Maksudnya kita dalam usaha meramaikan lagi para belia ni untuk menceburi bidang ini dan kita memberi galakan dan jadual-jadual kursus kita sentiasa paparkan dan beri maklumat secara menyeluruh di negeri Kelantan Insha Allah Jabatan-Jabatan dan Agensi yang berkaitan ini dapat sama-sama membantu meramaikan lagi para belia beliawanis kita untuk bangun di dalam memperkasakan sektor pertanian Negeri Kelantan, Insha Allah.

YB DATO' SPEAKER :

Dipersilakan Yang Berhormat Chempaka.

YB TUAN HJ NIK BAHRUM BIN NIK ABDULLAH :

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Mulia Dato' Speaker, saya pohon untuk mendapatkan jawapan kepada soalan saya nombor 6 dalam senarai.

YAB DATO' PANGLIMA PERANG USTAZ DATO' MENTERI BESAR :

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih Yang Berhormat Chempaka. Kes-kes kesalahan pencerobohan hutan dan penebangan hutan secara haram dari tahun 2020 hingga 2023 adalah seperti berikut:

TAHUN	JUMLAH KES
2020	47
2021	35
2022	33
2023	22
JUMLAH	137

Hasil daripada penguatkuasaan yang dipertingkatkan dari semasa ke semasa trans kesalahan ini adalah menurun dari 47 kes pada tahun 2020 menjadi 35 kes pada tahun 2021. 33 kes Pada tahun 2022 dan terus menurun menjadi 22 kes pada tahun 2023. Daripada 137 kes tersebut sebanyak 98 kes telah selesai dibawa kepada pengadilan manakala 39 kes lagi masih belum selesai dan berada pada pelbagai peringkat seperti masih dalam siasatan, dalam siasatan lanjut dan dalam tawaran kompaun.

Amaun kompaun yang telah dikutip dari tahun 2020 hingga 2023 ialah sebanyak RM 1,389,555.00 manakala amaun denda yang dikutip dalam tempoh yang sama ialah sebanyak RM101,000.00

Sekian.

YB DATO' SPEAKER :

Chempaka...

YB TUAN HJ NIK BAHRUM BIN NIK ABDULLAH :

Terima kasih di atas jawapan yang telah diberikan tersebut dan kita dapat melihat bahawa walaupun terdapat pendakwaan dan sebagainya kerosakan telah berlaku terhadap hutan-hutan tersebut. Soalan saya apakah terdapat program pemulihan ataupun *conservency* yang dilaksanakan untuk memulihkan kerosakan hutan yang terjadi tersebut yang terjejas akibat kesalahan-kesalahan hutan tersebut.

YAB DATO' PANGLIMA PERANG USTAZ DATO' MENTERI BESAR :

Terima kasih YB Chempaka, Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan telah melaksanakan pelbagai kaedah untuk memelihara kembali kawasan yang terjejas dengan kesalahan hutan tersebut dengan menanam kembali pokok hutan seperti program restorasi yang telah dilaksanakan pada

tahun 2023 di Hutan Simpan Ulu Sat compartment 15 dan 67 seluas 30 hektar melalui peruntukan Persekutuan.

YB DATO' SPEAKER :

Galas..

YB TUAN HJ MOHD SYAHBUDDIN BIN HASHIM :

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, kes pencerohonan hutan ini sentiasa berlaku dan saya juga ada menghantar surat kepada Yang Berhormat Menteri Besar berkenaan dengan salah satu kes yang berlaku dalam kawasan saya. Soalan tambahan saya Yang Amat Berhormat selain daripada kes pencerobohan hutan terdapat juga kes atau aktiviti melibatkan sindiket menjual pajakan tanah pembalakan sepertimana yang berlaku tahun 2017 melibatkan penerimaan wang jualan hampir RM448,000 untuk tanah seluas 500 ekar di Ulu Galas oleh seorang individu yang rapat dan mesra dengan Kerajaan Negeri Kelantan.

Soalan saya apakah tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan dalam mengatasi kejadian menjual pajakan tanah pembalakan seperti ini daripada berulang. Terima kasih.

YAB DATO' PANGLIMA PERANG USTAZ DATO' MENTERI BESAR :

Terima kasih kepada Yang Berhormat Galas..saya minta YB Galas hantar maklumat tersebut kita akan buat penyiasatan. Kalau benar-benar perkara ini berlaku, Insha Allah pihak Kerajaan akan mengambil tindakan.

YB DATO' SPEAKER :

Sila Dabong.

YB TUAN KU MOHD ZAKI BIN KU HUSIN :

Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan. Berapakah jumlah hutan yang berjaya diselamatkan daripada diceroboh oleh pembalak haram.

YAB DATO' PANGLIMA PERANG USTAZ DATO' MENTERI BESAR :

Saya rasa jumlah tu saya dah jawab dalam soalan awal tadi.

YB DATO' SPEAKER :

Sila tak dok..[sambil memerhati] dipersilakan Yang Berhormat Kelaboran.

YB TUAN HJ MOHD ADANAN BIN HASSAN :

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Dato' Speaker, pohon jawapan soalan saya nombor 7.

Soalan 7 :

[Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, apakah objektif dan fungsi penubuhan Pusat Taranum Kelantan dan bagaimanakah perkembangan setakat ini?]

YB DATO' SPEAKER :

Tak dak pantun hari ni yer..semua straight sahaja...

YB TUAN MOHD ASRI BIN MAT DAUD :

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Maksudnya bukan kalangan kami orang yang tidak memperindahkan bacaan hadith Riwayat Bukhari.

Yang Berhormat Dato' Sri Amar Diraja Dato' Speaker, terima kasih kepada Kelaboran yang telah bertanyakan tentang pusat Tarannum. Pusat Taranum Al-Quran Negeri Kelantan ini yang telah dilancarkan pada 14 May 2024 yang lalu sebagai sebuah pusat pendidikan Al-Quran secara intensif dan sistematik terutama dari segi mutu bacaan penguasaan Tilawah serta Taranum Al-Quran.

Di kesempatan ini saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada

Yang Amat Berhormat Dato' Panglima Perang Menteri Besar Kelantan kerana telah meluluskan sejumlah peruntukan RM210,000 bagi memulakan operasi Pusat Tarannum yang Insha Allah akan diadakan pada bermula Jun 2024 ini di Dewan Saidina Osman dan Dewan Saidini Ali di Balai Islam Insha Allah.

Dan fungsi penubuhan Pusat Tarannum ini ia ada beberapa fungsi utamalah. Pertamanya ialah memberi peluang

Antara objektif penubuhan Pusat Taranum AL-Quran Negeri Kelantan adalah untuk :

- Memberi peluang kepada masyarakat yang terdiri dari pelbagai lapisan usia untuk mempelajari al-Quran ini dengan lebih mendalam khususnya dalam ilmu Tarannum. Dengan mereka-mereka yang pakar kerana kita di Negeri Kelantan ini kita sedia maklum ramai di kalangan tokoh-tokoh yang pakar dalam bidang Al-Quran telah menjadi pakar rujukan dalam Al-Quran dan mereka ini memenangi di peringkat Kebangsaan dan juga Antarabangsa sehingga kini 17 tokoh-tokoh Qari dan Qariah daripada Kelantan yang telah menjuarai di peringkat antarabangsa dan kita tengok masih ada lagi Al-Fadhil Ustaz Yahya Daud, Dato' Hjh Faridah Mat Saman yang baru-baru ini semasa pelancaran dia telah memberi satu persembahan bacaan yang sangat hebat yang mesti menjadi mentor dan Alhamdulillah beliau berkesanggupan untuk menjadi mentor dalam memberi panduan Al-Quran kepada masyarakat. Di samping itu kita ada tokoh yang hebat juga macam Syeikh Hisyam Abdul Bari daripada Mesir yang telah pun berada di bumi Kelantan sejak sekian lama yang merupakan pemegang Sanat Tinggi Qiraat 10 yang mempunyai salah silah kedudukan 28 yang bersambung kepada Rasulullah S.A

Jadi orang-orang yang pakar ini mesti diberikan kesempatan. Yang keduanya sebagai satu program lanjutan

- Sebagai satu program lanjutan kepada pelajar-pelajar yang di asuh daripada Membina Generasi Al-Quran (MGQ) kita dah ada modul membina generasi Al-Quran setiap tahun kita telah adakan apresiasi mereka ini dan daripada jumlah pelajar-pelajar membina generasi Al-Quran di seluruh jajahan ini iaitulah satu jajahan ada 30 orang daripada seluruh jajahan seramai 330 orang maka

mereka kita akan dilibatkan dengan pusat taranum Al-Quran ni bagi mendalami bidang Al-Quran taranum.

- Sebagai satu platform kepada tokoh-tokoh qari dan qariah Kelantan yang telah berjaya memberi sumbangan untuk mereka ini menjadi mentor dan juga menjadi mursyid lah pentunjuk di dalam menjadikan Al-Quran ini sebagai ilmu bacaan dan juga amalan di Negeri Kelantan ini
- Mencungkil bakat-bakat baru dalam bidang taranum untuk memastikan kelangsungan penglibatan para peserta tilawah dan hafazan dalam mempersembahkan bacaan masing-masing secara terbaik sehingga mereka ini boleh mencapai Johan lah di peringkat antarabangsa. Dan tenaga pengajar untuk makluman kita selain daripada menjadi johan-johan di peringkat Kebangsaan dan juga Antarabangsa ini mereka ini in sha Allah menjadi hakim dalam Majlis tilawah dan hafazan Al-Quran di peringkat kebangsaan dan juga antarabangsa. Jadi oleh kerana itu mereka ini boleh menganalisis kekuatan, kelemahan para peserta Pusat Taranum Al-Quran dan kemudiannya Insha Allah akan dikeluarkan pelapis-pelapis yang berterusn melalui Pusat Taranum Al-Quran ini dan saya mengajak semualah seluruh ADUN-ADUN yang mempunyai keluarga, sanak saudara yang mereka berpotensi dalam bidang Al-Quran ini supaya dapat menghantar ke Pusat Taranum Al-Quran nanti Insha Allah.. terima kasih.

YB DATO' SPEAKER :

Kelaboran...

YB TUAN HJ MOHD ADANAN BIN HASSAN :

Terima kasih kepada pihak Kerajaan atas penubuhan Pusat Taranum di negeri Kelantan. Jadi soalan tambahan saya apakah Kerajaan Negeri berhasrat menubuhkan galeri tilawah Al-Quran yang boleh dijadikan rujukan ilmu-ilmu tajwid dan ilmu taranum kepada orang ramai?.

YB TUAN MOHD ASRI BIN MAT DAUD :

Terima kasih kepada Kelaboran iya, secara umumnya memang kita akan menubuhkan Galeri Tilawah Al-Quran ataupun galeri taranum Al-Quran ini dan ia akan menjadi sebahagian daripada hasrat penubuhan Pusat

Taranum Al-Quran ini. Dan sebahagian daripada Pusat Taranum Al-Quran itu kita akan letak galeri-galeri yang di sana akan memaparkan pertamanya biografi semua pemenang tilawah Al-Quran peringkat Negeri, peringkat Kebangsaan dan juga peringkat Antarabangsa daripada Negeri Kelantan.

Yang keduanya, koleksi album-album majlis tilawah-tilawah peringkat Antarabangsa sejak daripada tahun 1960 sehinggalah yang kini. Dan juga yang ketiganya piala-piala yang dimenangi oleh qari dan qariah kita daripada Kelantan ini baik di peringkat Kebangsaan ataupun Antarabangsa yang akan diseliakan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Islam JHEAIK. Kemudiannya akan ada tayangan secara digitallah. Alunan qari dan qariah Kelantan baik dalam bidang Taranumnya ataupun dalambidang qiraat. Dan yang lainnya adalah bahan-bahan dan dokumen yang berkaitan dengan tajwid, taranum, qiraat sebagai rujukan orang ramai di dalam mendalami Al-Quran dan Insha Allah kita akan bekerjasama juga dengan Kolej Universiti KIAS di mana Kolej Universiti KIAS ini dia sudah ada Diploma Taranum sejak 2012 dan Diploma Tahfiz Walqiraat sejak 2021.

Jadi peserta-peserta ini ada di kalangannya adalah peserta antarabangsa jadi boleh kita libatkan sekali dengan Kolej Universiti KIAS untuk menjayakan pusat Taranum khususnya menjadikan pelapis dalam bidang Al-Quran di Negeri Kelantan yang berterusan, sekian.

YB DATO' SPEAKER :

Sila, Kota Lama.

YB PUAN DR. HAFIDZAH BINTI HJ MUSTAKIM :

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

*Sedap sekali air selasih,
Yang Berhormat Mulia terima kasih.*

Saya amat menyokong usaha Kerajaan Negeri Kelantan menubuhkan Pusat Taranum Negeri Kelantan ini dan saya rasa saya ingin merakamkan

ucapan terima kasih juga kerana mengangkat qariah wanita seperti tadilah Hajjah Faridah Mat Saman. Namun saya juga ingin bertanya apakah usaha Kerajaan Negeri Kelantan dalam membantu rakyat dalam meningkatkan kadar celik Al-Quran di kalangan dewasa mungkin kalau kita ada data berapakah selain daripada kanak-kanak ataupun generasi muda ni yang celik Al-Quran kita ada tak data orang dewasa kita tidak celik Al-Quran?

Saya bertanyakan ini kerana saya melihat ia merupakan satu keperluan juga di negeri Kelantan kerana wujudnya terlalu banyak kelas-kelas celik Al-Quran untuk golongan dewasa yang dianjurkan secara persendirian banyak tempat di Negeri Kelantan.

Dato' Speaker, saya juga pada hari ini mengenakan hari ini adalah Hari Alam Sekitar Sedunia jadi dia punya tema adalah...

YB DATO' SPEAKER :

Soalan Yang Berhormat...soalan Yang Berhormat...

YB PUAN DR. HAFIDZAH BINTI HJ MUSTAKIM :

... dan ini 27(5)..

YB DATO' SPEAKER :

Soalan dah di tanya tadi, ada soalan lain? Takdok ?

YB PUAN DR. HAFIDZAH BINTI HJ MUSTAKIM :

Jadi saya nak menyebutkan bahawa saya juga mengenakan mafla Palestin untuk mengingatkan kita keperluan untuk kita merakamkan pada hari ini keperluan untuk kita terus menyokong menyambung atau meneruskan usaha-usaha kita untuk terus membantu rakyat Palestin yang terus dibedil setakat ini ada 35,000 orang yang sudah syahid.

Jadi sikit jer saya minta ruang kepada Dato' Speaker, sebab saya baru balik daripada Doha menghadiri...

YB DATO' SPEAKER :

.... masa soal jawab Yang Berhormat, tak boleh benda lain. Terima kasih.. terima kasih.. soalan telah ditanya...

YB TUAN MOHD ASRI BIN MAT DAUD :

Yang Berhormat Speaker, Kota Lama semangat hari ni yer. Kita jemput keluarga Kota Lama untuk hantar anak-anak ke Pusat Taranum. Cuma untuk celik Al-Quran Kerajaan Negeri Kelantan sejak daripada tahun 1990 lagi di era pentadbiran dasar Membangun Bersama Islam termasuk strategik merakyat Membangun Bersama Islam dan sekarang bersama Dato' Panglima Perang penghayatan Membangun Bersama Islam. Meneruskan usaha-usaha contohnya guru Fardhu Ain guru Al-Quran kita ada di seluruh DUN dalam 50 orang kita membelanjakan lebih hampir RM3,000 satu bulan dan kiralah daripada jumlah 45 DUN untuk semata-mata untuk memastikan bahawa tidak ada di negeri Kelantan kita ini mereka yang tidak celik Al-Quran. Biar mereka dapat membaca Al-Quran dengan baik... sebab itulah pengasasan kepada Bandaraya Islam ini sendiri adalah untuk ke arah kita wujudkan Bandaraya Al-Quran itu.

Sebab itulah saya yakin kenapa Mantan Menteri Besar sebelum daripada ini dan meneruskan cari mereka yang figure yang dianggap sebagai seorang yang hebat di dalam Murshid untuk rujukan Al-Quran dan Syeikh Hisyam Abdul Bari tadi saya sebut telah pun menjadi tenaga pengajar teras dan sehingga kini kita tengok dia boleh mengajar dalam Bahasa Melayu dah. Tidak lagi Bahasa Arab. Jadi maksudnya kita boleh tengok secara online dan secara... dia dah jadi rujukan di peringkat Indonesia, Brunei panggil. Jadi kita nak memanfaatkan tokoh macam ini supaya anak-anak muda dapat bersama-sama memberi komitmen dalam Al-Quran di samping kita akan memperkasakan guru-guru Al-Quran yang ada di seluruh DUN dan jajahan untuk mereka cara yang mana tak boleh baca Al-Quran ini pasti boleh baca Al-Quran di Negeri Kelantan ini, terima kasih.

YB DATO' SPEAKER :

Nasi Dagang Nasi Kerabu, silakan Yang Berhormat Wakaf Bharu.

YB TUAN HJ MOHD ROSLI BIN ABDULLAH :

بسم الله الرحمن الرحيم
السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Dato' Speaker, pohon jawapan soalan saya nombor 8.

Soalan 8 :

[Minta YAB Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan usaha pihak Kerajaan Negeri Kelantan dalam usaha untuk menaiktaraf Pdang Puteri Saadong, Wakaf Bharu selaku tempat rekreasi yang aktif dalam DUN Wakaf Bharu.]

YB TUAN HILMI BIN ABDULLAH :

بسم الله الرحمن الرحيم
السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Dato' Sri Amar Diraja Dato' Speaker,

Majlis Daerah Tumpat telah memohon peruntukan bagi cadangan menaik taraf Taman Rekreasi Puteri Saadong dengan Jabatan Landskap Negara (JLN) untuk perlaksanaan projek pada tahun 2025. Pihak JLN telah menyenaraikan Taman rekreasi ini di dalam senarai pendek untuk diangkat pertimbangan Kelulusan projek menaiktaraf kawasan rekreasi tahun 2025 di bawah Jabatan Lanskap Negara.

YB DATO' SPEAKER :

Wakaf Bharu...

YB TUAN HJ MOHD ROSLI BIN ABDULLAH :

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih di atas jawapan tersebut. Semoga ianya dapat mengembirakan rakyat saya di Wakaf Bharu. Soalan tambahan, kalau kita lihat akhir-akhir ini pertumbuhan pusat-pusat rekreasi di seluruh Negeri Kelantan cukup membanggakan. Kalau di

Tumpat ni ada padang Kemahkotaan, Padang Puteri Saadong, Taman Tengku Anis dan sebagainya. Cuma soalan saya, apakah usaha yang dimainkan oleh Kerajaan ataupun kempen yang dimainkan oleh Kerajaan untuk rakyat menggunakan tempat tersebut sebagai gaya hidup sihat rakyat negeri Kelantan. Sekian, terima kasih.

YB TUAN HILMI BIN ABDULLAH :

Terima kasih Wakaf Bharu atas soalan tambahan.

Yang bermaksud : wahai semua manusia makanlah apa yang halal dan baik di atas muka bumi ini jangan kamu ikut langkah syaiton kerana syaiton itu musuh yang nyata bagi kamu.

Berkaitan dengan soalan tadi yang berkaitan dengan gaya hidup sihat juga pemakananlah sebagaimana kita ketahui Titah Duli Yang Maha Mulia Tunku kita pada sesi lepas iaitu supaya pihak PBT memperbanyakkan pembinaan pusat-pusat rekreasi dan langkah ini usaha yang telah dijalankan oleh mantan EXCO, Mantan MB-MB yang terdahulu dan saya sebagai penyambung menyatakan komitmen untuk terus melaksanakan agenda yang besar itu untuk mewujudkan seberapa banyak pusat rekreasi yang di Kelantan kerana apa kerana pusat rekreasi ini akan membina gaya hidup sihat di kalangan rakyat dan kita Kelantan memilih untuk mengambil kaedah kempen iaitu untuk mengubah tabiat rakyat kita daripada kepada rakyat yang pasif kepada rakyat yang aktif iaitu rakyat yang mengutamakan budaya hidup sihat. Bukan hanya perubahan fizikal bahkan bermula daripada gaya hidup daripada rumah lagi. Iaitu kita berkempen Kelantanku Bersih dan untuk mengubah tabiat rakyat kita supaya mengamalkan gaya hidup yang bersih dan yang kedua kita berkempen supaya rakyat Kelantan mengamalkan budaya hidup sihat. Kebersihan dan kesihatan ini saling berkait rapat sekiranya kita dapat menjayakan kempen, dapat melahirkan rakyat yang hidup yang sihat dan juga bersih Insha Allah kita akan menjadi sebuah negeri yang mana rakyatnya hidup sihat dan sejahtera.

Dan Alhamdulillah, hasil daripada kempen berterusan yang kita jalankan pada tahun ini saya ingin bacakan bahawasanya Jeli telah dinobatkan sebagai Daerah kedua bahagia di Malaysia. Berbanding 155 Daerah di Malaysia dipertandingkan dan Jeli mendapat tempat kedua. Ini satu

pencapaian yang amat hebat, bukti keberkesanan kempen yang kita telah jalankan sama ada dari segi kebersihan ataupun gaya hidup sihat rakyat. Dan yang kedua, Jeli juga dinobatkan sebagai Daerah clean tourist iaitu Bandar Terbersih di Asia Tenggara. Dan terbaru kota Bharu telah mendapat tempat ke 16 dalam best indeks cities dalam Asia Tenggara dan juga ke 433 dunia yang dipertandingkan dinilai 1,000 bandar di dunia. Kota Bharu mendapat 433 dunia ini adalah hasil impak kempen-kempen berterusan yang kita telah jalankan tinggal lagi kesinambungan kita dalam meneruskan kempen-kempen ini saya mengambil kesempatan kepada semua PBT yang bertungkus lumus menjayakan kempen ini dan Jabatan Kesihatan Negeri yang juga menjayakan kempen Kelantan Sihat dan saya memohon dan menyeru kepada semua ADUN-ADUN, Pihak Berkuasa Tempatan sama-samalah kita teruskan kempen Kelantanku Bersih, Kempen Kelantanku Sihat supaya kita menjadi sebuah negeri yang sihat lagi sejahtera.

Terima kasih.

YB DATO' SPEAKER :

Sila, Gual Periuk..

YB TUAN KAMARUZAMAN BIN MUHAMAD :

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin rakamkan ucapan tahniah di atas pencapaian yang begitu baik sepertimana yang telah dibentangkan oleh EXCO tadi. Soalan saya sejauh manakah langkah PBT untuk memastikan tahap kebersihan, keceriaan, infrastruktur pusat rekreasi sentiasa dalam keadaan baik dan soalan seterusnya ialah sebagaimana yang disebut oleh Wakaf Bharu tadi naik bercambah pusat-pusat rekreasi Rantau Panjang masih lagi setakat ini belum memiliki pusat rekreasi awam. Jadi adakah sudah ada perancangan peringkat PBT untuk mewujudkan satu pusat rekreasi awam untuk kegunaan awam di Rantau Panjang? Terima kasih.

YB TUAN HILMI BIN ABDULLAH :

Terima kasih Gual Periuk di atas soalan tambahan. Kita sentiasa merancangan dan mencari tempat-tempat yang sesuai untuk kita jadikan kawasan rekreasi untuk kegunaan penduduk setempat dan dibandar Rantau Panjang kita telah mendapat kelulusan untuk menaiktaraf Rantau

Panjang termasuk tempat rekreasi di bawah program Bandar Sempadan yang akan diberi kelulusan oleh ECERWC insha Allah akan dilaksanakan paling awal tahun depan. Dan untuk memastikan pust rekreasi kita ini sentiasa elok kita perlukan kerjasama daripada semua penduduk terutama sekali PBT, penduduk tempatan supaya dapat menjaga keindahan, keceriaan ataupun infrastruktur yang telah kita bangunkan, sama-sama mengelakkan mereka yang tidak bertanggungjawab daripada merosakkan vandalisme kemudian kita sediakan. Dan sama-samalah kita jaga kebersihan untuk menegur menjaga kecantikan tempat kita Insha Allah kita dapat pastikan taman rekreasi kita taman permainan sentiasa bersih, indah, selamat dan menjadi tumpuan penduduk sekitar untuk riadah bersama kaum keluarga, Insha Allah.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Silakan Dabong....

YB TUAN KU MOHD ZAKI BIN KU HUSSIN :

Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan saya... berikutan nilai baht yang tinggi berbanding nilai ringgit apakah langkah Kerajaan bagi menarik pelancong Thailand untuk mari ke Kelantan?

YB TUAN MOHD HILMI BIN ABDULAH :

Insha Allah soalan tu akan dijawab oleh YB EXCO Pelancongan sekejap lagi .

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Dipersilakan Yang Berhormat Gual Periok..

YB TUAN KAMARUZAMAN BIN MOHAMAD :

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, mohon jawapan soalan saya nombor 9.

Terima kasih.

Soalan 9 :

[Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, usaha yang sedang dijalankan oleh kerajaan atau PBT bagi menarik pelancong untuk hadir ke Bandar Rantau Panjang sebagai lokasi pelancongan bebas

cukai yang dilihat semakin suram kerana kurangnya pelancong ke Bandar Rantau Panjang terutamanya dari sudut penganjuran program dan pembangunan infrastruktur.]

YB DATUK KAMARUDDIN BIN MD NOR :

بسم الله الرحمن الرحيم

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih kepada Yang Berhormat Gual Periok atas soalan mengenai pelancongan di Rantau Panjang. Daripada soalan beliau saya dapat bahagikan kepada tiga aspek. Yang pertamanya mengenai jumlah pelancongan yang datang ke Rantau Panjang di lihat sebagai berkurangan dan membawa kepada suasana yang disebut dalam soalan ni semakin suram. Itu yang pertama,. Yang kedua mengenai penganjuran program bagi merencanakan pelancongan di Rantau Panjang dan yang ketiganya ialah pembangunan infrastruktur. Jadi saya Insha Allah akan jawab berkisar 3 perkara ini.

Yang pertama,tentang jumlah pengunjung ke Rantau Panjang – daripada data yang ada pada saya dari bulan Januari hingga April tahun ini seramai 387,631 orang yang datang melalui pintu masuk sempadan Thailand ke Kelantan dan sekali gus ini menjawab soalan Dabonglah kot berkenaan dengan jumlah yang datang. Daripada 387,631 pengunjung daripada Thailand yang melalui ketiga-tiga pintu masuk tadi yakni Rantau Panjang, Pengkalan Kubor dan Bukit Bunga. Melalui Rantau Panjang seramai 240,517 orang dalam tempoh 4 bulan tadi. Maknanya peratusnya 62%. kalau dikira seminggu ianya sebanyak 15,032 orang. Saya kira agak ramai jugak la 15,000 orang seminggu nih mari melalui pintu masuk ke Rantau Panjang. Tapi Yang Berhormat kata suram. Boleh jadi betul, kalau betul ke mana 15,000 orang tu? Apakah Rantau Panjang tu menjadi transit sahaja. Dia masuk kot tu dan dia gi ke lain. Dia tidak duduk membeli belah ataupun bersantai di Rantau Panjang. Jadi ini jawapan kepada soalan ini perlu kepada kajian.

Yang keduanya mengenai penganjuran program bagi menggalakkan orang datang Rantau Panjang. Ada 3 kumpulan yang boleh menganjurkan program yang pertamanya pihak swasta persatuan NGO itu satu. Yang keduanya Majlis Daerah ataupun Perbandaran dan yang ketiga ialah Kerajaan Negeri. Selama saya menjadi EXCO Pelancongan belum lagi saya

terima permohonan ataupun cadangan daripada mana-mana NGO mari Rantau Panjang ataupun luar Rantau Panjang untuk mengadakan program di Rantau Panjang yang membawa impak yang besar kepada pelancongan di Rantau Panjang itu belum.

Yang keduanya mengenai program anjuran Majlis Daerah. Ini Alhamdulillah Majlis Daerah Pasir Mas telah menganjurkan satu program pada bulan April hujung bulan April tahun ini mengenai *food festival* mengenai pesta makanan yang saya dapat penghormatan untuk hadir dan merasmikan program ini dan saya lihat ribuan manusia datang. Jadi saya kira suatu yang sangat berjaya tapi tu di Pasir Mas tapi di Rantau Panjang adalah sebahagian daripada Pasir Mas. Jadi saya kira dari segi daerahnya ialah termasuklah Rantau Panjanglah. Dan juga dalam jajahan Pasir Mas juga akan diadakan satu EKSPLO TANI yang akan diadakan pada awal bulan Ogos tahun ini. Ini semuanya penganjuran program yang boleh membawa pelancong luar daripada Pasir Mas Rantau Panjang untuk datang ke Daerah Pasir Mas. Apabila sebut Pasir Mas tu masuk ke Rantau Panjang.

Yang ketiga ialah mengenai pembangunan infrastruktur sebahagiannya tadi telah dijawab oleh rakan saya Yang Berhormat EXCO Kerajaan Tempatan dan ingin saya tambah sikit yakni selain daripada peruntukkan yang diluluskan oleh Kementerian Ekonomi kepada Kerajaan Negeri untuk membangun, mencantikkan Rantau Panjang yang berjumlah RM12 juta akan dilaksanakan oleh ECERWC awal tahun depan ialah juga satu lagi kajian yang sedang dilaksanakan oleh UPEN untuk menilai semula kedudukan kedai Bebas Cukai. Sekarang ni kedai Bebas Cukai duduk dalam kawasan perumahan dan ternyata ianya tidak membantu sangat jadi nak kena kaji semula sama ada wajar ianya dipindahkan ke tempat yang khusus untuknya dan dipenuhi dengan pelbagai barang yang boleh menarik orang pergi ke Rantau Panjang untuk membeli belah di kedai Bebas Cukai tersebut.

Selain daripada itu ialah cadangan yang dikemukakan dan sedang dipertimbangkan oleh Kerajaan melalui Kementerian Pengangkutan yakni untuk menghidupkan semula perkhidmatan keretapi ke Rantau Panjang. Baru-baru ini Yang Berhormat Menteri Pengangkutan buat kenyataan bahawa mereka telah terima satu cadangan daripada Keretapi Tanah Melayu untuk menyambung atau menghidupkan semula

perkhidmatan Keretapi dari Pasir Mas ke Rantau Panjang dan sudah pasti kalau daripada Pasir Mas ianya boleh disambung kepada Kuala Lumpur dan lain-lain lagi. So orang daripada Kuala Lumpur nak ke Rantau Panjang boleh terus saja melalui keretapi ke Rantau Panjang.

Jadi kajian sedang dibuat sama ada ianya ada membawa impak ekonomi yang besar ke penduduk Rantau Panjang. Saya percaya begitu tetapi oleh kerana ini projek Persekutuan saya mendoakan mudah-mudahan ianya berjaya. Itulah yer, terima kasih banyak.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Dipersilakan Gual Periok,

YB TUAN KAMARUZAMAN BIN MOHAMAD :

Terima kasih di atas jawapan yang agak panjang..hok sentuh Rantau Panjang sikit jah, Pasir Mas banyak, jadi betul ia satu Daerah...er..satu jajahan dan satu PBT tetapi daripada jawapan-jawapan tadi menunjukkan bahawa Rantau Panjang agak terpinggir daripada program dan juga infrastruktur dan di kesempatan ini saya mengambil kesempatan untuk mencadangkan supaya diwujudkan satu Majlis Daerah berasingan PBT berasingan untuk memberikan tumpuan khusus kepada Rantau Panjang yang sekarang ini agak tenggelam dibayangi oleh Pasir Mas banyak program banyak infrastrukturnya berpusat di Pasir Mas.

Terima kasih.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Silakan YB EXCO jawab...

YB DATUK KAMARUDDIN BIN MD NOR :

Untuk soalan ini saya paskan kepada EXCO Kerajaan Tempatan untuk menjawab.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Okey, silakan Gual Ipoh.

YB TUAN BAHARI BIN MOHAMAD NOR :

Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, di Rantau Panjang ni kita semua dah maklumi satu benda perkara jugak perlu diberi

perhatian adalah...soalanlah nih berkaitan dengan *traffic flow* terutama waktu musim cuti sekolah dan waktu-waktu perayaan. Ia membabitkan satu *traffic* ataupun bukan *traffic* sebenarnya ia berkaitan dengan ICQS iaitu bersepadu untuk menjaga keselamatan penyeludupan dan sebagainya. Namun mereka juga perlu diberi latihan *traffic* lah pada pandangan saya sebab ia tidak membabitkan trafic tetapi jem tu menyebabkan orang ramai habis masa untuk ke Rantau Panjang dan balik dari Rantau Panjang tu Cabang 4 Salam tu ada traffic yang membuat ICQS berkaitan dengan kehidupan dan sebagainya. Namun untuk memberhentikan kereta di laluan tu adalah tidak wajarlah kerana ia membabitkan timer masa kereta tu dan kalau boleh kita panjangkan kepada pihak berkaitan supaya kereta yang nak diperiksa tu supaya keluar daripada laluan untuk laluan *stright away* tu. Jadi itulah satu soalan saya kalau boleh diperbaiki keadaan *traffic* di Cabang Salam untuk orang suka gi Rantau Panjang, terima kasih.

YB DATUK KAMARUDDIN BIN MD NOR :

Di ambil perhatian...

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Okey.... dengan kata lain tidak suramlah. Baik kita teruskan dengan Yang Berhormat Galas....

YB TUAN HJ MOHD SYAHBUDDIN BIN HASHIM :

Yang Berhormat Dato' Speaker, pohon jawapan soalan saya nombor 10.

Soalan 10 :

[Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, apakah tindakan yang diambil oleh kerajaan dalam mengatasi gangguan bekalan air di Bandar Utama, Gua Musang.]

YB DATO' DR IZANI BIN HUSIN :

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih Galas... semangat sikit tadi tak minum pagi lagi. Saya mohon daripada Speaker, untuk jawab soalan kelmarin hok terlepas nombor 13. Pasal soalan hari ni terlalu fokus spesifik kepada Gua Musang... saya kira kita jawab untuk seluruh negeri lebih baik. Soalan tambahan, maaf Datuk Kamaruddin ambo nak jawab

soalan Gual Periok tadi. Gual Ipoh sorry.. perancangan di Rantau Panjang tu selesai. Kitanya tunggu Kerajaan Thailand untuk jambatan baru dan pelebaran jalan dan benda tu semua sudah ada dalam perancangan dan ada dalam persetujuan bersama Insha Allah.

Mengenai dengan soalan kelmarin tu yang berkaitan dengan apa tu usaha-usaha Kerajaan untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan air Kelantan seluruh Kelantan. Jadi saya ambil soalan hok kelmarin dan campur soalan spesifik untuk di Gua Musang Insha Allah. Okey kita lani ada loji rawatan air kita ada berjumlah 42. Pada tahun 2028 kita jangka kita akan siap 9 lagi loji yang menjadikan ia 51 loji. Dan kapasiti air secara keseluruhan pada masa itu kita boleh keluarkan sebanyak 880 juta liter air dan keperluan pada masa itu 660 juta liter perhari. Pada 2028 kita jangkakan kita mempunyai lebih air yakni lebih pengeluaran dari loji-loji kita sebanyak 200 juta liter air pada 2028.

Namun demikian kita kena ingat so lagi masalah kita ialah NRW. NRW semasa ialah 52% bermakna kalau kita mengekalkan NRW ini setaro ni air pada tahun 2028 tidak sampai ke pengguna kerana separuhnya keluar. Jadi kita berusaha supaya NRW ni turun kepada sasaran SPAN iaitu sebanyak 35%. Sekiranya kita sampai kepada 35% NRW kita masih lagi kekurangan air sebanyak 100 ataupun 100 juta liter perhari. Dan masalah kedua ialah paip-paip vertikalasi juga akan menjadi masalah untuk sampai air kepada pengguna.

Jadi kita Air Kelantan ni berusaha sedaya mungkin dengan kekangan-kekangan yang ada berusaha untuk mencukupkan air ke seluruh negeri Kelantan. Setelah pengiraan baru dibuat sasaran peningkatan penduduk sasaran yang kita jangka bahawa dengan siapnya ECRL, Airport dan semua ni kita sasaran kepenggunaan air meningkat maka kiraan awal kita perlu mengadakan sekurang-kurangnya 4 loji air yang berkapasiti 50 juta liter air untuk kita rancang, untuk kita sampai kepada tahun 2050. Itulah perancangan kita sehingga ke 2050 dan kita seperti yang telah diingatkan oleh semua perkhidmatan air adalah sebuah perkhidmatan utama negeri. Jadi apa-apa kekangan yang ada kita cuba atasi seperti meningkatkan budaya kerja dan sebagainya juga melihat potensi-potensi yang lain. Dan hubungan baik antara Kelantan dengan PMX Insha Allah akan membutirkan sesuatu yang lebih baik. Umpamanya geran Kelantan

antara satu-satunya negeri yang tidak pernah menerima geran daripada Persekutuan dan ini boleh diusahakan untuk mendapat sumber air.

Yang kedua saya ingin menyatakan masalah-masalah supaya kita semua memahami masalah-masalah pengurusan air di Negeri Kelantan. Pertama kita tidak boleh menolak istilah orang ngaji moden ni ia panggil bencana alam tetapi kita sebutnya ketentuan dari sudut Allah Taala, banjir kita tak boleh nak elak dekneh ia mari kemarau kita tidak boleh nak elak, air masin tak boleh nak elak, bentuk muka bumi tak boleh nak elak, kandungan-kandungan air bawah tanah kita tidak boleh nak elak. Kita boleh mengurus sahaja perkara-perkara ini.

Bila mari musim kemarau gapo masalah kita? Daripada air cukup jadi tak cukup kerana satu water table turun. Yang kedua, air masin laut masuk pasal air hulu tak dok. Kita terpaksa kerat kalu tak tutup kita supply air masin maka kita tutup. Bila kita tutup tak cukup air. Okey, maka Alhamdulillah baru ni DATO' MB kita lulus hampir RM3 juta untuk tambah tiub well ditempat-tempat untuk tingkatkan balik kuantiti air dan lulus dan telah pun dikeluarkan tender dan Insha Allah akan dilaksanakan siap dalam masa sebulan dua lagi untuk mencukupkan air. Itu perancangan yang kita panggil mari tiba-tiba. Kandungan air pula musim kemarau bukan setakat water table akan turun, konsentrasi mineral juga menjadi semakin concentrate hok ni menyebabkan hok tubik tu semakin pekat makin kotor. Dan ini memerlukan pengurusan lain pulak melibatkan kos yang tinggi itu kita tak po.

Justeru itu, kita rasa penduduk juga pengguna mesti bijak menangani kena cucilah tangki kita tuh. Meter kita kena cuci kadang-kadang air ada tiba-tiba tak dok. Sebenarnya masalah paip kita sumbak. Jadi Pendidikan kepada pengguna juga adalah penting untuk mengetahui meter ni sentiasa diservis, tangki sentiasa di cuci. Dalam keadaan kuantiti air bumi kita yang sedemikian, pastinya keladak ada di tangki rumah masing-masing. Kalau kita tak cuci 6 tahun keladak tu ada 6 inci sekaki. Bila air baru masuk dia kuca po kuca tea jadi kita nak baru gano. Itu lepas pada tangki, jadi Pendidikan pengguna juga perlu untuk sama-sama kita ۞

...وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ ۖ

kita pakat la.

Okey, jadi kita gi kepada Gua Musang. Gua Musang ni Alhamdulillah, kita yang pertamanya kita telah lancarkan Loji Bukit Chupak 10 juta liter air

dan boleh untuk 10 ribu pengguna Insha Allah dan akan siap 2025 telah pun dalam pelaksanaan. Kemudian kita juga akan bina Loji air di Setelu yang berkapasiti 7 juta liter juga lebih kurang 7,000 akaun dan hok di Setelu ni masih lagi di peringkat pengambilan tanah. Selesai hok tu kita seterusnya...kemudian di Gua Musang di Bandar Gua Musang kita akan tukar paip saiz yang kecil kepada saiz yang besar 3 komponen paip yang besar untuk mengatasi masalah air di Gua Musang. Insha Allah boleh selesai Galas cuma masa sikit kita perlu masa Insha Allah.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Silakan Galas.

YB TUAN HJ MOHD SYAHBUDDIN BIN HASHIM :

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih di atas jawapan yang telah diberikan oleh EXCO sebentar tadi. Yang Berhormat Exco, Kerajaan menerusi SPAN telah meluluskan peruntukkan perbelanjaan EPEX sebanyak RM521.2 juta kepada AKSB untuk tempoh operasi ke4 OP 4 tempoh operasi ke5 OP 5 iaitu dari tahun 2021 hingga 2024. Soalan tambahan saya ialah bagaimana Kerajaan Negeri merancang untuk menangani kadar kehilangan air NRW yang tinggi di kawasan yang spesifik yang saya nyatakan tadi. Sebab kehilangan NRW di kawasan ini ialah sebanyak 45.5% berbandingkan dengan purata 35.5% serta adakah terdapat perancangan untuk menaiktaraf infrastruktur air di kawasan bandar utama secara spesifik bagi mengelakkan gangguan bekalan air yang kerap berlaku di kawasan ini dan adakah Kerajaan Negeri akan memberikan bantuan atau pampasan atau potongan bil kepada penduduk yang terjejas akibat gangguan bekalan air yang berterusan sepertimana Galas minta suatu ketika dahulu kepada Dato' Bentara Kanan yang telah diluluskan di dalam Dewan Undangan Negeri ini.

Dan soalan yang kedua berkenaan dengan Negeri Kelantan pada tahun 2016 semasa memeterai perjanjian migrasi air kepada PAAB saya telah menyeru saya juga terlibat dengan migrasi air ini telah menyeru kepada kepada Kerajaan Negeri Kelantan untuk membuat rombakan menyeluruh kepada AKSB demi meningkat kualiti perkhidmatan bekalan air kepada rakyat. Apakah pendirian Kerajaan Negeri sekarang dan dengan

perkembangan terbaru dalam AKSB sekarang dalam isu telaga jejari dalam Tindakan SPRM adakah Kerajaan Negeri bersetuju untuk membuat rombakan besar-besaran kepada AKSB, terima kasih.

YB DATO' DR' IZANI BIN HUSIN :

Terima kasih Galas.. panje soalan Galas pun...SPRM tu Kerajaan Kelantan konsisten. Hok salah kena salah. Hok tu kita buka lama doh daripada Arwah Tok Guru Nik Aziz, Dato' Bentara Kanan, mari DPP kita buka mari. Kalu hok salah igak! Gi jah konsisten. Okey, mengenai rombakan AKSB yang berkaitan dengan SPRM itu dia spesifik. Tak leh nak kaitkan dengan semua orang. Hok salah sore sudah lah, bakpo duk kalut dengan orang lain. Cuma buat masa ini bila saya mengambil alih AKSB, pertamanya mengubah budaya kerja AKSB dan kita telah memberi tempoh kepada pengurusan AKSB untuk merubah. Atas meja saya banyak proposal... pranhill mari, semua mari nak mengambil alih pengurusan Air Kelantan.

Dan kita tengok semua dah benda lagu tu tetapi hari ni kita beri peluang kepada pengurusan AKSB untuk meningkat balik budaya kerja kita kerana dengan perjanjian migrasi air ini semua kuasa beralih kepada SPAN dan PAAB. Kita hanya boleh merancang... hok duk sebut tadi rancang... rancang kita bui. Kelulusannya ialah kepada SPAN. Apa sahaja OP 5 ko, OP 3 ko, OP 2 ko, OP gapo ko operation prank kita yang buat, kita yang rancang yang hantar gi kepada SPAN. SPAN meneliti semua tu SPAN lulus spec semua sekali. Lepas tu SPAN bui kepada PAAB untuk lantik consultant dan sebagainya sehingga award kepada kontraktor.

Begitulah kelulusan air di bawah migrasi air yang mana AKSB akan meneliti tidak ada kuasa menentukan program air di Negeri Kelantan. Hok tu kita kena faham, kemudian perancangan-perancangan lain yang spesifik di Gua Musang yang saya sebut tadi ialah kita tukar paip tapi kita paip saiz 6 milimeter dari tangka JHEOA KE Flyover lebuhraya sepanjang 2 km kita tukar kepada saiz yang lebih besar 600mm. paip saiz MS 450 daripaa Flyover ke PPR sepanjang di bawah perojek lebuhraya CSR. Itu hok spesifik dalam bandar Gua Musang. Yang ketiga, paip saiz MS 450 daripada PPR ke Simpang KFC sepanjang 1.6 km. Semua tu dalam bandar Gua Musang... Insha Allah menjawab soalan tu..okey.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Silakan Tendong..

YB TUAN ROZI BIN MUHAMAD :

بسم الله الرحمن الرحيم
السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih kepada kepada Kerajaan EXCO atas jawapan dan maklumat banyak yang kita dapat daripada Dewan ini. Soalan tambahannya kita difahamkan di Negeri kita ini di bawah AKSB telah ada perancangan jangka masa panjang iaitu pelan induk 2021-2030 untuk menyelesaikan masalah air di Negeri Kelantan. Dan pelan induk ini sudah tentu memakan belanja yang besar lebih daripada RM5 billion sebagaimana yang disebut oleh Kerajaan Kelantan sebelum daripada ini dan ini memerlukan kepada kerjasama dan juga bantuan yang serius daripada Kerajaan Persekutuan. Jadi soalnya untuk merealisasikan pelan induk ini sejauh mana bantuan ataupun kesungguhan Kerajaan Persekutuan yang diberikan ataupun yang ditunjukkan kepada Kerajaan Kelantan untuk menyelesaikan masalah air ini melalui peruntukan lebih daripada RM5 billion ini. Sebab kita difahamkan Negeri Kelantan kita tidak mendapat geran ataupun geran secara percuma daripada Kerajaan Persekutuan dalam bab menyelesaikan masalah air ini. Jadi sejauh mana keseriusan Kerajaan Persekutuan setakat hari ini yang dilihat oleh Kerajaan kita Kelantan kita ini dalam menyelesaikan isu air, terima kasih.

YB DATO' DR' IZANI BIN HUSIN :

Terima kasih Tendong.. nok royak mudah la semasa kita mula angkat kepada Persekutuan kos untuk loji dengan paip kita semua berjumlah RM4 billion pada masa tu. Sekarang ni sudah meningkat RM7 billion untuk semua sekali. Itulah peningkatan kerana kelewatan daripada kelulusan permohonan dan sebagainya oleh kerana kita tidak mampu untuk mengadakan sejumlah kewangan sedemikian. Keseriusan Kerajaan Pusat payah kita nak sukat. Tok leh nak sukat, lani kerja kitanya mohon apa-apa sahaja peruntukan yang diberi kepada kita dan juga kita memohon daripada perancangan-perancangan OP kita sebelum daripada SPAN untuk kelulusan lain walaupun kita kata sudah lulus banyak tetapi keperluannya terlalu banyak lagi. Baso dio doh masa turun bukit mulo kita tak gatih, masa naik bukit lelah sikit lah. Dok neh gitu keneh, jadi gitulah kita cuba. Kalu nak tengok perancangan-perancangan kita besar.

Nombor 1 yang diluluskan semasa Kerajaan sebentar aritu ialah TEK di Machang yang berkapasiti 500 juta liter air. Jadi kalau sudah peringkat hok tu kertas kerja, perancangan baru duduk situ jah baru tak gi kuano jah lagi.

Dan kita ada perancangan-perancangan lain untuk menyelesaikan masalah-masalah air di Negeri Kelantan kita ni antaranya ialah cadangan loji rawatan air di Machang Baru fasa 1 250 juta liter yang anggarannya 500 juta liter, cadangan dengan paip utama serta tangki perkhidmatan anggaran kos RM520 juta yang menyalurkan air terawat seluruh Kelantan Utara iaitu Jajahan Machang, Tanah Merah, Kota Bharu, Bachok, Pasir Puteh, Pasir Mas serta Tumpat. Cadangan pembinaan loji rawatan air Pengkalan Nangka Tumpat yang berkapasiti 50 juta liter sehari dengan anggaran kos RM75 juta di dalam peringkat pengambilan tanah, cadangan pembinaan loji rawatan air Pulau Setelu juga dalam pengambilan tanah, cadangan pembinaan loji rawatan air Tok Bali, Passir Puteh berkapasiti 50 juta liter, cadangan loji rawatan air Serendah Kota Bharu berkapasiti 500 juta liter.

Itulah perancangan-perancangan yang saya sebutkan tadi untuk menyelesaikan masalah air di Kelantan. Maknanya fokusnya AKSB memberi perkhidmatan itu adalah dalam perancangan. Cuma masa yang akan menentukan. Supa kita tanam durian la, tanam tahun ni tak tubik hasil lagi. Dea 3,4 tahun merasa. Kita buat loji hari ni 3 tahun dengan semua proses-proses tu jadi kita kena tunggu la sikit, ambik masalah sikit sabar la neh. Dan keadaan yang sedemikian apabila keadaan yang musim-musim yang memerlukan perkhidmatan air musim perayaan dan sebagainya kita telah gerakkan lori air khas kita tu untuk bergantung kepada permintaan-permintaan untuk menyelesaikan..... dan perancangan-perancangan itu Insha Allah pada tahun depan ni akan diteliti supaya perjalanannya lebih baik sebelum daripada ini Insha Allah. Sabar dan kita semua kena beri sokongan dan kena beri kefahaman. Puak-puak ADUN ni kita minta jangan duk tea Kerajaan, dia kena tolong Kerajaan. Ni perancangan-perancangan supaya kita memahami proses untuk menyelesaikan air. Jangan pulak puak demo paling tea nyakyo kita sore.

YB TUAN HJ MOHD SYAHBUDDIN BIN HASHIM :

Yang Berhormat Dato' Speaker,

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Kita teruskan dengan Pantai Irama...

YB TUAN HJ MOHD SYAHBUDDIN BIN HASHIM :

Peraturan Dewan Yang Berhormat Dato' Speaker, berkenaan dengan...

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Kita teruskan dengan Yang Berhormat Pantai Irama...silakan...

YB TUAN HJ MOHD SYAHBUDDIN BIN HASHIM :

Peraturan Dewan Yang Berhormat Dato' Speaker, Peraturan Dewan berkenaan dengan kenyataan Yang Berhormat EXCO sebentar tadi. Saya sedikit nak memperbetulkan kenyataan Yang Berhormat EXCO berkenaan dengan Negeri Kelantan tidak pernah mendapat geran. Saya merujuk kepada jawapan daripada Yang Berhormat Dato' Sri Tuan Ibrahim Bin Tuan Man yang mantan Menteri Alam Sekitar dan Air yang menyatakan dalam Dewan Negara menjawab persoalan daripada Tuan Ir.Haji Khairil Nizam Bin Khiruddin. Dewan Negara jawab Kelantan dah terima sejak RMK KE-8 hingga RMK KE-11....

YB TUAN MOHD ROZI BIN MUHAMAD :

[MEMOTONG] Yang Berhormat Dato' Speaker,

YB TUAN HJ MOHD SYAHBUDDIN BIN HASHIM :

...pinjaman RM907,166 juta geran ...

YB TUAN MOHD ROZI BIN MUHAMAD :

Yang Berhormat Dato' Speaker, minta laluan sekejap. Yang Berhormat Dato' Speaker, sebagai Ahli Dewan saya nak tahu Peraturan Dewan yang dibawa oleh Galas. Sekurang-kurangnya kita Ahli-Ahli..

YB DATO' DR' IZANI BIN HUSIN :

Sebutkan Peraturan Dewan nombor berapa?

YB TUAN MOHD ROZI BIN MUHAMAD :

Sebab kita nak rujuk di peringkat Peraturan Dewan....

YB TUAN MOHD SYAHBUDDIN BIN HASHIM :

Muka surat 20 Yang Berhormat, Perkara Yang Mustahak Bagi Orang Ramai.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Perkara...

YB TUAN HJ MOHD SYAHBUDDIN BIN HASHIM :

....RM166 juta pernah diberikan kepada Negeri Kelantan berbentuk geran, terima kasih.

YB DATO' DR' IZANI BIN HUSIN :

Acu check molek geran ko pinjaman? Hok jawapan tu jawapanlah sananya saya nak jugak tu. Sebab saya dalam mesyuarat EXCO telah dinyatakan bahawa dan perbincangan antara Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar kita antara PMX menyatakan bahawa kita tidak pernah menerima geran. Jadi jawapan tu kena check kebenarannya walaupun benda tu ada hansard dan sebagainya. Tetapi adakah pelaksanaannya berlaku.

YB TUAN HJ MOHD SYAHBUDDIN BIN HASHIM :

...baik...saya merujuk kepada Perkara 77 pemberitahuan pertanyaan bukan lisan Dewan Negara.

YB DATO' DR' IZANI BIN HUSIN :

Dak, itu betul..itu jawapan tapi sapa ko dok pitih tu ke Kelate tu kena check jugak. Kena check dengan PKN kita ni duit tu sapa ko dop.

YB TUAN HJ MOHD SYAHBUDDIN BIN HASHIM :

Baik nati kita check...

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Baik, terima kasih Galas, sila duduk..terima kasih Yang Berhormat EXCO.

YB DATO' DR' IZANI BIN HUSIN :

...saya jawab doh tu...

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Kita teruskan dengan Pantai Irama, sila teruskan...

YB TUAN HJ MOHD HUZAIMY BIN CHE HUSIN :

Yang Berhormat Dato' Speaker pohon jawapan kepada soalan saya nombor 11.

Soalan 11:

[Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, apakah Kerajaan Negeri bercadang untuk adakan taman rekreasi dan taman air di Pantai Irama Bachok.]

YB TUAN HILMI BIN ABDULLAH :

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih Pantai Irama atas soalan. Kerajaan Negeri melalui Majlis Daerah Bachok sedang menyediakan satu 'Masterplan' bagi Cadangan Pembangunan di Pantai Irama dan antara komponen pembangunan yang dicadangkan adalah taman rekreasi. Manakala bagi cadangan Taman Tema air Di Pantai Irama, Kerajaan Negeri bersedia dan mempelawa mana-mana pelabur yang berminat untuk menjayakan hasrat tersebut.

Terima kasih.

YB TUAN HJ MOHD HUZAIMY BIN CHE HUSIN :

Yang Berhormat Dato' Speaker,

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Silakan soalan tambahan...

YB TUAN HJ MOHD HUZAIMY BIN CHE HUSIN :

.....terima kasih di atas jawapan pihak Kerajaan.

*Dewan Negeri Dewan yang mulia,
soalan dan jawapan diambil kira,
bercakap di sini bukan saja-saja,
usaha bina rakyat sihat, negeri sejahtera.*

Soalan tambahan sayanya... selain daripada kawasan pelancongan Pantai Irama yang dibangunkan Taman Rekreasi adakah Kerajaan bercadang ataupun ada perancangan Kerajaan tempat-tempat di pantai-pantai lain di kawasan Bachok termasuk Pantai Impian Kemasin, Pantai Senok dan juga Kandis.

Terima kasih.

YB TUAN HILMI BIN ABDULLAH :

Terima kasih Pantai Irama atas soalan tambahan, sebagaimana kita ketahui Kelantan dikurniakan sumber alam semula jadi tempat-tempat menarik daripada Pengkalan Kubor sampai Semerak terbentang luas pantai-pantai berpuluh-puluh pantai yang menarik dan saya percaya jika kita berkunjung ke pantai-pantai sepanjang Pengkalan Kubor- Semerak kita dapat lihat pembangunan-pembangunan naiktaraf yang telah kita laksanakan di bawah peruntukan Kerajaan Negeri dan juga agensi-agensi Kerajaan Pusat. Dan untuk kawasan Bachok antara pantai yang terdapat di Bachok iaitu Pantai Irama, Pantai Melawi, Pantai Senok. Untuk Pantai Senok atau di namakan Pantai Nami Yang Amat Berhormat Dato' Panglima Perang telah membuat pembentangan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang berkunjung ke Kelantan, Yang Amat Berhormat Dato' Panglima Perang telah memohon peruntukan khas untuk pembangunan Pantai Senok bertuah Pantai Irama nih berjumlah RM2 juta tak silap dan Insha Allah akan diberi kelulusan untuk naiktaraf Pantai Senok.

Sebelum tu pun kita dah naiktaraf Pantai Senok kita dah bina tandas, kita dah elokkan jalan masuk ke Pantai Senok dan terdekat kita akan membuat permohonan untuk membuat jambatan menyambung Pantai Senok ke Pantai Nujuk. Pantai Kemasin, Kubang Golok, Pantai Telong, Pantai Kemayang, Kemayang pun kalau kita pergi sekarang ni dah viral Pantai Kemayang banyak pembangunan telah dibuat. Pantai Telong pembangunan telah dibuat oleh pihak-pihak swasta pemilik-pemilik tanah yang telah membangunkan chalet-chalet , kolam-kolam renang, Pantai-Pantai Aur, Pantai Kandis. Sebagaimana saya telah jawabkan soalan Wakaf Bharu tadi kita sentiasa berusaha untuk mencari peruntukan-peruntukan untuk kita menaiktaraf semua tempat menarik di Kelantan bukan sahaja di kawasan pantai bahkan kawasan pergunungan di kawasan Jeli sampai ke Gua Musang sampai ke Lojing.

Ni lah antara kriteria yang diambil kira yang boleh memberikan kebahagiaan kepada penduduk dan untuk tambahannya semua daerah dalam Kelantan mencapai taraf Bandar Bahagia. Cuma yang disenarai khas 10 yang teratas nombor 2 Jeli. Semua daerah di Kelantan ni bahagia dan mampan. Insha Allah dan saya mengambil kesempatan untuk menjawab secara ringkas soalan tambahan daripada Gaul Periok tadi berkenaan dengan permohonan untuk dijadikan Rantau Panjang sebagai satu Majlis Daerah.

Untuk makluman Gual Periok Yang Amat Berhormat Dato' Panglima Perang telah menghantar surat minit kepada saya supaya dibuat kajian mengenai kebolehsanaan ataupun kebarangkalian untuk menjadikan Rantau Panjang sebagai satu Majlis Daerah. Saya telah memohon kepada Kerajaan Tempatan untuk membuat kajian khas mengenai impak implikasi kewangan pentadbiran dan juga laporan mengenai kutipan jumlah pegangan yang ada di Rantau Panjang untuk kita membuat keputusan sama ada untuk kita mengadakan satu Majlis Daerah di Rantau Panjang ataupun kita akan memberikan konsesi untuk kerja-kerja pembersihanlah di kawasan Rantau Panjang untuk menjadikan Rantau Panjang sebagai satu destinasi pelancongan pusat beli belah yang berpotensi memberikan imbuhan atau pun peluang-peluang pekerjaan untuk menambahkan pendapatan kepada penduduk di Rantau Panjang.

Terima kasih.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Kita teruskan dengan Yang Berhormat Paloh.

YB DATO' SHAARI BIN MAT HUSSAIN :

بسم الله الرحمن الرحيم

Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, mohon jawapan saya soalan nombor 12.

Soalan 12 :

[Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, jumlah hak milik tanah/Geran yang dikeluarkan kepada pemohon-pemohon di jajahan Gua Musang daripada tahun 2023 sehingga kini, dan apakah

langkah yang diambil bagi menyelesaikan masalah tunggakan penyelesaian pemberian milik tanah ini.]

YAB DATO' PANGLIMA PERANG USTAZ DATO' MENTERI BESAR :

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih kepada Yang Berhormat Paloh.

Jumlah hakmilik yang telah dikeluarkan oleh Pejabat Tanah dan Jajahan Gua Musang dari tahun 2023 sehingga kini berjumlah 1905 hakmilik:

Antara langkah yang diambil bagi menyelesaikan masalah tunggakan pemberian milik tanah adalah sebagaimana berikut :-

- a) Membuat penyelesaian dan memproses geran secara berkelompok di mana dari tahun 2019 - 2024 sebanyak 5328 hakmilik tanah telah didaftarkan dan dikeluarkan hakmilik.
- b) Melaksanakan pemutihan semula fail-fail permohonan yang lama. Bagi mengesan status dan alamat terkini pemohon pentadbiran ini telah membuat semakan dengan pejabat Pendaftaran Negara dan sehingga kini 878 fail permohonan telah dibuat proses pemutihan semula.
- c) Pentadbiran ini juga telah mengehadkan 300 permohonan milik tanah setahun bagi mengurangkan tunggakan fail.
- d) Meningkatkan perjawatan/pengisian jawatan penolong pegawai tanah di Pejabat Tanah Dan Jajahan Gua Musang dan cadangan permohonan ini telah diangkat kepada Bahagian Pengurusan Sumber Manusia untuk pengambilan melalui skim MySTEP.
- e) Membuat pengemaskinian dan semakan semula pengeluaran Notis 5A (Notis Bahawa Hasil Tanah Harus Dibayar) kepada permohonan yang telah mendapat kelulusan Pihak Berkuasa Negeri.

Sekian.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Silakan, Paloh..

YB DATO' SHAARI BIN MAT HUSSAIN :

Er...terima kasih yang tak teringgalah kepada Yang Berhormat MB kita yang telah menyampaikan geran baru-baru ini saya mewakili masyarakat DUN Paloh mengucapkan ribuan terima kasihlah. Cuma ada sedikit makluman dan telah dimaklumkan kepada saya maklum balas yang diterima bahawa antara masalah-masalah dalam menyelesaikan tunggakan pemberian milikan tanah ini adalah disebabkan kekurangan kakitangan dan pegawai untuk melakukan kerja-kerja siasatan dan teknikal. Apakah Kerajaan melalui Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kelantan mempunyai cadangan untuk menambah kakitangan bagi menyelesaikan masalah ini.

YAB DATO' PANGLIMA PERANG USTAZ DATO' MENTERI BESAR :

Terima kasih sebenar saya dah menjawab soalan tersebut bahawa sedang dalam proses pengisian Jawatan Penolong Pegawai Tanah di Pejabat Tanah dan Jajahan Gua Musang sedang dalam proses.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Silakan Melor..

YB TUAN WAN ROHIMI BIN WAN DAUD :

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, kalau boleh Yang Amat Berhormat.. soalan tambahan, sejauhmanakah status pelaksanaan pengurusan kaedah digital E- Tanah yang dilihat dapat lebih menyelesaikan permohonan-permohonan tanah?

YAB DATO' PANGLIMA PERANG USTAZ DATO' MENTERI BESAR :

Kaedah itu sedang digunakan dan kita akan update dari masa ke semasa.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Baik, kita teruskan dengan Yang Berhormat Dabong, silakan...

YB TUAN KU MOHD ZAKI BIN KU HUSSIN :

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Dato' Speaker, pohon jawapan soalan saya nombor 13.

Soalan 13 :

[Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, apakah usaha Kerajaan Negeri bagi melahirkan tenaga pengasuh kanak-kanak terlatih bagi merealisasikan Dasar Kanak-Kanak Fitrah Negeri Kelantan?]

YB PUAN ROHANI BINTI IBRAHIM :

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker,

بسم الله الرحمن الرحيم

Terima kasih juga kepada Yang Berhormat Dabong, yang saya rasa amat prihatin kepada Wanita dan juga keluarga untuk negeri Kelantan. Sebagaimana kita ketahui Kerajaan Negeri memang memandang serius dan juga komited dalam usaha melahirkan tenaga pengasuh kanak-kanak yang terlatih dan juga yang bertanggungjawab dalam menjaga kebajikan dan kesejahteraan kanak-kanak. Sehubungan dengan itu antara usaha Kerajaan Negeri adalah pertama, menggubal dasar kanak-kanak fitrah Kelantan. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada Mantan-Mantan EXCO Wanita yang lepas yang telah menggubal lebih kurang 7 dasar untuk negeri Kelantan dan salah satunya menggubal dasar kanak-kanak fitrah yang mana dasar ini telah diluluskan pada tahun 2008.

Kualiti masyarakat masa depan adalah bergantung kepada kualiti kanak-kanak kerana mereka yang akan mencorak pembangunan dan masa depan negara dan juga ummah. Tanggungjawab mencorakkan kanak-kanak adalah terletak bukan saja di atas bahu ibu bapa tetapi ia juga terletak di atas bahu masyarakat dan juga Kerajaan. Sehubungan dengan itu, satu dasar kanak-kanak telah digubal berteraskan syariat Islam yang memberikan penumpuan sepenuhnya kepada hak dan tanggungjawab yang dimiliki oleh kanak-kanak. Sabda Rasulullah S.A yang bermaksud *setiap anak adalah dilahirkan dalam keadaan fitrah maka ibubapanya yang menjadikan anak tersebut yahudi atau Nasrani atau majusi.*

Dasar ini ialah sebagai panduan, iaitu panduan utama kepada semua pihak yang terlibat dalam apa jua dalam perkara yang boleh melibatkan kanak-kanak termasuklah dalam perihal perkhidmatan pengasuhan. Dasar ini telah disebar luaskan di setiap Kawasan Parlimen, melalui media sosial, seminar, pamphlet, papan-papan iklan dan sebagainya.

Kedua, Skim Halimatul Saadiah iaitu kepada pengasuh dirumah, skim ini telah digubal dan ianya adalah bertujuan untuk melahirkan pengasuh yang terlatih dan berilmu dalam Pendidikan awal anak-anak secara formal. Skim ini terdiri daripada 4 komponen iaitu Kursus Halimatul Saadiah Siri 1, kursus Halimatul Saadiah Siri 2, Lawatan Penilaian ke rumah pengasuh dan juga penyampaian one off sebanyak RM500 kepada pengasuh yang terpilih. Penerima skim ini akan dinilai dan penilainya ialah daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat pakar perubatan dan penilai yang dilantik oleh pihak Kerajaan Negeri Kelantan. Melalui program ini pengasuh akan menerima ilmu iaitu berkaitan nutrisi makanan, kesihatan, untuk kanak-kanak keselamatan untuk kanak-kanak dan bantuan awal untuk kecemasan.

Ketiga, Kursus Asuhan Permata (KAP) kepada Pengasuh di Taska. Ada 2 program Kursus Asas Asuhan Permata yang telah kita laksanakan iaitu kursus asuhan permata dengan kerjasama Institut Sosial Malaysia. Pada tahun 2020, Kerajaan Negeri telah mengadakan Kursus Asuhan Permata dengan kerjasama kepada 100 orang pengasuh taska yang terpilih. Kursus asas ini adalah kursus yang diiktiraf oleh pihak JKM dan diwajibkan kepada semua pengusaha dan juga pengasuh di taska-taska. Kursus asuhan permata dengan tajaan penuh oleh Kerajaan Negeri kita ada juga menganjur kursus yang dianjurkan oleh pihak Kerajaan Negeri sendiri iaitu pada tahun ini tahun 2024 Kerajaan Negeri telah bekerjasama *excellent pelan consultancy dan juga management Sdn. Bhd* akan mengadakan kursus ini kepada 120 pengasuh daripada taska-taska terpilih di seluruh Kelantan dengan tajaan bernilai RM1,150 setiap seorang. Sasaran kita seramai 750 pengasuh yang akan mengikuti kursus ini dalam tempoh 5 tahun ianya bertujuan untuk memberi latihan kepada pelatih ini agar benar-benar menjadi pengasuh yang lengkap orang panggil dari sudut tatacara dan kaedah menjadi pengasuh yang terbaik.

Kita juga mewujudkan taska yang bernaung dibawah Kerajaan Negeri di setiap Jajahan. Ada 2 jenis taska yang dimaksud iaitu Taska Keluarga

Mawaddah ianya ditubuhkan pada 2015 di bawah seliaan Urusetia ataupun U-KEKWA. Taska Mawaddah ini mengguna pakai silibus khas pendidikan awal kanak-kanak yang selaras dengan Dasar Fitrah Kanak-Kanak Kelantan. Taska ini juga menjadi pilihan kepada ibubapa yang ingin menjadikan dan memastikan pendidikan awal kanak-kanak adalah seimbang dunia dan akhirat.

Taska swasta yang bernaung di bawah Kerajaan Negeri Kelantan pada tahun 2021 kita membina kerjasama dengan taska swasta terpilih di seluruh negeri Kelantan dengan kita memberikan suntikan modal dan juga bantuan peralatan terpilih dan taska ini juga mengguna pakai beberapa silibus tambahan yang kita wajibkan untuk kita selaraskan dengan Dasar Kanak-Kanak Fitrah. Mereka juga akan menjadi contoh kepada taska-taska yang lain dengan dinilai dan dipantau secara berkala oleh pihak U-KEKWA dan juga pihak JKM.

Akhir sekali semoga dengan usaha yang dibuat oleh Kerajaan ini ianya dapat membentuk ataupun membina generasi masa depan yang berkualiti mengikut kehendak Allah S.W.T sekian terima kasih.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Dipersilakan Dabong.

YB TUAN KU MOHD ZAKI BIN KU HUSSIN :

Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan. Apakah ciri-ciri yang diperlukan untuk pengasuh di rumah mengikut skim Halimatul Saadiah dan berapakah jumlah pengasuh yang mendapat skim ini?

YB PUAN ROHANI BINTI IBRAHIM :

Terima kasih Dabong di atas soalan tambahan. Skim Halimatul Saadiah adalah skim yang dikhususkan untuk pengasuh di rumah. Pengasuh yang ingin menyertai kursus ini mestilah rakyat Kelantan berusia 25 tahun ke atas, mengasuh sekurang-kurangnya 2 orang kanak-kanak bukan anak dan juga bukan cucu sendiri dan mempunyai pengalaman pengasuh sekurang-kurangnya selama satu tahun. Sehingga kini jumlah yang bersama dengan kita seramai 408 orang.

Sekian, terima kasih.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Silakan Pantai Irama...

YB TUAN HJ MOHD HUZAIMY BIN CHE HUSSIN :

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, pertamanya ucap tahniah dan syabas kepada pihak Kerajaan dalam usaha membangunkan keluarga bahagia, keluarga mawarddah dengan program-program yang diatur dan juga disusun. Soalan saya adakah Kerajaan bercadang atau pernah mengadakan sambutan khusus untuk meraikan kanak-kanak selari dengan Dasar Kanak-Kanak Fitrah Kelantan? Terima kasih.

YB PUAN ROHANI BINTI IBRAHIM :

Pihak Kerajaan sentiasa meraikan golongan kanak-kanak ini ia merupakan aset penting. Kerajaan Negeri telah menetapkan tarikh 12 Rabiul Awal setiap tahun sebagai tarikh sambutan Hari Kanak-Kanak peringkat Negeri Kelantan iaitu bersempena dengan tarikh kelahiran Nabi Muhammad S.A dan inisiatif ini di ambil dengan hasrat agar generasi kanak-kanak ini dilatih untuk lebih mengenali dan menjadikan Baginda S.A sebagai contoh tauladan dan khudul hasanah untuk mereka. Kerajaan Negeri telah mengadakan Sambutan Hari Kanak-Kanak Peringkat Negeri Kelantan pada 2015 dan sambutan hari kanak-kanak peringkat DUN pada tahun 2018 dan 2023.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Dipersilakan Kota Lama.

YB DR. HAFIDZAH BIN HJ MUSTAKIM :

Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Speaker dan tahniah kepada YB EXCO di atas inisiatif bagus untuk kanak-kanak kita. Soalan saya yang pertama adakah sebarang langkah-langkah yang diambil untuk mengawasi dan menilai prestasi pengasuh secara berkala untuk memastikan mereka mematuhi standard dan etika dalam menjaga kanak-kanak kita ni. Soalan keduanya adalah ini berhubung dengan kebajikan guru yang pengasuh dan guru-guru pra sekolah yang telah berkorban sekian lama untuk mengasuh dan mendidik anak kita. Saya ingin merujuk apa yang dikatakan satu memo tahun ini daripada ibupejabat Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia untuk arahan menjalankan

pemeriksaan berkanun ke atas Pusat Asuhan Tunas Islam PASTI, SRITI dan SMITI di seluruh Semenanjung dan Labuan. Ini kita dimaklumkan ia berkaitan dengan isu pekerja PASTI, SRITI dan SMITI dibayar gaji rendah dari kadar gaji yang ditetapkan di bawah perintah gaji minimum 2022 dan selain itu dibangkitkan juga berkaitan pekerja-pekerja yang tidak dicarum KWSP dan PERKESO. Saya mahu tahu pendirian Kerajaan Negeri dalam hal ini dan apakah tindakan yang diambil berkaitan hal ini, terima kasih di atas kesempatan yang diberikan.

YB PUAN ROHANI BINTI IBRAHIM :

Terima kasih atas soalan tambahan penilaian kepada pengasuh-pengasuh taska ni sebagaimana yang saya katakan tadi kita akan membuat penilaian kepada setiap taska yang berurusan dengan kita terlibat dengan kita dari masa ke semasa sebagaimana saya katakan tadi dengan JKM. Dan mengenai tadi tenaga pengajar PASTI ianya satu bukan terlibat dengan Kerajaan dan ianya adalah lebih kepada sukarelawan. Terima kasih.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Baik terima kasih Yang Berhormat EXCO pada semua Yang Berhormat yang telah bersama-sama pada sidang Dewan kali ini. Saya berhasrat untuk menangguhkan sidang Dewan pada pagi ini. Sebelum saya tangguhkan Sidang Dewan sukalah saya berpesan kepada ke semua Yang Berhormat supaya berhati-hati apabila membaca atau menggunakan buku ini. Janganlah sesekali...janganlah sesekali menyalahgunakan buku ini. Semua perkara yang terkandung dalam Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap saling kait mengait ianya tidak berdiri di atas kaki sendiri. Ada Yang Berhormat menyebut Perkara 27.5 dan ianya berkait dengan Perkara 24 tetapi jawapan sudah tertulis pada Perkara 26.3 dan 26.4. Pada masa yang sama apabila saya bertanya kepada Yang Berhormat merujuk kepada Perkara berapa? Bukan mukasurat berapa? Yang disebut adalah mukasurat 20 [*cadangan untuk menangguhkan Dewan*] sedangkan saya tidak berhasrat untuk menangguhkan Dewan pada masa tersebut. Sekali lagi saya berpesan dan memberi ingatan kepada ke semua Yang Berhormat supaya jangan menyalahgunakan buku merah ini [*sambil mengangkat standing order*].

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, Sidang Dewan kita akan disambung semula pada esok pagi. Marilah sama-sama kita tangguhkan Sidang Dewan dengan Tasbih Kafarah dan Suratul Asr'.

**PERSIDANGAN DEWAN DITANGGUHKAN PADA JAM 11.00 PAGI DAN
AKAN BERSIDANG SEMULA PADA ESOK HARI 06HB JUN 2024, JAM
09.00 PAGI.**

HARI KETIGA 06 JUN 2024

**PERSIDANGAN KALI YANG KEDUA
BAGI TEMPOH PENGGAL YANG KEDUA
DEWAN NEGERI KELANTAN KELIMABELAS**

=====

[28 ZULKAEDAH 1445H / 06HB JUN 2024]

AHLI-AHLI YANG HADIR

BIL	NAMA	KAWASAN
1.	YB DATO' SRI AMAR D'RAJA DATO' HJ MOHD AMAR B ABDULLAH <i>S.J.M.K.,D.J.M.K.,J.M.K. (Kelantan)</i>	PANCHOR / SPEAKER
2.	YAB DATO' PANGLIMA PERANG USTAZ DATO' HJ MOHD NASSURUDDIN B HJ DAUD <i>S.J.M.K.,D.J.M.K.,J.M.K. (Kelantan)</i> (Pengerusi Jawatankuasa Perancangan, Pentadbiran Awam, Kewangan, Ekonomi & Tanah)	MERANTI / MENTERI BESAR
3.	YB DATO' DR. HJ MOHAMED FADZLI B DATO' HJ HASSAN <i>D.J.M.K.,J.M.K. (Kelantan)</i> (Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wilayah, Sumber Asli, Integriti, Pembangunan Insan & Undang-undang)	TEMANGAN / TIMBALAN MENTERI BESAR
4.	YB MEJ. (B) DATO' HJ MD ANIZAM B AB RAHMAN <i>D.J.M.K.,J.M.K. (Kelantan)</i> (Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Perindustrian, Sumber Manusia, Perdagangan & Keusahawanan)	KEMAHANG
5.	YB DATO' DR. IZANI B HAJI HUSIN <i>D.J.M.K. (Kelantan)</i> (Pengerusi Jawatankuasa Kerjaraya, Infrastruktur, Air & Pembangunan Luar Bandar)	KIJANG
6.	YB TUAN HJ SARIPUDIN B TUAN ISMAIL <i>J.M.K. (Kelantan)</i> (Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Agromakanan & Komoditi)	SELISING

7.	YB HJ WAN ROSLAN B WAN HAMAT <i>J.M.K., A.S.K.</i> (Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Pengajian Tinggi, Teknologi Hijau, Digital & Inovasi)	PENGKALAN KUBOR
8.	YB TUAN MOHD ASRI B MAT DAUD (Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan & Hubungan Seranta)	DEMIT
9.	YB TUAN HILMI B ABDULLAH (Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan & Alam Sekitar)	GUCHIL
10.	YB PUAN HJH ROHANI BT IBRAHIM <i>J.M.K., S.M.K.</i> (Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan, Pembangunan Keluarga & Wanita)	TANJONG MAS
11.	YB TUAN ZAMAKHSHARI B MUHAMAD (Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, NGO & Perpaduan Masyarakat)	APAM PUTRA
12.	YB DATUK KAMARUDIN B MD NOR <i>D.M.S.M.,A.M.N.</i> (Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Kebudayaan, Kesenian & Warisan)	AYER LANAS
13.	YB DATO' MOHAMED FARID B MOHAMED ZAWAWI <i>D.I.M.P.</i>	KOK LANAS / TIMBALAN SPEAKER
14.	YB DATO' BENTARA KANAN USTAZ DATO' HJ AHMAD B YAKOB <i>S.J.M.K.,D.J.M.K.,S.M.K.,J.P.</i>	PASIR PEKAN
15.	YB DATO' SR HJ AZAMI B MOHD NOR <i>D.J.M.K.,J.M.K.</i>	KADOK
16.	YB DATO' HJ ABDUL FATTAH B MAHMOOD <i>D.J.M.K.,J.M.K.</i>	BUKIT PANAU
17.	YB TUAN HJ ABD. RAHMAN B YUNUS <i>J.M.K.</i>	PASIR TUMBOH
18.	YB TUAN HJ MOHD FAUZI B ABDULLAH <i>J.M.K</i>	MANEK URAI

19.	YB TUAN HJ MOHD HUZAIMY B CHE HUSSIN <i>J.M.K.,A.K.</i>	PANTAI IRAMA
20.	YB TUAN ROZI B MUHAMAD <i>J.M.K</i>	TENDONG
21.	YB TUAN AZHAR B SALLEH <i>A.S.K.</i>	PULAI CHONDONG
22.	YB TUAN HJ ZURAIDIN B ABDULLAH	CHETOK
23.	YB TUAN MOHD RUSLI B ABDULLAH	WAKAF BHARU
24.	YB KU MOHD ZAKI B KU HUSIN	DABONG
25.	YB TUAN MOHD RODZI B JAAFAR	GAAL
26.	YB TUAN HJ MOHD ADANAN B HASSAN <i>J.M.K.</i>	KELABORAN
27.	YB TUAN WAN ROHIMI B WAN DAUD <i>A.K.,J.S.M.</i>	MELOR
28.	YB TUAN KAMARUZAMAN B MOHAMAD <i>J.S.M.</i>	GUAL PERIOK
29.	YB TUAN NIK BAHRUM B NIK ABDULLAH <i>A.S.K.</i>	CHEMPAKA
30.	YB TUAN BAHARI B MOHAMAD NOR	GUAL IPOH
31.	YB PUAN NOR ASILAH BT MOHAMED ZIN	LIMBONGAN
32.	YB TUAN ZAMERI B MAT NAWANG	JELAWAT
33.	YB TUAN MOHAMAD NASRIFF B DAUD @ DAUD YATIMEE	PENGKALAN PASIR
34.	YB TUAN SHAARI BIN MAT YAMAN <i>A.K.</i>	BUNUT PAYONG
35.	YB DATO' SHAARI B MAT HUSSAIN <i>D.P.T.J.</i>	PALOH
36.	YB DATO' ABDUL HADI B AWANG KECHIL <i>D.P.S.K., P.S.K. (Kelantan), J.M.N., K.M.N.</i>	KUALA BALAH
37.	YB TUAN ZUBIR B ABU BAKAR	MENGKEBANG

38. YB TUAN HARUN B ISMAIL
39. YB TUAN AHMAD ZAKHRAN B MAT NOOR
40. YB TUAN MOHD ALMIDI B JAAFAR
41. YB TUAN NOR SHAM B SULAIMAN
42. YB TUAN MOHD AZIZI B ABU NAIM
43. YB PUAN DR. HAFIDZAH BT HJ. MUSTAKIM
44. YB TUAN HJ MOHD SYAHBUDDIN B HASHIM
J.M.K.

TIDAK HADIR DENGAN MAAF :

1. YB TUAN SAIZOL B ISMAIL

TAWANG
KEMUNING
BUKIT BUNGA
SEMERAK
NENGGIRI
KOTA LAMA
GALAS

SALOR

HARI KETIGA 06 JUN 2024

**AHLI MENURUT
PERKARA X111 (3)
UNDANG-UNDANG PERLEMBAGAAN TUBUH KERAJAAN
KELANTAN,
BAHAGIAN PERTAMA**

YB DATO' IDHAM BIN HAJI ABD GHANI
[PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI KELANTAN]
D.P.S.K. (Kelantan)

YBM TENGKU KAYA PERKASA
DATO' DR TENGKU MOHAMED FAZIHARUDEAN BIN TENGKU
FEISSAL
[PEGAWAI KEWANGAN NEGERI KELANTAN]
D.J.M.K. (Kelantan)

TIDAK HADIR :

YB DATO' HAJI NAZRAN BIN MUHAMMAD
[DATO' KAYA SETIA SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI KELANTAN]
S.P.S.K.,D.P.S.K.(KELANTAN),P.S.K.,B.S.K.,A.S.K.

**SETIAUSAHA DEWAN NEGERI
KELANTAN**

[MOHD ZAIKA YAMANI BIN IBRAHIM]
A.S.K.,B.S.K.

**PERSIDANGAN KALI KEDUA
BAGI TEMPOH PENGGAL KEDUA
DEWAN NEGERI KELANTAN
YANG KELIMABELAS TAHUN 2024
PADA 26, 27 DAN 28 ZULKAEDAH 1445H BERSAMAAN
04HB, 05HB DAN 06HB JUN 2024/
SELASA, RABU DAN KHAMIS**

=====

SETIAUSAHA :

بسم الله الرحمن الرحيم
السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Persidangan Kali Kedua Bagi Tempoh Penggal Kedua, Dewan Negeri Kelantan Kelimabelas, Hari Yang Ketiga.

الفاتحه

I. .. DOA.

SETIAUSAHA : Susunan Urusan Persidangan Yang Pertama, Bacaan Doa.

[Sambil Berdiri]

II. .. SOALAN-SOALAN YANG DIBERITAHU.

SETIAUSAHA :

Susunan Urusan Persidangan Yang Kedua, Soalan-Soalan Yang Diberitahu. Soalan-soalan Dikemukakan Untuk Mendapat Jawapan Mulut.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Dipersilakan Yang Berhormat Paloh.

YB DATO' SHAARI BIN MAT HUSSAIN :

Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Speaker. Saya ado nok pantun sikit lah pasal ore lain duk pantun.

Hari ini hari Khamis lusa hari Sabtu,
Mohon Timbalan Speaker jawab soalan saya nombor satu.

Terima kasih.

Soalan 1 :

[Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, apakah usaha dan perancangan Kerajaan Negeri dalam meneroka peluang dan sektor baru bagi meningkatkan pendapatan dan kutipan hasil baru bagi Negeri Kelantan.]

YAB DATO' PANGLIMA PERANG USTAZ DATO' MENTERI BESAR :

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Terima kasih Dato' Speaker dan terima kasih kepada Yang Berhormat ADUN Paloh yang mengemukakan soalan. Sebenarnya soalan ini telah pun saya soalan sama dengan soalan ini saya telah jawab pada hari yang pertama iaitu soalan nombor 11 daripada Yang Berhormat ADUN Pasir Tumboh. Oleh kerana itu, saya tidak berhasrat untuk mengulangi jawapan yang sama. Sekian terima kasih.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Silakan Limbongan.

YB PUAN NOR ASILAH BINTI MOHAMED ZIN :

Okay terima kasih kepada Timbalan Yang Dipertua dan soalan tambahan lah. Jawapan sudah dijawab dan saya ada soalan tambahan, adakah Kerajaan berhasrat untuk meneroka hasil baru menerusi sektor akuakultur, sekiranya ya apakah insentif yang boleh Kerajaan Negeri tawarkan bagi mengembangkan sektor ini.

YAB DATO' PANGLIMA PERANG USTAZ DATO' MENTERI BESAR :

Sebenarnya tak perlu ada soalan tambahan tetapi In Shaa Allah Kerajaan akan buat kajian tentang perkara tersebut.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Baik kita teruskan dengan Yang Berhormat Semarak.

YB TUAN NORSHAM BIN SULAIMAN :

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

(AUDIO TIDAK BERFUNGSI)

Peraturan Dewan...

Soalan 2 mohon jawapan.

Soalan 2 :

[Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, apakah status terkini Enakmen Kawalan Hiburan yang mana telah lama tidak dipinda?]

YB DATO' DR. MOHAMED FADZLI BIN DATO' HAJI HASSAN :

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Dato' Speaker, kajian terhadap Enakmen Kawalan Hiburan dan Tempat-Tempat Hiburan 1998 yang mana selepas ini akan hanya dirujuk sebagai Enakmen Hiburan 1998 untuk memudahkan sebenarnya telah pun dilaksanakan oleh satu jawatankuasa yang dibentuk oleh Kerajaan yang kita namakan sebagai Jawatankuasa Mengkaji Pelaksanaan Enakmen Kawalan Hiburan dan Tempat Hiburan Negeri Kelantan yang mana saya mempengerusikan jawatankuasa induk tersebut.

Berdasarkan kajian Jawatankuasa Mengkaji Pelaksanaan Enakmen Kawalan Hiburan Dan Tempat Hiburan Negeri Kelantan telah mencadangkan untuk memansuhkan enakmen sedia ada iaitu Enakmen

Hiburan Tahun 1998 yang disebutkan tadi dengan menggubal Rang Undang-Undang Kawalan Hiburan Dan Tempat Hiburan yang baru. Draf Rang Undang-Undang Kawalan Hiburan Dan Tempat Hiburan telah diangkat untuk pertimbangan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang bersidang kali yang ke-9 2024 pada 8hb Mei 2024 dan telah pun disahkan pada 15hb Mei 2024 yang mana telah membuat keputusan bersetuju meluluskan cadangan Rang Undang-Undang Kawalan Hiburan Dan Tempat Hiburan 2024.

Rang Undang-Undang ini dijangka dibentangkan dalam Sidang DUN yang akan datang. Pada masa yang sama, Jawatankuasa Mengkaji Pelaksanaan Enakmen Kawalan Hiburan dan Tempat Hiburan Negeri Kelantan juga sedang mengkaji dan menggubal peraturan-peraturan dibawah rang undang-undang baru tersebut. Terima kasih.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Silakan Semerak.

YB TUAN NORSHAM BIN SULAIMAN :

Terima kasih dan tahniah kepada Yang Berhormat atas jawapan yang diberikan. Cuma apakah pendekatan Kerajaan Negeri terhadap artis-artis yang memberi imej yang kurang baik dan berlawanan dengan dasar PMBI yang kita amalkan.

YB DATO' DR. MOHAMED FADZLI BIN DATO' HAJI HASSAN :

Terima kasih Semerak atas soalan yang dibangkitkan dalam sesi soalan tambahan itu. Itu lah yang sebenarnya yang menjadi keprihatinan Kerajaan Negeri apabila setelah 2 dekad pelaksanaan enakmen tersebut didapati ada pelanggaran oleh pihak-pihak yang kita rasakan mungkin tidak sedar ataupun tidak bertanggungjawab. Maka sebab itu lah Kerajaan mengambil langkah untuk melihat dan meneliti bagaimanakah caranya Kerajaan dapat mengawal dan juga memastikan perkara-perkara sebenarnya bukan sahaja memberikan imej yang tidak baik kepada negeri dan rakyat Negeri Kelantan yang melanggar tatasusila, bukan sahaja adat tetapi peraturan agama. In Shaa Allah kita akan melihat perkara ini dan kita akan mengambil kira dalam kajian tersebut. Terima kasih.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Silakan Yang Berhormat Jelawat.

YB TUAN ZAMERI BIN MAT NAWANG :

Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri Besar. Soalan saya apakah pembaharuan ataupun penambahbaikan yang dicadangkan dalam Enakmen Kawalan Hiburan yang bakal dipinda ini dan adakah turut sama selain daripada artis turut sama melibatkan kesalahan yang dilakukan oleh penonton, contohnya penonton yang berjoget, bergelek dan sebagainya. Terima kasih.

YB DATO' DR. MOHAMED FADZLI BIN DATO' HAJI HASSAN :

Peraturan dan undang-undang Yang Berhormat Dato' Speaker adalah salah satu daripada bentuk kawalan tetapi yang lebih pentingnya adalah kesedaran daripada kalangan rakyat dan juga pendidikan. Di antara penambahbaikan yang telah pun dipertimbangkan adalah pewujudan kesalahan-kesalahan baru antaranya adalah larangan terhadap aktiviti hiburan yang mengandungi, mempromosi, mempunyai atau diselitkan dengan unsur-unsur yang bercanggah dengan akhlak termasuklah juga tindakan-tindakan sebahagian daripada penonton yang hadir sebagaimana yang dibangkitkan tadi.

Begitu juga dengan pelanggaran tatasusila dan juga moral, menyokong atau menormalisasikan LGBTQ, memecahbelahkan keharmonian dan juga perpaduan kaum, menghina agama bukan sahaja menghina agama Islam ataupun begitu juga termasuk jugalah menghina agama-agama yang lain yang dikira boleh memecahbelahkan keharmonian dan juga perpaduan kaum dan agama dalam negeri dan juga mengelakkan daripada percampuran dan pergaulan bebas antara lelaki dan wanita tanpa batasan dan kawalan.

Kita juga mempertimbangkan untuk menaikkan kadar denda kesalahan-kesalahan di dalam rang undang-undang ini terhadap individu, perbadanan ataupun mana-mana pihak. Antara cadangan kita adalah daripada RM 20 000 yang ada kepada RM 50 000 denda supaya mematuhi undang-undang yang berkuatkuasa pada masa yang sama mengajar tatatertib, tatalaku individu ataupun perbadanan dalam soal hiburan ini.

Kita juga ada mewujudkan permohonan lesen, penjualan tiket dan serahan notis secara elektronik. Ini mengikut kaedah yang baru dan *up to date* lah dengan mengambil kira medium alam maya secara elektronik. Antaranya lagi adalah memantapkan prosedur penguatkuasaan dengan menambahbaik kuasa-kuasa penguatkuasaan berkaitan kuasa untuk masuk, kuasa untuk menyiasat dan menyita peralatan hiburan termasuk barangan elektronik.

Kita juga mewujudkan peruntukan berkenaan tanggungan kos bagi memindahkan **(AUDIO TIDAK BERFUNGSI)** yang menjadi hutang kepada pihak berkuasa negeri. Dan yang penting adalah undang-undang ini akan mengambil kira dasar semasa Kerajaan Negeri dan ianya In Shaa Allah akan dibentangkan dalam sidang DUN yang akan datang.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Kita teruskan dengan Yang Berhormat Chetok.

YB TUAN ZUR Aidin Bin Abdullah :

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Dato' Speaker, mohon jawapan saya soalan nombor 3.

Soalan 3 :

[Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, status semasa projek pembinaan Empangan Nenggiri dan bilakah jangkaannya projek ini akan siap?]

YB DATO' DR. IZANI Bin Husin :

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih kepada Chetok. Empangan Nenggiri telah ataupun sedang dalam pembinaan oleh sebuah syarikat anak syarikat TNB dan projek ini telah dimulakan sejak Mac 2022, sehingga kini projek ini sudah mencapai kemajuan hampir 40%. Dan proses berikutnya proses penakungan yang akan mewujudkan tasik

seluas lebih kurang 5000 hektar akan bermula pada suku keempat tahun 2026, dan projek ini In Shaa Allah dijangka siap sepenuhnya pada pertengahan tahun 2027. Terima kasih.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Silakan Yang Berhormat Chetok.

YB TUAN ZURAIDIN BIN ABDULLAH :

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih kepada jawapan daripada pihak kerajaan. Soalan tambahan saya adalah apakah kesan ataupun impak terhadap alam sekitar dan juga geografi muka bumi setelah projek hidro Nenggiri ini selesai kelak ?

YB DATO' DR. IZANI BIN HUSIN :

Terima kasih kepada soalan tambahan daripada Chetok. Saya sebenarnya mengambil kesempatan ini untuk ucap tahniah kepada pembinaan Empangan Nenggiri ini kerana memberi impak yang sangat besar kepada negeri Kelantan. Banyak perkara positif kesan daripada pembinaan Empangan Hidroelektrik, pertamanya dari sudut keutamaan ataupun peranan utama hidroelektrik Nenggiri ini sudah tentunya membekalkan kuasa tenaga yang konsisten yang besar yang orang kata yang mencukupi pada masa depan In Shaa Allah.

Yang keduanya, kesan daripada ada 14 buah gua yang kita tenggelamkan dan mempunyai aset yang sangat baik dan kerja-kerja ekskavasi gua itu telah pun berlaku. Dan In Shaa Allah TNB Genco akan membuat satu galeri mini hasil daripada ekskavasi itu dan akan dibuat di Gua Musang. Dan ini juga boleh menjadi satu tarikan pelancongan dan sebagainya kepada Gua Musang itu sendiri.

Yang kedua, kita tengok kepada tasik. 5000 hektar tasik besar. Loni kito ado di Banding, kito ado di Kenyir kalu kito tengok. Dan bila tasik besar banyak aktiviti-aktiviti rekreasi sungai boleh dilaksanakan memancing, camping, houseboat dan sebagainya. Dan ia menjadi pusat pelancongan yang sudah tentunya apabila benda ini berlaku maka perkembangan ataupun ledakan ekonomi akan berlaku sebesar mana itu kita tidak tahu tetapi akan berlaku di tempat sana yang menjadi tempat pelancongan yang utama barangkali suatu masa nanti di Kelantan ini.

Yang keseterusnya ialah orang asli. Orang asli juga diambil kira melalui JAKOA dan juga TNB. Kerajaan Negeri sentiasa membuat libat urus dengan orang asli ini dan mereka ini akan dirancang ditempatkan di suatu tempat yang bersepadu dengan nasihat-nasihat dan sebagainya.

Ekonomi dari sudut penginapan dan sebagainya juga akan berlaku. Yang kedua, TNB juga akan merancang untuk membuat projek solar terapung hidroelektrik. Jadi banyak benda-benda perkembangan selain daripada yang utama tadi. Selain daripada menghasilkan elektrik ataupun hidroelektrik juga membantu kita dalam sekiranya berlaku banjir-banjir besar yang ini jadi *flood mitigation* dan juga punca air bersih, punca air pertanian dan sebagainya. Itu lah perkara-perkara positif yang berlaku hasil daripada pembinaan Empangan Nenggiri. Terima kasih.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Silakan Galas.

YB TUAN HAJI MOHD SYAHBUDDIN BIN HASHIM :

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Kita dimaklumkan bahawasanya projek ini turut menyediakan pampasan kepada pihak Kerajaan Negeri. Soalan tambahan saya ialah apakah bentuk pampasan yang diberikan kepada Kerajaan Negeri yang boleh dimanfaatkan bukan sahaja oleh Negeri Kelantan tetapi terutamanya kepada penduduk-penduduk sekitar. Terima kasih.

YB DATO' DR. IZANI BIN HUSIN :

Terima kasih Galas. Mengenai angka saya dokleh nok sebut loni lah tetapi pampasan dalam bentuk kewangan kepada Kerajaan Negeri ada. Dan juga pampasan kepada orang asli dan penempatan semula orang asli juga dalam perancangan. Terima kasih.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Kita teruskan dengan Yang Berhormat Manek Urai.

YB TUAN HAJI MOHD FAUZI BIN ABDULLAH :

بسم الله الرحمن الرحيم
السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Dato' Speaker, pohon jawapan soalan saya nombor 4.

Soalan 4 :

[Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, perkembangan proses menaiktaraf jalan menghubungkan Kampung Manek Urai Lama ke jalan utama FT008, Kuala Krai Kelantan?]

YB DATO' DR. IZANI BIN HUSIN :

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih kepada Manek Urai. Soalannya pendek, spesifik. Itu lah bersabit dengan pembinaan jalan raya menghubungkan Kampung Manek Urai Lama ke jalan utama FT008 Kuala Krai Kelantan. Projek sedang berjalan dan kemajuan projek ialah 65.29% berbanding dengan jadual, jadual 62% maknanya projek ini maju sikit daripada jadual. Dan projek ini In Shaa Allah akan dijangka siap pada Julai 2025. Terima kasih.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Kita teruskan dengan Yang Berhormat Kuala Balah.

YB DATO' ABDUL HADI BIN AWANG KECHIL :

Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Speaker. Soalan saya nombor 5. Terima kasih.

Soalan 5 :

[Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, apakah kerajaan berhasrat untuk menaiktaraf Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan (JAHEAIK) mengikut keperluan semasa negeri dan apakah cadangan terbaharu melibatkan pengasingan bahagian penguatkuasaan dengan JAHEAIK?]

YB TUAN MOHD ASRI BIN MAT DAUD :

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Dato' Speaker, izinkan saya sebelum daripada menjawab soalan daripada Kuala Balah tadi untuk saya membetulkan beberapa fakta yang saya ada jawab pada Persidangan DUN semalam iaitu berkaitan dengan jumlah guru Al-Quran. Semalam saya menyebut satu DUN 50 orang, guru Al-Quran setiap DUN ialah seramai 60 orang. Jadi 45 DUN didarab dengan 60 bersamaan dengan 2700 guru Al-Quran yang kita ada. Dan mereka dibayar elaun sebanyak RM 200, jadi menjadikan jumlah pada setiap bulan Kerajaan Negeri memperuntukkan sebanyak RM 540 000 sebulan. Makna jumlah yang besar sebenarnya untuk guru Al-Quran ini. Dan begitu juga dengan guru Fardu Ain, satu DUN seramai 5 orang elaunnya RM 200 jadi Kerajaan memperuntukkan sebanyak RM 45 000 sebulan.

Menjawab kepada persoalan Kuala Balah tadi berkaitan dengan penaiktarafan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam dan juga bahagian-bahagian yang tertentu. Kerajaan Negeri pada dasarnya telahpun menaiktarafkan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (JAHEAIK) mengikut situasi semasa. Kalau kita ingat pada tahun 2015 sebelum ini bahagian pendakwaan syariah telah pun dinaiktaraf menjadi Jabatan Pendakwaan Syariah. Jadi asas-asas pertimbangan pemerksaan JAHEAIK ini adalah berdasarkan kepada yang pertamanya ialah perubahan persekitaran itu yang didorong oleh faktor-faktor luaran dan dalaman termasuklah pelbagai isu agama yang memberi impak secara langsung kepada tanggapan dan persepsi masyarakat umum terhadap keberkesanan pelaksanaan fungsi dan tanggungjawab yang dimainkan oleh JAHEAIK.

Yang keduanya ialah untuk meningkatkan tahap keberkesanan penyampaian perkhidmatan hal ehwal islam di peringkat jajahan dan yang ketiganya ialah pemerksaan keupayaan dan kapasiti organisasi untuk meningkatkan mutu penyampaian perkhidmatan berkesan berdasarkan bebanan tugas yang ada pada masa kini. Selain itu, pemerksaan di JAHEAIK ini dapat dilihat melalui 3 kategori lah, yang pertamanya ialah pemerksaan bahagian kepada jabatan. Ini melibatkan antaranya bahagian pengurusan halal itu sendiri kerana untuk menyahut seruan ataupun hasrat pentadbiran Negeri Kelantan untuk menjadikan

industri halal sebagai sektor utama Negeri Kelantan dalam menembusi pasaran domestik dan juga antarabangsa.

Dan yang keduanya ialah pemerkasaan Bahagian Penguatkuasaan Undang-Undang Syariah kepada Jabatan Penguatkuasaan Undang-Undang Syariah Negeri Kelantan ini bagi memenuhi hasrat Kerajaan yang akan melaksanakan sistem perundangan Islam dan merealisasikan dasar Kerajaan di samping memantapkan lagi gerak kerja pemerkasaan undang-undang syariah melalui struktur pentadbiran yang sistematik.

Dan ketiganya ialah pemerkasaan unit kepada bahagian iaitu melibatkan penstrukturan semula secara dalaman di unit kewangan, teknologi maklumat, pengurusan majlis, penerbitan dan pembangunan keluarga. Dan yang terkini Kerajaan Negeri sedang dalam pelaksanaan pemerkasaan dan pengasingan Bahagian Penguatkuasaan Undang-Undang Syariah JAHEAIK ini. Ini adalah satu kewajaran sebenarnya untuk memperkasakan bahagian ini setelah 25 tahun perkhidmatan dan nisbah anggota penguatkuasa sedia ada dengan jumlah penduduk Kelantan yang berjumlah 1.9 juta ini adalah seramai 74 orang sahaja. Dan jumlah penguatkuasa saya minta izin Yang Berhormat Dato' Speaker untuk menjawab bersama soalan 10 daripada Limbongan yang bertanyakan tentang jumlah penguatkuasa yang ada di negeri dan juga di ibu pejabat negeri dan juga di jajahan. Dimana jumlah yang ada di ibu pejabat negeri adalah seramai 28 orang, ini termasuk 2 orang pemadu dan di Kota Bharu 3 orang, di Pasir Mas 4 orang, di Tumpat 6 orang, di Bachok 5 orang, di Pasir Puteh 5 orang, di Machang 4 orang, Tanah Merah 4 orang, Jeli 5, Kuala Krai 6 dan Gua Musang 4 dan di Lojing masih belum ada. Itu lah setakat jawapan ini untuk kedua-dua persoalan. Terima kasih.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Silakan Kuala Balah.

YB DATO' ABDUL HADI BIN AWANG KECHIL :

Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Speaker. Terima kasih juga kepada Exco yang menjawab. Soalan saya ialah mengenai pengasingan antara JAHEAIK dan penguatkuasaan, apakah kelebihan dari segi *delivery of service* dengan izin. Terima kasih.

YB TUAN MOHD ASRI BIN MAT DAUD :

Terima kasih Kuala Balah. Yang Berhormat Dato' Speaker, sudah tentu lah apabila pengasingan itu dibuat dia mempunyai impak yang tersendiri dan satu kesan yang baik yang bakal diperolehi yang melibatkan pengasingan tersebut. Yang pertamanya yang dapat saya nyatakan di sini ialah dari sudut kita dapat tingkatkan kualiti anggota yang pastinya akan membawa kepada peningkatan kes-kes yang dikuatkuasakan. Seterusnya akan menyumbang kepada juga penjana hasil kepada Kerajaan Negeri melalui kutipan denda.

Yang keduanya, dapat kita kuatkuasakan ataupun dapat kuatkuasakan kompaun-kompaun bagi kes-kes tertentu yang membolehkan bahagian kutipan hasil sendiri selain daripada kutipan melalui denda di mahkamah syariah.

Yang ketiganya meningkatkan mutu kerja anggota Penguatkuasa Negeri Kelantan sama ada dari sudut pemantauan dan juga tangkapan. Ini disebabkan dari pertambahan anggota pasukan penguatkuasa di seluruh jajahan yang ada.

Dan yang ke seterusnya yang keempat ialah dapat mengawal gejala sosial dan yang dapat dipertingkatkan. Dan sebenarnya kita dapat realisasikan hasrat Kerajaan yang mahu menjadikan Kelantan sebagai negeri In Shaa Allah yang pertama dapat melaksanakan pelaksanaan undang-undang syariah secara terbaik dan konsisten bagi mengekang indeks jenayah syariah setelah daripada kita dapat *upgrade*kan penguatkuasaan tadi.

Dan yang kelimanya ialah dapat dilakukan satu penguatkuasaan yang lebih efisien, telus, mengikut lunas undang-undang, dapat memartabatkan sistem kehakiman di sebuah negeri dan negara. Dan yang besarnya ialah kita memberi pengiktirafan sebagai pasukan penguatkuasa yang berautoriti di dalam perkhidmatan awam setanding dengan lain-lain pasukan penguatkuasa. Terima kasih.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Silakan Pulai Chondong.

YB TUAN AZHAR BIN SALLEH :

بسم الله الرحمن الرحيم

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam jawapan yang telah diberikan oleh Exco tadi disebut berkaitan dengan industri halal. Soalan tambahan saya, adakah pihak Kerajaan bercadang ataupun berniat untuk mewujudkan pusat latihan industri halal di negeri Kelantan. Sekian terima kasih.

YB TUAN MOHD ASRI BIN MAT DAUD :

Yang Berhormat Dato' Speaker, pusat latihan industri halal ini sudah tentunya berada di peringkat kajian. Dan di peringkat kolej universiti KIAS sendiri telahpun baru mendapat sijil pengiktirafan. Jadi sudah tentu lah selepas daripada ini akan dilaksanakan secara lebih tindakan secara lebih lanjut untuk pusat latihan tersebut. Sekian.

YB TUAN BAHARI BIN MOHAMAD NOR :

Satu lagi soalan..

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Silakan Gual Ipoh dulu lah.

YB TUAN BAHARI BIN MOHAMAD NOR :

بسم الله الرحمن الرحيم

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Berkaitan dengan penguatkuasaan jenayah syariah ini kita difahamkan dilantik juga adalah imam termasuk bilal berserta dengan penghulu untuk menjalankan kerja-kerja mencegah maksiat dari segi tidak menutup aurat, tak hadir sembahyang jumaat, khalwat dan sebagainya. Cuma apakah kadar imbuhan ataupun elaun kepada mereka sebab saya difahamkan kos ataupun kadar elaun yang diberi kepada mereka adalah terlalu kecil. Jadi mohon buat kajian untuk sebab berambak pun tok pade,

imam bagitahu saya lah lebih kure. Cuba kita kaji semula kadar elaun penguatkuasaan untuk mereka-mereka yang dilantik ini.

YB TUAN MOHD ASRI BIN MAT DAUD :

Terima kasih. Pandangan tersebut akan diambil perhatian dan dibincangkan.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Silakan Limbongan.

YB PUAN NOR ASILAH BINTI MOHAMED ZIN :

Okay terima kasih kepada Yang Dipertua dan terima kasih kepada YB yang menjawab soalan saya tadi yang digabungkan. Jadi berkaitan dengan penguatkuasa, kalau kita lihat sekarang ini bilangan penguatkuasa itu sedikit berbanding dengan masalah-masalah yang berlaku dan saya ingin fokuskan kepada penguatkuasa wanita di setiap jajahan. Kalau saya perhatikan kurang ataupun mungkin tidak ada penguatkuasa wanita, adakah Kerajaan berhasrat untuk menambah penguatkuasa wanita dan sekiranya ditambah apakah pelaksanaan yang mereka laksanakan kerana kalau kita lihat banyak perkara-perkara yang membuat tangkapan dari sudut masalah wanita itu sendiri. Sekian terima kasih.

YB TUAN MOHD ASRI BIN MAT DAUD :

Yang Berhormat Dato' Speaker, jumlah penguatkuasa wanita yang ada sekarang ini ialah seramai 12 orang dan memang lah masih belum mencukupi. Masih ada jajahan yang masih lagi tidak ada penguatkuasa wanita. Dan anggota penguatkuasa wanita ini memang penting untuk menjalankan suatu proses tangkapan yang melibatkan orang yang disyaki wanita itu sendiri. Dan sebagai maklumannya semasa tangkapan yang dibuat orang yang disyaki wanita, maka perlunya ada beberapa perkara yang memerlukan penguatkuasa wanita, tidak boleh lelaki.

Itu lah yang pertamanya, perlu diperiksa, disoal orang yang disyaki perempuan tersebut kemudian diperiksa badan orang yang disyaki tersebut dan untuk siasat barangan-barangan yang dibawa. Kemudiannya perlu diambil rakaman terhadap percakapan orang yang disyaki tersebut, kemudian mengawal mereka sebelum daripada dijamin dan memastikan

keselamatan orang yang disyaki wanita ini terjamin selamat semasa tempoh tahanan. Dan yang keseterusnya memastikan orang yang disyaki tadi memakai pakaian yang sopan sebelum dibawa ke pejabat dan perlu diiringi pulang daripada lokasi tangkapan tersebut. Yang ini lah yang memerlukan penguatkuasa wanita tersebut kenapa ada setakat ini kita akuilah ada seorang penguatkuasa wanita di jajahan-jajahan yang memerlukan cadangan yang terbaiknya sudah tentulah kita tengok boleh jadi ada sehingga ke tiga orang kerana ada yang bercuti, seorang yang uzur, boleh apa nama kita gantikan dengan yang lain yang tidak merencatkan aktiviti penguatkuasaan itu berlaku.

Jadi terima kasih kepada Limbongan yang prihatin. Memang dalam penguatkuasaan ini kita mengambil berat isu-isu yang melibatkan orang yang disyaki dan hal-hal siasatan yang melibatkan penguatkuasaan di sebelah penguatkuasa wanita yang ada dalam negeri ini. Itu sahaja.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Teruskan dengan Yang Berhormat Melor.

YB TUAN WAN ROHIMI BIN WAN DAUD :

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker. Saya pohon jawapan kepada soalan saya nombor 6.

Soalan 6 :

[Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, apakah kerajaan mempunyai pelan bersepadu bersama agensi-agensi persekutuan seperti KADA dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) bagi menangani sistem saliran dan perbekalan air ke sawah-sawah padi pada musim kemarau dalam Kawasan DUN Melor.]

YB TUAN HAJI MOHD SARIPUDIN BIN TUAN ISMAIL :

بسم الله الرحمن الرحيم

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih kepada Yang Berhormat Melor. Bagi Kawasan Dun Melor, tindakan bersepadu telah diambil oleh pihak KADA dan JPS bagi menangani sistem saliran dan perbekalan air ke

sawah-sawah padi. Dalam kawasan sawah padi di DUN Melor yang boleh dikatakan keseluruhannya kawasan jelapang padi dibawah KADA. Walau bagaimanapun, untuk tindakan segera JPS Negeri Kelantan juga telah bekerjasama dengan KADA dari segi perbekalan air ke sawah padi dengan menyediakan pam-pam bergerak.

JPS dan KADA juga bekerjasama dalam perancangan jangka panjang dalam cadangan membina empangan jajar bagi memastikan pam Kemubu sentiasa berfungsi walaupun pada musim kemarau. Projek ini adalah dalam peringkat kajian kemungkinan oleh perunding.

Antara tindakan di bawah KADA untuk mengatasi isu kemarau bagi memastikan hasil padi tidak rosak adalah seperti berikut:

- Pembinaan telaga tiub berkapasiti tinggi yang bersaiz 10 – 12 inci diameter.
- Pembinaan telaga tiub yang bersaiz 3 – 4 inci.
- Meletakkan pam mudah alih di setiap offtake tali air kedua & tali air ketiga yang berada di sepanjang tali air Peringat dlm kawasan PKJ atau Pejabat KADA Jajahan Kota Bharu Selatan daripada sumber Empangan Ketereh.
- Pembinaan '*DRAINAGE CONTROL*' di lokasi saluran yang bersesuaian seperti Sungai Lebai Jalan, dan penyelenggaraan kolam takungan di Badang Bechah Gerda dalam anggaran 1 ekar dan kolam di Badang Lubuk Jakar dalam anggaran 4 ekar milik persendirian yang telah dibuat perbincangan.

Sekian terima kasih.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Silakan Yang Berhormat Melor.

YB TUAN WAN ROHIMI BIN WAN DAUD :

Terima kasih Yang Berhormat Exco. Soalan tambahan saya berkaitan dengan, sekarang kita tahu bahawa kita semakin menghadapi perubahan cuaca yang sangat ekstrem. Kalau banjir, banjir yang besar. Kalau

kemarau, kemarau yang lama dan sangat kering. Dan saya tengok bukan sahaja di Melor bahkan di semua tempat sistem perparitan kita, sistem saliran yang ada sekarang itu lah tali air apa semua daripada 56 tahun 60 tahun dulu.

Apa yang saya tengok sungai utama yang menyediakan air ke tali-tali air lebih rendah daripada tali air, petak-petak sawah lebih tinggi daripada tali air jadi kita memerlukan isipadu air yang sangat tinggi untuk membolehkan air sampai ke petak-petak sawah padi. Jadi bila lama kering tali air ini nak penuh tu pun dah ratusan juta liter sebelum dapat kita alirkan kepada sawah padi. Saya nak tahulah kalau adakah di sana terdapat perancangan untuk major reform tentang sistem saliran ini menggunakan kaedah lain sebab kalau saya tengok kalau kita berjalan di area Sekinchan, Kuala Selangor kita tengok mereka gunakan sistem palong, yang saya percaya palong ini mengurangkan pembaziran air. Dan kalau di negara-negara maju mereka menanam paip, jadi banyak air yang tidak terbazir dalam keadaan untuk kegunaan populasi pun kita kekurangan air. Jadi mungkin saya ingin tahu sama ada kerajaan bercadang bekerjasama dengan agensi persekutuan untuk melakukan merancang reform terhadap sistem perparitan kita. Terima kasih.

YB TUAN HAJI MOHD SARIPUDIN BIN TUAN ISMAIL :

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih soalan tambahan daripada Melor. Memang Kerajaan Negeri telah membuat persiapan dan sentiasa membuat perbincangan dengan jabatan dimana di awal tahun 2024 kita telah membuat bengkel isu padi dan beras negeri Kelantan yang kita jemput jabatan dan wakil-wakil PPK dan juga petani yang terlibat termasuk Pejabat Kawal Selia Padi Beras. Yang mana kita dah ada resolusi, lebih kurang 10 resolusi kita telah angkat kepada kerajaan dan telah dimasukkan kepada permohonan kepada Kementerian lah tentang beberapa cadangan Yang Berhormat Melor tadi. Semuanya telah dimasukkan di dalam permohonan kita kepada Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan yang In Shaa Allah dari fasa ke fasa seterusnya akan berlaku penaiktarafan saliran dan pengairan mengikut kewangan dan juga kajian yang telah dibuat oleh KADA, JPS, IADA Kemasin Semerak, Jabatan Pertanian dan lain-lain jabatan yang berkaitan. Terima kasih diatas cadangan tadi yang telah pihak kami mengenalpasti kaedah-kaedah yang sesuai di negeri Kelantan.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Silakan Kota Lama.

YB PUAN DR. HAFIDZAH BINTI HAJI MUSTAKIM :

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Speaker. Terima kasih kepada Exco yang menyebutkan bahawa masalah bekalan air kepada pesawah padi tidak hanya berkait rapat dengan fenomena elnino atau kemarau di negeri Kelantan. Namun ada lagi faktor-faktor yang lain yang kita tidak dapat tolak dia.

Saya merujuk kepada satu laporan audit, ketua audit negara untuk negeri Kelantan tahun 2018 yang mana telah mengaudit projek pembangunan dan pengindahan tebing Sungai Kelantan. Dan hasil dapatan audit negara itu telah mengatakan bahawa aras dasar Sungai Kelantan menjadi tidak sekata dan berlaku penurunan ketara daripada 5.66 meter pada 2011 kepada 8.04 meter di kawasan projek Lembah Sireh.

Dan JPS telah mengeluarkan arahan perberhentian pengambilan pasir bermula 1 kilometer sebelum dan selepas Jambatan Sungai Yahya Petra kerana dibimbangi menjejaskan struktur jambatan. Saya nak bangkitkan adalah di muka sauk pam Kemubu ia juga tidak dapat mengambil air dari Sungai Kelantan kerana aras sungai semakin rendah disebabkan aktiviti pengorekan pasir berleluasa berlaku di sepanjang Sungai Kelantan terutama berhampiran rumah pam Kemubu. Jadi soalan saya apakah tindakan Kerajaan Negeri adakah ada cadangan untuk menilai semula begitu banyak aktiviti pengorekan pasir ini antaranya adalah untuk membantu menyelesaikan masalah pesawah yang banyak dibangkitkan oleh ADUN-ADUN kita. Terima kasih.

YB TUAN HAJI MOHD SARIPUDIN BIN TUAN ISMAIL :

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih kepada soalan tambahan daripada Kota Lama. Memang ini merupakan tanggungjawab besar KADA yang menguruskan padi dan tidak kita nafikan dengan kerjasama JPS dan juga yang paling penting ialah sumber air daripada yang Allah Taala turunkan dan jadikan ada sungai-sungai. Yang ini merupakan berlaku secara global perubahan iklim dan sebagainya dan kesan daripada

berlaku pembangunan. Jadi yang kita tengok ialah Empangan Kemubu 1 dan 2 ini agak lama yang masih muka sauknya tergantung kerana pam itu dengan cara yang lama. Yang In Shaa Allah sedang dalam pembinaan Empangan Kemubu 3 yang sekarang ini tahap airnya sekitar 2.9 hingga 3 meter lah. Jadi sekiranya siap Empangan Kemubu 3 yang dijangkakan tahun hadapan In Shaa Allah 2 meter daripada paras bawah dapat disedut air.

Ini lah yang dibincang di peringkat agensi-agensi terlibat dengan KADA dan diangkat permohonan kepada Perdana Menteri Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini yang diluluskan ialah kita tidak boleh menyalahkan sungai sebab kita ada kaedah-kaedah terkini teknologi baru yang kita boleh menyedut air melalui teknologi *floating*, makna kita ambil daripada tengah-tengah sungai dimasukkan ke dalam Empangan Kemubu. Yang ini lah yang kita nak beli melalui KADA dan juga UPEN menguruskan sebanyak 15 buah pam yang kita boleh sedut daripada tengah sungai. In Shaa Allah sekiranya bajet ini turun dengan segera kita boleh menguruskan bersama-sama dengan KADA dan JPS dan ketiga-tiga empangan ini akan berfungsi dengan baik kerana air sungai walaupun dia cetek masih ada 2 meter yang tak pernah Sungai Kelantan ini kering sepenuhnya. In Shaa Allah padi akan dapat diuruskan sekiranya bajet yang cukup turun untuk rakyat negeri Kelantan. Sekian terima kasih.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Silakan Tendong, Yang Berhormat Tendong.

YB TUAN ROZI BIN MUHAMAD :

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Terima kasih Yang Berhormat Exco atas jawapan. Selain daripada yang disebutkan oleh pihak Kerajaan tadi, kita mempunyai beberapa kaedah untuk menyedut air daripada sungai. Cuma saya bangun ini sebab takut ada kekeliruan dalam Dewan ini, ingin bertanya kepada Exco nya apakah aktiviti-aktiviti mengorek pasir sebagaimana disebut oleh Kota Lama. Aktiviti mengorek pasir ini boleh mencetekkan sungai ataupun boleh mendalamkan sungai dengan aktiviti sebab saya keliru dengan Kota Lama tadi. Bila aktiviti mengorek pasir ini banyak menyebabkan sungai makin cetek. Jadi minta penjelasan daripada Exco.

YB TUAN HAJI MOHD SARIPUDIN BIN TUAN ISMAIL :

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker soalan tambahan daripada Tendong. Saya sebut tadi ialah keperluan kepada pembangunan dan juga keselamatan rakyat. Sekiranya sungai tadi tidak digali, dia tertimbun dengan pasir-pasir menyebabkan akan berlaku banjir secara lebih besarlah kerana sungai itu cetek. Sebab itu lah perimbangan timbang tara telah dibuat, keperluan juga kepada mengorek pasir keluarkan pasir tadi. Ini keperluan yang telah disahkan. Jadi In Shaa Allah dengan logik yang kita terima tadi makna dua-dua tu betul lah tidak ada masalah. Kalau gali dalam sangat pun dia turun dasar-dasar itu menyebabkan tergantung muka sauk tadi. Jadi sebab itu lah yang kita nak ialah yang bukan kita nak bukan kita kata tetap dia boleh floating yang boleh naik turun. Ini teknologi baru yang ada di Belanda, di Jerman dan sebagainya yang telah dikenal pasti boleh membantu In Shaa Allah. Jangan bimbang In Shaa Allah.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Silakan Bukit Bunga.

YB TUAN MOHD ALMIDI BIN JAAFAR :

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker memberi peluang kepada saya untuk bertanya soalan tambahan. Bagaimanakah usaha Kerajaan Negeri bagi memperkasakan industri padi di Kelantan. Terima kasih.

YB TUAN HAJI SARIPUDDIN BIN TUAN ISMAIL :

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih soalan tambahan. Banyak juga untuk pertanian ini, oleh kerana kita semua ini kalau tok make maknanya berat jugok lah tok cukup padi ni. Jadi In Shaa Allah kita telah bersama-sama buat pelbagai usaha supaya hasil padi di Kelantan, walaupun ada ancaman, cabaran, perubahan cuaca dan sebagainya kita telah berusaha sedaya upaya supaya hasil ini dapat kita pertahankan dan pertingkatkan.

Antara usaha yang kita buat ialah kita tengok kepada apakah faktor penyumbang kepada pengeluaran hasil iaitu 40% melibatkan pengurusan baja, 60% melibatkan pengurusan tanaman infrastruktur dan cuaca. Ore kampung dio sebut abc, nok wat padi ni keno ado air, keno ado baja dan cuaca yang sesuai... abc. Bagi mengatasi faktor ini Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pertanian telah melaksanakan projek pengurusan penutrien lokasi spesifik *soil profiling* dimana projek ini telah berjalan beberapa lama lah yang akan melihat kepada pengurusan tanah, tanaman dan pembajaan mengikut status kesuburan sesuatu lokasi. Projek ini melibatkan seluas 8400 hektar siasatan dengan 2100 titik siasatan melibatkan keluasan padi luar jelapang bagi jajahan Jeli, Kuala Krai, Machang dan Kota Bharu.

Kerajaan Negeri Kelantan juga dibawah Jabatan Pertanian telah memperuntukkan sebanyak RM 400 000 bagi tahun ini untuk program pembangunan industri padi melibatkan 4 projek dan 68 petani berupa bantuan infrastruktur dan peralatan. Bantuan ini melibatkan kawasan padi luar jelapang jajahan Machang dan Tumpat. Begitu juga pihak Kerajaan mengangkat permohonan melalui JPS dan KPKM kepada Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan bagi membangun dan menaiktaraf sistem pengairan dan saliran padi di Negeri Kelantan. Antaranya projek pembangunan saliran air padi di jajahan Machang yang anggarannya RM 11 juta dalam RP 5 yang telah diluluskan ketika kedatangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini. Juga kita sedang membina tanda air di Selimbar Guntong Kemuning, Machang untuk mengatasi sekitar 300 ekar padi yang tak cukup air pertanian, membina tiub-tiub well, menyediakan pam-pam bergerak berkuasa tinggi, membangun membaik pulih tanah-tanah terbiar padi, memberi bantuan baja folia, baja penggalak buah, baja untuk memulih tanah baja *dolomite*.

Melalui Kumpulan Pertanian Kelantan Berhad bagi meningkatkan hasil padi dan kita juga menggerakkan kerjasama membangunkan kilang padi yang kita namakan Kilang Padi Darul Naim di Meranti dengan kerjasama Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Kelantan dan Kumpulan Pertanian Kelantan Berhad bersama rakan pelabur. Jadi sebenarnya banyak lagi lah usaha-usaha yang kita buat yang telah kita masukkan dalam pelan induk pembangunan padi negeri Kelantan In Shaa Allah. Sekian terima kasih.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Terima kasih Yang Berhormat Exco. Kita teruskan dengan Yang Berhormat Jelawat.

YB TUAN ZAMERI BIN MAT NAWANG :

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih. Pohon jawapan kepada soalan saya nombor 7.

Soalan 7 :

[Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, apakah usaha dan langkah yang telah dan akan diambil untuk mengatasi masalah kebakaran hutan di mukim Beris Lalang, Kampung Baru dan Beoh di Jelawat agar kebakaran hutan tidak lagi berlaku di masa akan datang.]

YB TUAN HILMI BIN ABDULLAH :

بسم الله الرحمن الرحيم

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Terima kasih Dato' Speaker. Jelawat bertanyakan mengenai usaha dan langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi masalah kebakaran hutan. Semalam soalan mengenai kebakaran di tapak pelupusan, hari ini untuk kebakaran hutan di Mukim Beris Lalang, Kampung Baru dan Kampung Beoh di Jelawat. Merujuk kepada persoalan tersebut untuk makluman Yang Berhormat Jelawat, kawasan Mukim Beris Lalang, Kampung Baru dan Beoh di Jelawat adalah merupakan kawasan tanah beri milik dan tanah kerajaan. Bagi tujuan mengatasi kebakaran di kawasan tersebut beberapa usaha dan langkah telah diambil oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) bagi memastikan kebakaran hutan khususnya hutan tanah gambut agar tidak berulang lagi adalah sebagaimana berikut :

- Yang pertama, mengenalpasti lokasi baru bagi pembinaan telaga tiub. Sekarang ini kita ada 15 telaga tiub dibawah Jabatan Alam Sekitar, 9 di Bachok. Sekiranya berlaku musim kemarau biasa Jabatan Alam Sekitar akan membuka telaga tiub dan akan mengalirkan air-air ke parit ataupun tali air berdekatan bagi

memastikan ada sumber air untuk operasi pemadaman kebakaran.

- Yang kedua, meningkatkan program-program kesedaran di pelbagai peringkat masyarakat, kempen lah.
- Yang ketiga, memperbanyakkan papan tanda larangan pembakaran terbuka dan pembakaran terbuka ini dia bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling dan boleh dikenakan denda sehingga RM 500 000 bagi mereka yang membuat pembakaran terbuka.
- Seterusnya, mengemaskini Prosedur Tetap Operasi (SOP) bagi mencegah kebakaran tanah gambut di negeri Kelantan. Antara yang akan ditekan di dalam SOP tersebut adalah penyelarasan bersepadu bagi gerak kerja antara semua agensi yang merangkumi tindakan pengawasan, pemantauan, penguatkuasaan dan pemadaman. Bulan 4 baru ini kita telah melancarkan Ops Siaga sebelum Hari Raya yang dianjurkan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Kelantan untuk kita mengenal pasti lokasi-lokasi yang berpotensi terancam untuk berlakunya kebakaran kawasan Kelantan lah. Dan kalau mengikut Jabatan Bomba, kebakaran bagi 3 bulan pertama di Kelantan sebanyak 577 kes bagi 3 bulan pertama berbanding dengan jumlah kebakaran seluruh Kelantan tahun lepas hanya 237 kes. Tahun ini banyak kebakaran berlaku disebabkan oleh fenomena elnino.
- Seterusnya, pemantauan Hot Spots dilakukan sama ada melalui satelit atau drone. Kita ada 39 kawasan Hot Spots yang telah dikenalpasti oleh bomba yang mudah terbakar. Manakala menara pemerhati untuk menentukan lokasi dan kedudukan kebakaran melalui pemerhatian kehadiran kepulan asap kebakaran. Kawasan Hot Spots ini kita ada menara pemerhati untuk kita baca jarak kebakaran yang berlaku biasanya melibatkan kebakaran yang luas lah.
- Akhir sekali, membuat rondaan dan pemantauan di kawasan hutan yang menghadapi risiko ancaman bahaya kebakaran semasa musim kemarau dan menguatkuasakan Enakmen Hutan. Setakat hari ini tiada laporan melibatkan kebakaran dalam hutan simpan lah. Bahagian Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan

menubuhkan Pasukan Semut Merah untuk memantau sekiranya berlaku kebakaran dalam kawasan hutan simpan. Setakat ini tiada laporan yang menunjukkan kebakaran berlaku dalam kawasan hutan simpan. Hanya kebakaran melibatkan kawasan-kawasan paya bakau dan juga kawasan dalam kebun-kebun dan sawah padi sahaja.

Terima kasih.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Silakan Jelawat.

YB TUAN ZAMERI BIN MAT NAWANG :

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker dan terima kasih Yang Berhormat Exco. Soalan saya nya ialah kebakaran hutan di Beris Lalang, Beoh di DUN Jelawat ini merupakan acara tahunan sebenarnya daripada bulan Mac sehingga bulan Mei setiap tahun sejak dari berpuluh-puluh tahun yang lalu sejak pada zaman saya kecil hinggalah sekarang. Dan akibat daripada kebakaran hutan ini yang merebak kepada kelapa sawit, sayur-sayuran, getah dan sebagainya bahkan telah menjejaskan jalan-jalan kampung dimana api ini membakar tanah-tanah gambut di bahagian bawah yang mengakibatkan tanah atau jalan tersebut menjadi runtuh ataupun jerlus dan sebagainya.

Dan masalah yang sering kali dihadapi oleh bomba ialah kekeringan air dalam parit-parit ataupun tali air yang digali dalam kawasan hutan tersebut. Pembakaran hutan yang terbuka ini selain menjejaskan tanaman-tanaman petani-petani, ia juga menjejaskan kesihatan, ada yang lelah, sakit mata, jarak penglihatan pun sekadar 100 meter ataupun 50 meter sahaja terutama waktu pagi dan sebagainya.

Dan kita mendapati bahawa di sana tidak ada satu pam yang besar yang boleh menyedut air dalam kapasiti yang banyak untuk mengisi parit-parit dan juga tali air yang ada dalam hutan tersebut. Jadi inilah masalah yang dihadapi oleh bomba dan juga Jabatan Alam Sekitar dalam memadamkan kebakaran di hutan tersebut. Jadi soalan saya adakah pihak Kerajaan bersedia ataupun berhasrat untuk membeli dan membekalkan pam air yang berkapasiti tinggi ini dan ditempatkan di jajahan Bachok, tak kiralah diletakkan di Jabatan Tanah dan Jajahan ke ataupun Majlis Daerah ke

ataupun Jabatan Alam Sekitar ke JPS ke tetapi diletakkan di jajahan Bachok untuk memudahkan kerja-kerja pemadaman kebakaran. Terima kasih.

YB TUAN HILMI BIN ABDULLAH :

Terima kasih Jelawat. Banyak soalan tuh. Mengenai kebakaran yang berlaku secara tahunan lah di kawasan Beris Lalang terutamanya kita memang dalam pengetahuan kita sebab itu antara langkah kita ambil adalah mengenal pasti lokasi baru untuk dibina telaga tiub. Sekarang ini di Bachok kita dah ada 9 telaga tiub. Seluruh Kelantan kita ada 15 semua, 9 di Bachok, 5 di Pasir Mas dan 1 di Pasir Puteh. Ini lah kawasan-kawasan hot spot yang sentiasa berlaku kebakaran tahunan.

Untuk pam air kita telah meluluskan pembelian pam air di tapak pelupusan sampah dibawah seliaan KOM dan untuk pam air di kawasan-kawasan yang mana dibawah kawasan tanah Kerajaan ataupun tanah milik In Shaa Allah kita boleh bekerjasama dengan JAS untuk kita mengepam air-air daripada telaga tiub sedia ada setiap kali berlakunya kemarau sebab itu kita mengadakan mesyuarat bersepadu supaya tindakan dibuat secara bersepadu oleh semua agensi yang terlibat. Bomba akan mengenal pasti kawasan-kawasan hot spot dan JAS akan memberikan nasihat mengenai contohnya kadar IPU kawasan terlibat banyak kebakaran jika melebihi kadar IPU biasa kemungkinan penduduk akan dipindahkan. Dan juga di pihak negeri kita akan mengadakan mesyuarat bersepadu dibawah Jawatankuasa Bencana Negeri. Bulan 4 baru ini kita telah aktifkan semasa kebakaran berlaku Kok Bedolah Tumpat, kita telah mengadakan mesyuarat bersepadu yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Dato' Kaya Setia SUK Kelantan lah dari semasa ke semasa.

Dan mengenai bantuan kepada petani ataupun pekebun yang mana kawasan mereka terbakar semalam saya rasa Exco Pertanian telah menjawab petani yang terlibat perlu membuat laporan polis In Shaa Allah ada bantuan-bantuan yang disediakan oleh Kerajaan Pusat. Kita juga negeri akan memberikan bantuan yang sewajarnya bagi memberikan sedikit saguhati kepada pekebun petani yang terlibat dengan kebakaran. Terima kasih.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Silakan Pantai Irama.

YB TUAN MOHD HUZAIMY BIN CHE HUSIN :

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker memberi peluang kepada saya untuk menyampaikan ataupun soalan tambahan. Sebagaimana apa yang dijelaskan oleh pihak Kerajaan, usaha-usaha dalam menangani masalah kebakaran hutan di Beris Lalang dan juga kita lihat bahawa sebagaimana disebut oleh ADUN Jelawat sekejap tadi menjadi acara tahunan dan kita difahamkan bahawa perkara ini ataupun kes ini berlaku ada kaitan dengan perbuatan manusia... perbuatan manusia. Jadi apakah usaha kerajaan selain daripada apa yang disebut tadi mungkin perlu usaha yang kuat atau yang terancang dalam menangani masalah ini termasuk penguatkuasaan ataupun tindakan undang-undang kepada yang terlibat yang kita yakin bahawa ianya perbuatan manusia. Terima kasih.

YB TUAN HILMI BIN ABDULLAH :

Terima kasih Pantai Irama atas soalan tambahan. Ye betul lah sebab itu tadi saya sebutkan bahawasanya kebakaran terbuka kita boleh kenakan tindakan dibawah Akta Kualiti Alam Sekeliling yang mana memperuntukkan denda sehingga RM 500 000 dan juga 5 tahun penjara. Itu lah satu *punishment* ataupun hukuman yang dikira amat setimpal kerana kebakaran disebabkan oleh individu akan memberikan kesan yang besar sama ada kepada kawasan-kawasan tanaman ataupun hutan simpan yang mana menyebabkan kebakaran terbuka menyukarkan operasi pemadaman. Dan juga kita perlu mengadakan kempen kesedaran lah supaya mereka yang terutamanya perokok tidak membuang rokok-rokok yang dihisap di tempat-tempat kawasan kering terutama sekali musim kemarau.

Dan kita memerlukan bantuan daripada semua sekali penduduk untuk melaporkan segera sekiranya ternampak kawasan yang terbakar laporkan segera jangan masuk facebook sahaja, lapor kepada bomba ataupun Jabatan Alam Sekitar untuk kita mengenakan tindakan segera untuk mengelakkan kebakaran daripada merebak. Itulah kesedaran saling tegur-menegur dan kita pihak Kerajaan akan mengenakan hukuman yang setimpal ke atas pelaku. Terima kasih.

YB DATO' TIMBALAN SPEAKER :

Kita teruskan dengan Yang Berhormat Semerak.

YB TUAN NORSHAM BIN SULAIMAN :

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Pohon jawapan saya nombor 8.

Soalan 8 :

[Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, sejauhmanakah Kerajaan Negeri komited membantu para pelajar tahfiz swasta yang berminat untuk melanjutkan pelajaran mereka melalui program berkemahiran dalam pendidikan TVET?]

YB TUAN WAN ROSLAN BIN WAN HAMAT :

بسم الله الرحمن الرحيم

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Terima kasih Dato' Speaker soalan dari Semerak. Kerajaan sentiasa peka lebih-lebih lagi perkara mustahak. Boleh dok? Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) merupakan proses pendidikan dan latihan yang mempunyai hala tuju pekerjaan dengan penekanan utama terhadap amalan industri. Ia bertujuan untuk menghasilkan tenaga kerja yang kompeten dalam bidang-bidang tertentu. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS) telah memulakan langkah sebagai Pusat Bertauliah, iaitu penyedia latihan kemahiran yang diluluskan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran iaitu JPK untuk mengendali latihan kemahiran dan menawarkan Persijilan Kemahiran Malaysia bagi bidang dan tahap kemahiran tertentu berdasarkan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (NOSS).

Pusat Latihan yang dilaksanakan di KIAS menawarkan program kemahiran dalam pendidikan TVET kepada semua pelajar termasuklah pelajar tahfiz swasta yang berminat menyambung pengajian dalam bidang berkaitan. Pada peringkat permulaan, KIAS telah menawarkan program yang sedia ada di KIAS iaitu Pengurusan Masjid. Seterusnya, Pusat Latihan di KIAS akan menfokuskan penawaran program-program

di peringkat persijilan seperti Pengajian Turath, Pengajaran Tahfiz, Pendidikan Awal Kanak-Kanak, Kaunseling, Pengurusan Halal di samping menawarkan kursus-kursus Jahitan dan Khat melalui kursus kokurikulum yang berkredit. Terima kasih.

YB DATO' SPEAKER :

Sila Semerak.

YB TUAN NORSHAM BIN SULAIMAN :

Adakah Kerajaan Negeri telah menjalankan usaha bagi memastikan pelaksanaan TVET ini berjaya sepenuhnya ?

YB TUAN WAN ROSLAN BIN WAN HAMAT :

Terima kasih Dato' Speaker. Jawapannya ye, kita mengadakan perbincangan, siri-siri perbincangan dengan Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) yang menguruskan pendidikan TVET ini. Dan yang terbaru KIAS secara rasminya telah didaftarkan sebagai Pusat Latihan Halal (PLH) dengan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) pada 30 Mei yang lepas. Ini secara umumnya menjawab Pulai Chondong yang bertanya kepada sahabat saya Exco Agama, adakah Kerajaan bersedia menyediakan Pusat Latihan Halal. Jadi secara rasminya kita telah didaftarkan oleh JAKIM dan telah diadakan Majlis Penyerahan Sijil Pendaftaran yang disempurnakan oleh Yang Amat Berusaha Ketua Pengarah JAKIM kepada Profesor Emeritus Rektor KIAS pada 30 Mei yang lalu.

Jadi kita telah menubuhkan KIAS Halal Centre yang akan menjalankan tugasnya untuk sebagai Pusat Latihan Halal Teras di Kelantan dan juga kita melalui KIAS Halal Centre ini (KIASHAC) ini untuk membantu menyedarkan kesedaran halal kepada masyarakat. Jadi kita akan kembangkan pendidikan TVET ini ke mana-mana institusi yang ada di negeri Kelantan ini In Shaa Allah. Terima kasih Dato' Speaker.

YB DATO' SPEAKER :

Limbongan.

YB PUAN NOR ASILAH BITI MOHAMED ZIN :

Okay terima kasih kepada Dato' Speaker. Soalan tambahan saya melihat kepada pencapaian sekolah YIK yang berkemahiran iaitu tahfiz dan berkemahiran TVET iaitu di Darul Saadah, saya ingin bertanya adakah Kerajaan berhasrat untuk memperluaskan kemahiran TVET di sekolah-sekolah YIK lain dan sekiranya ada cadangan tersebut bolehkah nyatakan senarai sekolah. Terima kasih.

YB TUAN WAN ROSLAN BIN WAN HAMAT :

Terima kasih Dato' Speaker atas soalan tambahan daripada Limbongan. Sudah pastinya kerana kita tengok Maahad Tahfiz yang berasaskan TVET ini mencapai keputusan yang cemerlang sebagaimana disebut kelmarin dulu belajar 25 subjek, tambah hafazan 30 juzuk dan sains lagi dan dia dapat kemahiran dalam bidang jahitan dan juga makanan. Maka kita telah mengadakan perbincangan dengan Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) untuk kita meluaskan lagi sekolah-sekolah kita dengan asas, latihan asas kemahiran kerana asas kemahiran ini boleh membantu masyarakat kita yang tidak mempunyai kelayakan akademik yang tinggi untuk memberi peluang kepada mereka bekerja di mana-mana jabatan.

Tapi dengan adanya sijil kemahiran ini boleh menjana pendapatan kepada masyarakat kita yang mempunyai kemahiran secara bersijil ini. Dan In Shaa Allah negeri kita akan maju diisi dengan tenaga-tenaga mahir yang dilatih di peringkat sekolah dan juga institut pengajian tinggi kita. Terima kasih.

YB DATO' SPEAKER :

Dipersilakan Galas.

YB TUAN HAJI MOHD SYAHBUDDIN BIN HASHIM :

Yang Berhormat Dato' Speaker, pohon jawapan soalan saya nombor 9.

Soalan 9 :

[Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, status Taman Konservasi Rafflesia Tanah Tinggi Lojing sebagai destinasi pelancongan, berapakah hasil yang berjaya dijana oleh pihak Kerajaan Negeri?]

YB DATUK KAMARUDDIN BIN MD NOR :

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker, terima kasih kepada Yang Berhormat Galas atas pertanyaan yang mahu tahu berkenaan dengan kedudukan Taman Konservasi Rafflesia di Tanah Tinggi Lojing dan juga hasil yang berjaya dijana dan dikutip oleh pihak Kerajaan daripada Taman Konservasi tersebut.

Bagi menjawabnya Yang Berhormat Dato' Speaker, Taman Konservasi sekarang ini telah boleh dikunjungi oleh pengunjung. Cuma mereka perlu mendapat permit daripada pihak berkuasa terutamanya Jabatan Hutan kerana Taman Konservasi ini yang seluasnya lebih kurang 1000 ekar adalah duduk di dalam kawasan hutan simpan kekal. Jadi tak boleh nak masuk sembarangan, kena ada kebenaran. Memang tujuan kerajaan untuk membangunkan kawasan ini sebagai satu lagi kawasan pelancongan di Tanah Tinggi yang kalau mengikut survey di peringkat nasional berhubung dengan minat pengunjung dan pelancong apabila dia nak melancong ke sebuah negeri di antara yang utama ialah untuk mengalami nature, mengalami suasana alam semula jadi . Yang mana kita Alhamdulillah di Kelantan ini banyak tempat-tempat sedemikian rupa.

Dan pada masa ini bagi menjawab soalan kedua, kerajaan tidak mengenakan apa-apa kutipan lagi dan dalam masa yang akan datang kita akan timbang tengok lah macam mana. Pasal kita nak menggalakkan orang datang buat kunjungan jadi kalau demand itu banyak In Shaa Allah kita cuba kenakan bayaran sebagai satu lagi sumber pendapatan kepada kerajaan.

Walau bagaimanapun, pihak yang mengatur lawatan ini malim hutan, malim gunung mereka dapat menjana pendapatan bagi mereka. Jadi di samping itu di pintu masuk kawasan ini terdapat kemudahan untuk jual beli makanan dan lain-lain juga mendapat manfaat daripada Taman Konservasi Rafflesia ini. Terima kasih.

YB DATO' SPEAKER :

Sila Galas.

YB TUAN HAJI MOHD SYAHBUDDIN BIN HASHIM :

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih kepada soalan tambahan... kepada jawapan yang diberikan tadi. Soalan tambahan saya Yang Berhormat Dato' Speaker, sejauh manakah penglibatan orang asli atau penduduk tempatan yang dulunya mereka ini sebagai jurupandu, pemelihara kawasan air terjun tempatan serta penggerak bagi mengekalkan keseimbangan ekosistem hutan di Tanah Tinggi Lojing ini serta apakah tarikan yang lain yang mungkin dalam perancangan Kerajaan untuk menarik minat pelancong-pelancong datang ke Taman Rafflesia kita ini... Taman Konservasi Rafflesia kita ini. Terima kasih.

YB DATUK KAMARUDDIN BIN MD NOR :

Terima kasih Yang Berhormat Galas. Peranan orang-orang tempatan termasuklah orang asli memang aktif. Mereka yang menjadi malim hutan dan juga malim gunung. So sekarang ini yang mendapat manfaat banyak ialah mereka. Itu yang pertama.

Berkenaan dengan insentif untuk datang ke tempat ini yang diperlukan sekarang ialah kesedaran, publicity tapi kita nak jaga juga ramai sangat mari pun takut apa namanya menjejaskan keadaan yang kita belum sedia sepenuhnya. Jadi sekarang ini ianya berjalan dalam peringkat kita panggil *soft operation* tapi tujuan masa depannya begitu lah di antara pusat kunjungan para pelancong dari dalam dan luar negeri ke Tanah Tinggi Lojing. Terima kasih.

YB DATO' SPEAKER :

Mengkebang.

YB TUAN ZUBIR BIN ABU BAKAR :

بسم الله الرحمن الرحيم

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker kerana memberi peluang kepada saya untuk soalan tambahan. Seperti yang dijelaskan oleh YB Dato' Exco tadi bahawa rafflesia ini adalah bunga yang terbesar di dunia. One of the biggest flower in the world dengan izin. Dan di Indonesia ini dia merupakan salah satu bunga rasmi di Indonesia. Salah satu daripada bunga rasmi. Jadi di kesempatan ini, rafflesia ini menarik pelancong bukan sahaja daripada tempatan daripada dunia sebab bunga ini pelik. Dia kembang lepastu akhirnya dia bau busuk, busuk bunga rafflesia ini. Jadi soalan tambahan saya apakah kerajaan berhasrat merangka satu pelan pembangunan dan pengurusan pelancongan di Taman Rafflesia tersebut. Terima kasih.

YB DATUK KAMARUDDIN BIN MD NOR :

Terima kasih Yang Berhormat Mengkebang atas soalan tambahan dan saya juga ingin menyatakan tujuan saya dengan beberapa kenyataan yang dibuat berhubung dengan bunga rafflesia ini. Kalau tuan-tuan Yang Berhormat tengok notes RM 10 ada di belakang itu adalah imej bunga rafflesia. Pengiktirafan kerajaan terhadap bunga rafflesia ini. Betul antara yang terbesar bunga dan bukan itu sahaja dia pelik lagi dia tak ada akar, dia tak ada batang, dia tak ada apa... dia bunga je. Dan dia punya apa ni tempat anunya tu saya nak sebut macam mana perkataan bottom dia bottom. Bunga tu kan kalu melayu kato gapo bottom... patak.. minta maaf dengan izin.

Itu lah.. kemudian yang pelik lagi di kawasan Lojing ini kalau di Sabah kita tengok kebanyakan rafflesia ini duduk atas muka bumi, dekat Lojing selain daripada yang ada di atas muka bumi, dia ada dekat batang pokok. Itu agak pelik. In Shaa Allah lusa saya ke sana untuk memastikan apa yang saya dapat maklumat ini betul semuanya. Dan In Shaa Allah selepas ke sana nanti kita akan dapat menyediakan satu pelan jangka pendek jangka panjang untuk memajukan kawasan itu. Terima kasih banyak.

YB DATO' SPEAKER :

Dipersilakan Yang Berhormat Tawang.

YB TUAN HARUN BIN ISMAIL :

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Dato' Speaker, pohon jawapan soalan saya nombor yang ke-11.

Soalan 11 :

[Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, adakah Kerajaan Negeri mempunyai perancangan untuk membina taman rekreasi di Pulau Nami, Pantai Senok sebagai usaha untuk merencanakan lagi aktiviti pelancongan di Bachok sesuai dengan Bachok Bandar Pelancongan Islam?]

YB TUAN HILMI BIN ABDULLAH :

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih kerana Tawang atas soalan. Tawang bertanyakan mengenai perancangan membina taman rekreasi di Pulau Nami, Pantai Senok. Untuk makluman Tawang, saya telah pun turun jelajah ke Majlis Daerah Bachok Majlis PBT lepasni kita akan pergi pula untuk jelajah Zon Indah Ceria di Bachok setelah dibawa ke Pantai Nami, Pantai Senok untuk melihat Pembangunan yang telah dibuat oleh Kerajaan Negeri di Pantai Senok.

Jadi untuk jawapannya, untuk jangka masa panjang Kerajaan Negeri melalui Majlis Daerah Bachok telah melantik konsultan bagi pembangunan di Pantai Senok pada tahun 2021 dalam merealisasikan Pantai Senok sebagai produk pelancongan yang melibatkan kos sebanyak RM 4.4 juta yang telah diangkat peruntukan kepada MOTAC pada tahun 2023. Pada masa yang sama, Kerajaan Negeri juga telah menyenaraikan projek ini dalam senarai projek Quick win semasa taklimat khas Pembangunan Negeri kelantan kepada YAB Perdana Menteri pada 2 Mei 2024 yang lalu, yang mana taklimat dibuat sendiri oleh YAB Dato' Menteri Besar Kelantan dan kini dalam peringkat penyelarasan di kementerian yang berkaitan.

Untuk makluman, Majlis Daerah Bachok dalam usaha merancang aktiviti pelancongan dalam jangka masa pendek, beberapa pembangunan telah dibelanjakan melalui peruntukan oleh agensi melalui Kerajaan Negeri ataupun KPKT. Antara pembangunan yang telah tersedia di Pantai Senok adalah seperti lampu solar sumbangan KPKT, Taman Permainan sumbangan Kerajaan Negeri, Dataran (tapak paving blok) sumbangan Kerajaan Negeri, Kiosk 20 unit - KPKT, tandas Dan surau - KPKT, bumbung tandas Senok - Kerajaan Negeri dan jumlah keseluruhan pembangunan yang telah dibelanjakan adalah sebanyak RM 1,059,793.28. In Shaa Allah setelah lulusnya permohonan khas yang telah dibuat oleh Yang Amat Berhormat Dato' MB kita kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri In Shaa Allah Pantai Senok akan menjadi sebuah Pantai yang dapat menarik lebih ramai pelancong pada masa hadapan. Terima kasih.

YB DATO' SPEAKER :

Sila Chempaka.

YB TUAN NIK BAHRUM BIN NIK ABDULLAH :

Yang Amat Mulia Dato' Speaker, pertamanya saya mengucapkan terima kasih kepada jawapan yang telah diberikan oleh Exco PBT yang membuang perkataan Pulau Nami. Dia adalah merupakan Pantai Senok dan bukan Pulau Nami.

Untuk balik kepada soalan, apabila kita bercakap berkenaan dengan isu pelancongan dan sebagaimana yang disebut dalam jawapan tadi ada berkait dengan kebersihan dan sebagainya. Yang mana saya percaya bahawa kebersihan ini menjadi faktor utama yang sentiasa viral, yang sentiasa disebut-sebut oleh pelancong-pelancong dan juga sesiapa sahaja dalam media sosial.

Isunya kita sentiasa bercakap berkenaan dengan faktor kebersihan tersebut tetapi keadaan tersebut sentiasa berlaku. Jadi saya pohon untuk dapatkan satu jawapan. Soalan saya nya adakah ada apa-apa usaha tuntas daripada pihak PBT ini untuk memastikan bahawa keadaan-keadaan kebersihan yang tidak terkawal tersebut tidak lagi berulang pada masa hadapan.

YB TUAN HILMI BIN ABDULLAH :

Terima kasih Chempaka atas soalan. Dia sampah ni dia hari-hari, hari-hari ore tohok, hari-hari ore kutip. Dan ado tuan dia... ado tuan, sebab itu kita mengadakan kempen besar-besaran Kelantanku Bersih. Dan pada 23 Jun In Shaa Allah kita akan adakan Gotong-Royong Mega seluruh PBT Kelantan, harapan saya semua ADUN dapat hadir lah untuk Gotong-Royong Mega ini, In Shaa Allah 23hb Julai.

Dan untuk jawapan kepada Chempaka, kita peringkat PBT kita telah ke Fasa Ketiga sebenarnya. Fasa Pertama kita memberikan fasiliti-fasiliti kebersihan kepada PBT dan kita juga mengadakan kempen Kelantanku Bersih sampai ke hari ini kita berterusan mengadakan kempen. Dan tahun ini kita telah mulakan tindakan kompaun kepada pesalah-pesalah dan In Shaa Allah minggu depan kita akan pacak signboard di lokasi-lokasi denda maksimum RM 2000 ataupun 2 tahun penjara kepada mereka yang masih lagi degil. Kita promote kebersihan ni habis reng doh tapi demo masih lagi degil dan sampah kita kutip secara berjadual, masalahnya ore kutip ni takdok jadual, ore tohok sapoh takdok jadual, kutip berjadual. Kito tok kutip setiap saat, kito kutip masa-masa dia. Waktu pagi kito kutip sampah hok semalam dan petang tu. Lepas pada program kita kutip, tapi ore tohok lepas tu. Begitu juga kutipan-kutipan kito buat kutipan berjadual. Taman-taman perumahan waktu tohok sapoh pukul 6 sapa pukul 8 pagi. Kito kutip tengahari, lepas lori kutip pukul 10 tu, pukul 11 gi tohok pulok. Sapoh tu jadi masalah, napok sapoh ni mace tidok dipungut... dipungut sebenarnya.

Jadi kita perlukan kerjasama daripada semua supaya sampah domestik dibuang pada jadual yang PBT tetapkan, yang pertama. Yang kedua, para pengunjung yang berkunjung ke tempat-tempat menarik seluruh Kelantan tak kira mana-mana lah yang kita pun tahu semua supaya sayangilah pantai-pantai kita, tempat-tempat air terjun kita. Kita habis duit berjuta doh habis. Banyak tempat comey-comey boleh tengok dale tiktok, dale fb viral... tok? Sebut jah mano Kelate ni tok comey... comey belako. Tapi ada segelintir umat Muhammad ni dia suka viral benda-benda hok lepas ore kutip sapoh, ore tohok lepastu dio viral hok tohok, hok kutip dio tok viral. Hok tu masalah kita lani nya. Duk sohor tempat sebelum kutip. Kita selaku rakyat Kelate kena tunjuk kepada masyarakat luar inilah usaha PBT buat masuk kutip sapoh, subuh bangun doh kutip sapoh, ambik video maso tu lah. Maroh... marohh. Itulah antara rayuan

saya kepada semua sekali sayangilah negeri kita, tempat menarik kita banyak kita perabih pitih. Bantuan semua untuk sokongan Wallahualam.

YB DATO' SPEAKER :

Dipersilakan Yang Berhormat Pengkalan Pasir.

YB TUAN MOHAMAD NASRIFF BIN DAUD @ DAUD YATIMEE :

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Mohon jawapan kepada soalan saya nombor 12.

Soalan 12 :

[Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, apakah usaha Kerajaan Negeri dalam mewujudkan hubungan konsep federalisma yang adil terhadap rakyat Kelantan dengan Kerajaan Persekutuan ?]

YAB DATO' PANGLIMA PERANG USTAZ DATO' MENTERI BESAR :

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih Yang Berhormat Pengkalan Pasir. Kerajaan Negeri sentiasa memastikan langkah-langkah yang diambil adalah sebagaimana peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan melibatkan Jadual Kesembilan (Senarai Persekutuan, Senarai Negeri dan Senarai Bersama) supaya tidak berlaku sebarang pelanggaran kuasa dan hak yang sepatutnya.

Pendekatan mantan dan sejahtera dalam pentadbiran diterapkan sejak zaman pentadbiran Almarhum Tan Sri Dato' Bentara Setia Tuan Guru Haji Abdul Aziz Nik Mat disambung era kepimpinan Dato' Bentara Kanan Ustaz Dato' Haji Ahmad Bin Yakob dan diteruskan setelah saya diamanahkan mengambil alih pentadbiran Kerajaan Negeri. Hubungan yang baik antara Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Persekutuan berdasarkan prinsip federalisma telah dijalin dengan begitu baik sekali. Pendekatan federalisma ini akan terus diambil sebagai satu prinsip pentadbiran yang baik demi kepentingan negeri dan rakyat negeri Kelantan. Sekian.

YB DATO' SPEAKER :

Sila Pengkalan Pasir.

YB TUAN MOHAMAD NASRIFF BIN DAUD @ DAUD YATIMEE :

Soalan tambahan saya Yang Berhormat Dato' Speaker, seperti mana yang kita sedia maklum bahawa konsep federalisma ini amat penting untuk memastikan setiap agenda di peringkat negeri dapat dijalankan dengan sokongan sepenuhnya di peringkat federal. Soalan tambahan saya, apakah saranan-saranan yang boleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar sarankan kepada kita sebagai ADUN dan juga sebagai ketua-ketua jabatan di peringkat agensi-agensi federal dan juga agensi-agensi di peringkat Kerajaan Negeri supaya kita menyemarakkan lagi konsep federalisma ini bukan setakat tanggungjawab ini dilakukan oleh pihak tertinggi ketua negeri tetapi juga di peringkat jabatan dan juga di peringkat ADUN bagi memastikan kebajikan rakyat dapat dicapai.

YAB DATO' PANGLIMA PERANG USTAZ DATO' MENTERI BESAR :

Kita seharusnya sentiasa mempunyai hubungan yang baik sama ada di peringkat pentadbiran Kerajaan Negeri, orang-orang politik dan pegawai-pegawai di antara pegawai negeri, pegawai persekutuan begitu juga Exco-Exco seharusnya mempunyai hubungan yang baik dengan menteri-menteri di atas dasar

وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ

hendaklah kamu tolong-menolong dalam perkara ^{الْبِرِّ} kebaikan.

Setelah kita diberi amanah oleh rakyat. Maka kita kena menjaga kebajikan rakyat, kita kena membangunkan negeri sebagaimana pihak Kerajaan Persekutuan yang diamanahkan juga mempunyai tanggungjawab membangunkan negara dan menjaga kepentingan rakyat.

Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Persekutuan ini macam anak dengan ayah lah. Anak dengan ayah ni mempunyai hubungan... mesti mempunyai hubungan yang baik. Dan sebenarnya kita di negeri Kelantan ini sebagaimana saya sebut sekejap tadi sejak daripada Almarhum Tan Sri Dato' Bentara Setia Tok Guru Nik Aziz lagi memang hubungan G To G tu

baik. Cuma dalam keadaan suasana politik semasa itu mungkin ada panas sejuk tu biasa lah... biasa. Zaman Dato' Bentara Kanan hubungan juga baik dan sekarang ini saya teruskan dan kita harap pegawai-pegawai pun hendaklah sentiasa berunding. Dan saya telah sebut masa PM datang baru-baru ini bahawa politik ini time pilihan raya lah sama ada pilihan raya umum, pilihan raya kecil itu tak apa lah. Selepas itu kita kena membangunkan negeri, kena ada hubungan baik. Jadi saya rasa itu lah yang dihasratkan oleh kita semualah bukan saya sorang. Sekian.

YB DATO' SPEAKER :

Sila Wakaf Bharu.

YB TUAN MOHD RUSLI BIN ABDULLAH :

بسم الله الرحمن الرحيم

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Soalan saya... soalan tambahan bagaimanakah Kerajaan Negeri menangani isu beberapa jawatan Pengarah jabatan-jabatan yang sangat penting tetapi belum diisi secara hakiki kerana ianya begitu penting untuk memainkan peranan hubungan antara dua hala antara negeri dan juga pusat untuk memantapkan lagi gerak kerja. Sekian terima kasih.

YAB DATO' PANGLIMA PERANG USTAZ DATO' MENTERI BESAR :

Sebagaimana saya sebut sekejap tadi bahawa Kerajaan Negeri sentiasa menjaga hubungan baik dengan Kerajaan Persekutuan terutama dalam hal ehwal pentadbiran melibatkan pegawai awam negeri dan pegawai awam persekutuan. Kerajaan Negeri juga sentiasa mengingatkan kepada pentadbiran negeri agar sentiasa tindakan yang dibuat perlu selari dan mematuhi prinsip perlembagaan serta tidak bercanggah dengan mana-mana undang-undang atau peraturan yang berkuatkuasa.

Saya difahamkan pentadbiran negeri telah menerima beberapa pencalonan daripada ketua pengarah jabatan perhutanan malaysia, ketua pengarah jabatan perkhidmatan veterinar malaysia, ketua pengarah jabatan kebajikan masyarakat malaysia dan ketua pengarah jabatan pengairan dan saliran malaysia bagi mengisi jawatan pengarah negeri. Calon-calon yang dikemukakan sedang diteliti oleh pentadbiran negeri

bagi memastikan calon yang dipilih adalah yang terbaik dan memenuhi kehendak Kerajaan Negeri iaitu pegawai yang berpengalaman, kompeten dan berintegriti tinggi.

Selain itu, keutamaan kepada anak Kelantan yang mempunyai semangat dan rasa kebertanggungjawaban yang tinggi untuk memajukan dan meningkatkan ekonomi negeri terutama dalam melaksanakan dasar-dasar dan perancangan yang diputuskan oleh Kerajaan Negeri Kelantan.

YB DATO' SPEAKER :

Galas.

YB TUAN HAJI MOHD SYAHBUDDIN BIN HASHIM :

Yang Berhormat Dato' Speaker, sebenarnya saya nak ambil kesempatan ini nak ucapkan tahniah dan terima kasih lah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana mengambil langkah yang cukup baik antara Kerajaan Negeri dan juga Kerajaan Pusat. Sebenarnya kalau baik gini ketua pembangkang pun tok perlu. Dan harininya Yang Amat Berhormat Menteri Besar ada sebut soal kita mari tolong bantu untuk sama-sama kita buat kepada kebaikan. Adakah Yang Berhormat juga berhasrat untuk membantu kami dua-dua ADUN pembangkang ini dalam menyelaraskan peruntukan-peruntukan yang sepatutnya diberikan kepada ahli-ahli wakil rakyat disampaikan secara sama rata kepada ADUN-ADUN pembangkang. Terima kasih.

YAB DATO' PANGLIMA PERANG USTAZ DATO' MENTERI BESAR :

Terima kasih kepada ADUN Galas. Sebagaimana yang telah saya maklum sebelum ini bahawa peruntukan RKP. Kita dah bagi kepada sahabat-sahabat kita sama dengan pihak Kerajaan, kita dah bagi. Cuma dalam perkara-perkara yang lain oleh kerana sebagaimana yang saya sebut bahawa bantuan daripada Kerajaan Pusat diberi kepada sahabat kita dua ADUN pembangkang dalam Dewan Negeri. Kalau kita bandingkan dengan ADUN Kerajaan, kalau ADUN pembangkang campur dengan peruntukan yang diberi oleh pihak Pusat peruntukan untuk ADUN pembangkang lebih besar daripada ADUN Kerajaan. Maka setakat ini yang saya telah saya umumkan dan kita laksanakan ialah RKP, kita bagi sama dengan ADUN Kerajaan. Sekian Wallahualam.

YB DATO' SPEAKER :

Okay sila Bukit Bunga... Gual Ipoh.

YB TUAN BAHARI BIN MOHAMAD NOR :

Terima kasih kepada Dato' Sri Amar Speaker kerana memberi ruang kepada saya bertanya soalan. Soalan saya adalah bagaimana yang dibangkitkan oleh Galas, dia berkaitan dengan peruntukan ataupun bajet daripada Kerajaan Negeri untuk kedua mereka. Kita juga nak bertanya apakah agensi ataupun jabatan ataupun jabatan agensi Kerajaan Persekutuan seperti FELCRA, KESEDAR dan KADA memberi ruang pelantikan kepada kita untuk sama berbincang ataupun menggubal dasar bagi melaksanakan pembangunan kepada rakyat negeri Kelantan.

YAB DATO' PANGLIMA PERANG USTAZ DATO' MENTERI BESAR :

Tanya Kerajaan ko tanya pembangkang ni ?

YB TUAN BAHARI BIN MOHAMAD NOR :

Kalau ada jumlah daripada kita yang boleh bersama dalam agensi persekutuan.

YAB DATO' PANGLIMA PERANG USTAZ DATO' MENTERI BESAR :

Saya jawab gini. Sebenarnya ada yang wakil Kerajaan ada dalam agensi Persekutuan yang telah dilantik dan ada yang masih belum dilantik. Ini dalam rundingan. Jadi di peringkat rundingan ini saya tak perlu dedah lah kita harap semua berjalan dengan baik dan berjalan dengan lancar.

YB DATO' SPEAKER :

Dipersilakan Yang Berhormat Chempaka.

YB TUAN HAJI NIK BAHRUM BIN NIK ABDULLAH :

بسم الله الرحمن الرحيم

Yang Berhormat Mulia Dato' Speaker, saya pohon untuk mendapatkan jawapan bagi soalan saya nombor 13.

Soalan 13 :

[Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, bilakah Kerajaan Negeri akan menaikkan taraf Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandar Raya Islam kepada taraf bandaraya sesuai dengan taraf Kota Bharu sebagai ibu negeri?]

YB TUAN HILMI BIN ABDULLAH :

Yang Berhormat Dato' Speaker, Kerajaan Negeri sememangnya berhasrat untk menaiktaraf bandaraya islam kepada status taraf bandaraya. Walau bagaimanapun, kajian terhadap keperluan teknikal dan implikasi ke arah tersebut dalam penelitian Kerajaan Negeri.

Antara kriteria asas bagi menjadikan sesebuah PBT sebagai Majlis Bandaraya ialah yang pertama, PBT berkenaan mempunyai jumlah penduduk tidak kurang daripada 500,000 orang dan kedua mempunyai pendapatan dari sumber kewangan yang mampan (*fiscally sustainable*) dengan hasil tahunan tidak kurang daripada RM100 juta serta mampu mengimbangkan perbelanjaan.

Berdasarkan rekod, MPKB-BRI walaupun mampu meningkatkan pungutan hasil setiap tahun masih belum mencapai kriteria asas ialah RM100 juta yang ditetapkan. Walau bagaimanapun, pihak MPKB-BRI telah merangka pelbagai pelan strategik untuk mencapai sasaran berkenaan. Terima kasih.

YB DATO' SPEAKER :

Sila Chempaka.

YB TUAN HAJI NIK BAHRUM BIN NIK ABDULLAH :

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Daripada jawapan yang telah diberikan tadi kita dapat melihat bahawa MPKB memang bercita-cita untuk mendapat status tersebut dan kita doakan semoga MPKB dengan dedikasi daripada pegawai-pegawainya dapat mencapai cita-cita tersebut. Saya ingin bertanya selain daripada MPKB yang dihasratkan

untuk mendapat taraf bandaraya tersebut untuk mendapat sama ada pihak Kerajaan Negeri ada juga merangka ataupun menentukan tahap mana-mana PBT lain untuk juga naik taraf kerana dalam kitanya banyak Majlis Daerah berhenti setakat itu sahaja, sama ada ada cadangan untuk menaikkan taraf lain.

YB TUAN HILMI BIN ABDULLAH :

Terima kasih Chempaka atas soalan tambahan. Selain MPKB-BRI kita ada 12 PBT yang masih lagi bertaraf Majlis Daerah. Dan untuk menaik taraf Majlis Daerah kepada Perbandaran, dia ada dua syarat lah. Yang pertama sekali, pendapatan tidak kurang daripada RM 20 juta, yang pertama penduduk dalam majlis tersebut adalah mancapai lebih daripada 150 000 orang. Dan daripada kajian kita ada 3 Majlis Daerah yang mempunyai potensi untuk dinaik taraf sebagai Perbandaran. Yang pertama sekali, iaitu Ketereh... Ketereh telah mancapai jumlah penduduk. Walau bagaimanapun, jumlah pendapatan tahunan RM 17 juta, perlu lagi RM 2 juta lah.

Yang kedua, Pasir Mas... Pasir Mas telah mancapai jumlah penduduk 216 000 orang dan hasil anggaran perbelanjaan tahun hadapan RM 23 juta telah melepasi RM 20 juta. Kita boleh buat kajian khusus untuk manaik taraf Pasir Mas sebagai Perbandaran. In Shaa Allah kemungkinan hasrat Rantau Panjang untuk dijadikan Rantau Panjang sebagai sub majlis itu tercapai In Shaa Allah.

Dan Gua Musang, pendapatan hasil anggaran belanjawan RM 22 juta telah melepasi RM 20 juta, namun penduduk masih lagi 119 juta... nok 40 000 ore kena ikhtiar lah, tambah anak mereka. Itu antara PBT

YB DATO' SPEAKER : (MENCELAH)

149 juta ko 149 ribu ?

YB TUAN HILMI BIN ABDULLAH :

119 ribu...

YB DATO' SPEAKER : (MENCELAH)

Ohh bukan juta ?

YB TUAN HILMI BIN ABDULLAH :

119 ribu... nok lagi 40 ribu ore boleh 150 boleh angkat Gua Musang sebagai Perbandaran dan Gua Musang berpotensi kerana dia menjadi bandar nuklears antara Kuala Lumpur ke Kota Bharu dan juga Ipoh, Gua Musang amat berpotensi dinaik taraf sebagai sebuah Majlis Perbandaran yang baru. Terima kasih.

YB DATO' SPEAKER :

Sila Bunut Payong.

YB TUAN SHAARI BIN MAT YAMAN :

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Untuk menjadi sebuah bandaraya kita sebagaimana yang disebutkan oleh Kerajaan tadi memerlukan RM 100 juta pendapatan dan juga 500 000 penduduk. Jadi saya mencadangkan ataupun adakah Kerajaan berhasrat untuk menggabungkan Majlis Daerah Ketereh yang sekarang ini mempunyai pendapatan RM 17 juta dan juga MPKB-BRI yang mempunyai pendapatan RM 70 juta lebih. Sekiranya digabung 2 Majlis Daerah tersebut saya rasa ke arah kita sebuah bandaraya akan menjadi satu realiti. Jadi adakah Kerajaan bercadang untuk menggabung kedua-dua PBT tersebut bagi mencapai hasrat untuk menjadikan MPKB sebuah bandaraya. Sekian terima kasih.

YB TUAN HILMI BIN ABDULLAH :

Terima kasih atas soalan daripada Bunut Payong. Memanglah ada cadangan untuk menggabungkan antara Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandar Raya Islam dan juga Majlis Daerah Ketereh Perbandaran Islam untuk menjadikan sebagai cadangan sebuah bandaraya Majlis Perbandaran Bandaraya. Kita masih lagi mengkaji cadangan tersebut mengenai pros and cons baik ataupun buruk penggabungan tersebut memberikan beberapa implikasi pentadbiran dan juga kewangan lah. Kita akan mengkaji cadangan tersebut In Shaa Allah.

YB DATO' SPEAKER :

Dipersilakan Yang Berhormat Kelaboran.

YB TUAN HAJI MOHD ADANAN BIN HASSAN :

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Dato' Speaker, pohon jawapan kepada soalan saya nombor 14.

Soalan 14 :

[Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, apakah perancangan yang dibuat oleh Kerajaan Negeri bagi mencantikkan Tebing Sungai Kelantan di sebelah Kota Bharu dan Tumpat sebagai usaha untuk menarik pelancong di masa akan datang?]

YB DATO' DR. IZANI BIN HUSIN :

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Dato' Amar D'Raja Dato' Speaker, terima kasih kepada Kelaboran. Sebelum saya menjawab soalan ini Yang Berhormat Speaker saya ingin nok selesai kekeliruan Tendong mengenai water level akibat daripada gali sungai. Sungai ini tidok supo gelas, sungai ini hidup yang menentukan water level dia ialah antara kuala dengan hulu. Supo kito gali lago lah, kito gali lago ni water level setakat tu jugok. Kito gali air koho dale dio naik setakat tu jugok. Sebab penentuan water level ini bukan kerana gali, kerana punca level antara dengan ni deh. Jadi nok oyak nyo gali lago ni atau gali sungai tidok menurun water level sungai, hok turun tu ialah kesan cuaca dan juga antara apa tu keseluruhan sungai okay.

Mengenai soalan Kelaboran mengenai mencantikkan tebing sungai. Tebing sungai ini bawah JPS tetapi fungsi JPS nya bukan sabit dengan rekreasi. Dia sabit dengan banyak kerja-kerja dia. Cuma nok ambil sor jah dale banyak-banyak kerja dio ni pengairan, mencegah banjir dan sebagainya, cuma nok ambil sor nya ialah pembaikan tebing sungai. Jadi kerjanya ialah tengok struktur tebing, beki comey dan sebagainya, situ jah. Dan banyak juga apa tu peruntukan yang diberi kepada JPS untuk kerja-kerja tersebut. Hok runtuh di Pohon Celagi ko gapo semo tu. Itulah kerja-kerja JPS tetapi bukan rekreasi .

Rekreasi ini boleh diambil peranan oleh PBT, misal Tumpat kita masuk atas getok tu tulis “Selamat Datang Ke Tumpat” , misalnya di Masjid Kampung Laut boleh tepi tu nok buat dataran apa tu sungai tapi agensi yang melaksanakan salah satunya PBT atau boleh jadi Pelancongan. Bukan bidang tugas JPS. JPS betul-betul untuk jaga kelestarian tebing sungai. Terima kasih.

YB DATO’ SPEAKER :

Okay Kelaboran.

YB TUAN HAJI MOHD ADANAN BIN HASSAN :

Terima kasih atas jawapan yang diberikan. Di samping pembaikan tebing sungai yang kata sentiasa dibaiki untuk nampak cantik, apakah pihak Kerajaan ada perancangan untuk mewujudkan perkhidmatan *river cruise* menyusuri Sungai Kelantan bermula di Jambatan Sultan Yahya hingga ke pulau-pulau.

YB DATO’ DR. IZANI BIN HUSIN :

Terima kasih apa tu soalan tambahan. Kebetulan Kerajaan nyo buat doh dan dale perancangan pun ada lagi lah. Kito ado di Kok Majid, kito ado di Kuala Besar dan kito ado di Tambatan Diraja. Dan di Tambatan itu kita telah bawah Dato’ Mejar sebelum pada ni ialah kita setuju untuk diadakan satu apa tu jeti besar dan juga Yang Berhormat Dato’ Bentara Kanan serta meluluskan pembelian bot-bot untuk tujuan *river cruise* dan sebagainya. Jadi hari ini kita tengok di Kuala Besar, Jeti Terapung yang kita buat tu sudah tidak dapat menampung lagi dah keperluan kerana terlalu ramai orang ke Pulau Suri dan sebagainya. Loni beratus bot doh di situ dan kita sedang fikir untuk menambah satu lagi jeti di Kuala Besar. Jadi benda-benda ni saya rasa banyak dale perancangan Kerajaan untuk menghidupkan kalu kito sungai. Kito kalu gi Sarawak mesti doh jemerey gi mari *water front* dio. Jadi kito ni tidok ado *water front* supo tu tapi sungai kito ni boleh dijadikan satu daripada rekreasi sungai antara semua jeti-jeti ini. Dan ini boleh diperluaskan In Shaa Allah.

YB DATO’ SPEAKER :

Sila Mengkebang.

YB TUAN ZUBIR BIN ABU BAKAR :

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Soalan tambahan saya, di awal tamadun kita di Kelantan ni adalah di tepi-tepi sungai dan di tebing-tebing sungai ni jalan utama dahulunya. Bermula daripada Aur Duri, di Salor sehinggalah Temangan, Paloh Rawa, Kerilla, Kuala Nal hingga ke Batu Lada. Soalan saya adakah perancangan Kerajaan untuk menaik taraf jalan-jalan ini dengan izin *coastal road* untuk merancakkan pelancongan setempat di situ lah, untuk merancakkan sosioekonomi dan merancakkan pelancongan di sekitar jalan tersebut. Terima kasih.

YB DATO' SPEAKER :

Tak berkaitan Yang Berhormat nok jawab tu.

YB DATO' DR. IZANI BIN HUSIN :

Jadi gini lah saya jawablah sikit. Lain soalan, kecek sakni bab sungai pah mari jalan tapi takpo laa kito nok oyak nyo di Kuala Krai kito naik taraf doh tu tanda braklift jadi comey jadi dataran dan sebagainya dan situ juga boleh dijadikan satu tarikan dimana kalu kito nok buat jeti yang baik untuk perahu gi ke pulau mugo Batu Tar gi situ haritu dok gitu. Jadi pelancongan di Kuala Krai semasa JPBT, JPBT telahpun menaik taraf di tangga braklift comey doh raso loni In Shaa Allah.

YB DATO' SPEAKER :

Dipersilakan Yang Berhormat Melor.

YB TUAN WAN ROHIMI BIN WAN DAUD :

Yang Berhormat Dato' Sri Amar D'Raja Dato' Speaker, terima kasih. Saya pohon jawapan kepada soalan saya nombor 15.

Soalan 15 :

[Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, kesediaan Kerajaan Negeri untuk memberikan peruntukan khusus bagi menyediakan pelan alternatif dalam menangani sistem pengairan sawah padi yang kritikal yang sentiasa berulang setiap tahun, termasuk dalam DUN MELOR, bagi membantu pesawah-pesawah membeli pam-pam air,

membekalkan minyak diesel, “boring air” dan membangunkan sistem palong ke sawah-sawah padi bagi menjamin keterjaminan makanan dalam negeri ini.]

YB TUAN HAJI MOHD SARIPUDIN BIN TUAN ISMAIL :

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Terima kasih kepada Dato’ Sri Amar D’Raja Dato’ Speaker dan Yang Berhormat Melor yang bertanyakan tentang kesediaan Kerajaan Negeri untuk memberikan peruntukan khas kepada para petani, pesawah padi yang kritikal dan termasuk di kawasan DUN Melor. Sebagaimana yang dimaklumkan sebelum ini di kawasan sawah padi di DUN Melor adalah kawasan jelapang padi dibawah seliaan KADA. Jadi pihak KADA lah yang sebenarnya yang telah mendapat peruntukan terus daripada Kerajaan Persekutuan, daripada Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan akan membuat penyelenggaraan dan pembangunan, saliran dan pengairan serta bantuan input-input pertanian kepada para pesawah. Jadi saya harap KADA akan lebih prihatin kepada keperluan para pesawah termasuk yang dibuat aduan di DUN Melor ini.

Kerajaan Negeri Kelantan akan beri keutamaan kepada kawasan padi di luar jelapang yang bukan dibawah seliaan KADA bagi meningkatkan hasil pengeluaran padi. Pun demikian Kerajaan masih memberi bantuan kepada para petani dan pesawah walaupun kawasan KADA yang membuat aduan dan permohonan kepada Kerajaan Negeri khususnya melalui pusat-pusat khidmat DUN. Walaupun saya belum dilantik lah sebagai anggota Lembaga Pengarah KADA setakat ini tapi kita tidak mengabaikan kebajikan pesawah In Shaa Allah. Bila ada permohonan kita akan tengok dan memberi keutamaan untuk memberi bantuan yang selayaknya. Sekian terima kasih.

YB DATO’ SPEAKER :

Dipersilakan Yang Berhormat Kuala Balah.

YB DATO’ ABDUL HADI BIN AWANG KECHIL :

Terima kasih Yang Berhormat Dato’ Speaker. Soalan saya nombor 16.

Soalan 16 :

[Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, apakah usaha-usaha yang telah dilakukan oleh kerajaan bagi mencapai sasaran supaya semua PBT di Kelantan mendapat Anugerah Daerah Paling Bahagia dan Standard Asean Clean Tourist City sebagaimana yang diperolehi oleh Majlis Daerah Jeli.]

YB TUAN HILMI BIN ABDULLAH :

Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih kepada Kuala Balah. Kuala Balah bertanya mengenai apakah yang dilakukan Kerajaan Negeri supaya semua PBT Kelantan mendapat Anugerah Daerah Paling Bahagia dan Standard Asean Clean Tourist City dengan izin sebagaimana yang diperolehi oleh Majlis Daerah Jeli.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, Anugerah Daerah Paling Bahagia adalah salah satu inisiatif hasil daripada salah satu indikator dalam program MurniNets iaitu Indeks Kebahagiaan. Indeks Kebahagiaan ini diukur melalui hasil soal selidik tahap kepuasan terhadap keselesaan penduduk dan mutu perkhidmatan pihak berkuasa tempatan. Untuk itu pihak berkuasa tempatan perlu mempertingkatkan mutu perkhidmatan dan memastikan rakyat berada dalam kehidupan yang kondusif melalui penyediaan kemudahan masyarakat yang mencukupi. Antara usaha-usaha yang telah dilakukan oleh Kerajaan bagi mencapai sasaran supaya semua PBT di Kelantan mencapai Standard Asean Clean Tourist City adalah:

(a) Kebersihan di Tempat Awam

Kebersihan di tempat awam merupakan indikator penting untuk menzahirkan penyampaian yang positif kepada pelancong sama ada dari penduduk setempat mahupun dari sektor swasta. Kebersihan yang diwujudkan oleh seluruh tempat awam dan bangunan, kawasan hijau, pasar raya, dan pusat maklumat harus dijaga dan diselenggara oleh pihak berkuasa tempatan dan sekatan akan diberikan kepada sesiapa pun yang mengingkari peraturan. Antara peralatan atau perkara yang perlu diambil kira ialah jumlah tong sampah yang perlu diletakkan di setiap kawasan tertumpu.

(b) Kebersihan di Tandas Awam

Indikator ini merujuk kepada jumlah tandas awam yang terdapat di sekitar tapak pelancongan yang terdapat di bandar tersebut. Kualiti daripada pihak berkuasa tempatan untuk mengawal dan menyelenggarakan tandas awam juga menjadi faktor kepada kejadian bandar terbersih.

(c) Kebersihan di Tapak Pelancongan

Kebersihan di tapak pelancongan merupakan kriteria yang penting di tempat-tempat utama seperti taman permainan, taman rekreasi dan lain-lain. Hal ini merujuk kepada tong sampah yang mencukupi di kawasan pelancongan, kekerapan sampah yang diambil di tong sampah dan kebersihan umum yang dilakukan di kawasan tersebut. Setiap perkara yang melanggar undang-undang akan disaman.

(d) Kebersihan di Sepanjang Jalan Utama

Asean Clean Tourist City Standard menilai setiap keadaan di sepanjang jalan utama di bandar dan di luar dari satu bandar ke bandar yang lain. Hal ini untuk melihat sama ada ia dibersihkan secara berkala atau peralatan yang tersedia seperti tong sampah di setiap jalan utama

Dan untuk makluman, Jeli telah mendapat markah 90.5% dan untuk keseluruhan Kelantan untuk Bandar Bahagia 85.73%. Dan indeks kebahagiaan rakyat Malaysia 83.85% dan kita mengatasi 2% berbanding indeks negara. Tahniah kepada Jeli dan juga Kota Bharu, tahniah.

YB DATO' SPEAKER :

Kuala Balah.

YB DATO' ABDUL HADI BIN AWANG KECHIL :

Terima kasih Dato' Speaker. Terima kasih Yang Berhormat Exco. Ini bukan satu usaha yang senang, ye jauh sangat di antara bandar-bandar lain berbanding dengan Jeli. Kita perlu ucap terima kasih kepada pihak pengurusan Jeli, Tuan D.O pun ada bersama kita di belakang itu terima

kasih. Soalan saya Dato' Speaker adakah Yang Berhormat Exco bersetuju supaya Jeli diberi satu insentif khas bukan sahaja kepada Majlis Daerah tetapi juga kepada Ahli-ahli Majlis dia , staf MDJ dan juga yang bekas-bekas lah yang telah menjadi calon yang menjadi wakil rakyat sekarang. Terima kasih.

YB TUAN HILMI BIN ABDULLAH :

Terima kasih kepada Kuala Balah kerana menjaga kebajikan rakyat dia termasuklah PBT. Kita boleh mengkaji cadangan tersebut, cuma kita di peringkat negeri kita sedang mengambil tarikh untuk diadakan Majlis Anugerah Penyampaian Bandar Mampan, semua bandar kita mampan bandar bahagia, semua bandar kita bahagia dan juga anugerah Jeli sebagai Clean Tourist City dan MPKB lah sebagai Best Index City di Asia Tenggara dan juga dunia. Terima kasih.

YB DATO' SPEAKER :

Sila.... Kita bui kepada Chempaka.

YB TUAN NIK BAHRUM BIN NIK ABDULLAH :

Terima kasih Yang Berhormat Mulia Dato' Speaker. Soalan asalnya ada berkait dengan Bandar Paling Bahagia. Saya nak oleh kerana Yang Berhormat Exco ada sebut berkenaan dengan Kota Bharu sebentar tadi. Kita telah mendapat makluman bahawa Bandar Kota Bharu telah terpilih sebagai antara bandar terbaik di Asia Tenggara dan dunia yang termasuk dalam 1000 bandar yang telah dibuat pemilihan itu daripada 163 negara di seluruh dunia. Jadi saya difahamkan bahawa penilaian tersebut...

YB DATO' SPEAKER : (MENCELAH)

Soalan... soalan Yang Berhormat... soalan.

YB TUAN NIK BAHRUM BIN NIK ABDULLAH :

Beberapa kriteria tersebut. Jadi soalan saya sekiranya Yang Berhormat Exco dapat kongsi dengan semua pada hari ini, apakah kriteria-kriteria yang telah menyebabkan Kota Bharu terpilih sebagai bandar terbaik tersebut supaya boleh dicontohi oleh bandar-bandar yang lain. Terima kasih.

YB TUAN HILMI BIN ABDULLAH :

Terima kasih Chempaka atas soalan. Mujur print artikel. Soalan tu payoh juga tu. Dia ada 5 kategori utama untuk dinilai berdasarkan 27 kategori. Yang 5 tu utama, pertama sekali dengan izin Yang Berhormat Dato' Speaker, economics (ekonomi) lah, human capital (sumber manusia dan tenaga manusia), quality of life (kualiti hidup), environment (alam sekitar) dan juga governance (pentadbiran kerajaan). Sebagaimana kita ketahui kita sebuah negeri yang telah memperkasakan Islam, meletakkan dasar Membangun Bersama Islam. Inilah puncanya kita dapat melepasi semua penilaian yang telah dibuat daripada segi ekonomi kita melaksanakan kewangan Islam, tiada unsur-unsur pemerasan, riba yang mana menyebabkan kita mendapat penilaian yang tinggi. Sumber manusia kita berteraskan budaya kerja UMI (Ubudiyyah, Masuliyyah dan Itqan) dan kualiti hidup kita berteraskan kepada K-RABB yang telah dibentangkan semalam yang mana kita meletakkan hubungan antara masdatulhas sebagai asas utama kehidupan kita. Ringkasnya alam sekitar kita bebas daripada pencemaran asap, pencemaran bau, pencemaran bunyi dan mengekalkan kawasan hijau dan Kerajaan sebagai sebuah Kerajaan yang mana sehingga ke hari ini sifar rasuah, mengamalkan integriti, Kerajaan yang stabil dengan dasar Membangun Bersama Islam, Rakyat Bersama Islam Membangun Bersama Islam adalah kestabilan dan kesinambungan yang akan kita teruskan In Shaa Allah.

YB DATO' SPEAKER :

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya berhasrat untuk menangguhkan Persidangan. Terima kasih kepada semua ahli yang telah menunjukkan kesungguhan dan memberi kerjasama sepanjang Persidangan ini berlangsung.

Persidangan Dewan ditangguhkan dan akan disambung semula pada suatu tarikh yang akan dimaklumkan nanti. Mari lah kita akhiri Persidangan dengan bacaan Tasbih Kafarah dan Surah Al-Asr.

PERSIDANGAN DEWAN DITANGGUHKAN PADA JAM 11.05 PAGI DAN AKAN BERSIDANG PADA SUATU TARIKH YANG AKAN DIMAKLUMKAN KELAK.
